

“DOKUMEN INI BELUM DISEMAK”
[Senarai Ahli-Ahli Parlimen dilampirkan]
[Kandungan dilampirkan]

MALAYSIA

DEWAN RAKYAT

Khamis, 30 Mac 2000

Mesyuarat dimulakan pada pukul 10.00 pagi

DOA

[Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*]

JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN

1. **Tuan Haji Abdul Hamid bin Abdul Rahman [Sungai Benut]** minta Menteri Sumber Manusia menyatakan jumlah kos untuk perancangan penubuhan pusat Bursa Buruh Elektronik (ELX) di Malaysia dan bilakah jangkaan pusat ini akan beroperasi dan apakah aplikasi-aplikasi yang dirancang di dalam sistem ini buat permulaan dan aplikasi jangka panjang dan juga unjuran kapasiti bagi usaha-usaha penyesuaian ke arah pepadanan bagi majikan awam dan swasta dengan pencari kerja di seluruh negara.

Timbalan Menteri Sumber Manusia [Dr. Abdul Latiff bin Ahmad]: Tuan Yang di-Pertua, peruntukan untuk menubuhkan Bursa Buruh Elektronik (ELX) ini adalah sebanyak RM28.26 juta. Kerajaan sedang dalam proses peringkat terakhir penetapan tender yang berjaya. Projek ini dijangka akan beroperasi pada akhir bulan Disember 2000. Aplikasi yang dirancang di bawah ELX adalah sistem pepadanan pekerjaan, pangkalan data pasaran buruh dan sokongan produktiviti pejabat. Aplikasi-aplikasi ini menggunakan sepenuhnya teknologi maklumat dan ini akan meningkatkan perkhidmatan kementerian kepada pelanggannya iaitu pencari kerja dan majikan.

ELX akan berupaya mengendalikan semua urusan pencari kerja dan 120,000 kekosongan jawatan. Keperluan sistem ini yang mencukupi untuk lima tahun akan datang dengan kadar peningkatan 20% setahun. Dalam pada itu, satu ciri yang disyaratkan dalam sistem ELX ini ialah keupayaan untuk dipertingkatkan kapasitinya dari masa ke semasa.

Tuan Haji Abdul Hamid bin Abdul Rahman: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin mengucap tahniah di atas usaha-usaha

kementerian yang mana sudah tentu akan dapat membantu pencari-pencari kerja. Jadi, saya juga ingin tahu daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri apakah perbezaan-perbezaan yang terdapat dengan sistem yang ada sekarang dan dengan sistem yang baru yang akan dijalankan pada awal bulan Disember nanti dan adakah Yang Berhormat sedar bahawa kebanyakan iklan yang ada hari ini menggunakan bahasa Inggeris, tetapi bagi orang-orang kampung yang hendak mencari kerja ini kadang-kadang mereka tidak tahu. jadi, adakah perancangan yang lebih teliti untuk menyelesaikan masalah yang terdapat berhubung dengan masalah ini. Sekian, terima kasih.

Dr. Abdul Latiff bin Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat bagi Sungai Benut. Sepatutnya soalan tambahan ini satu sahaja, sudah jadi dua pula. Yang Berhormat bagi Sungai Benut

Seorang Ahli: Kerja keras.

Dr. Abdul Latiff bin Ahmad: Kerja keraslah itu, ramai agaknya pengundi-pengundi dia yang masih belum dapat kerja. *[Ketawa]*

Tuan Yang di-Pertua, ada dua isu yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat bagi Sungai Benut. Pertama, mengenai sistem yang sedia ada dibandingkan dengan sistem yang tidak menggunakan teknologi maklumat. Saya bagi contoh, buat masa ini katakanlah seorang pencari kerja dari Sungai Benut atau dari Rompin dia terpaksa mendaftar dengan Jabatan Tenaga Rakyat yang memang Jabatan Tenaga Rakyat memberikan khidmat pencari kerja. Kemudian, pegawai di JTR ini akan berusaha memadamkan pekerja-pekerja yang memohon ini dengan jawatan-jawatan yang sedia ada di kawasan-kawasan itu sahaja. Bermakna, mereka yang berada di Gua Musang tidak dapat mengetahui kerja-kerja kosong di Batang Lupar jika ia hanya berurusan dengan pegawai di JTR setempat. Itu masalahnya.

Tetapi dengan adanya sistem ini, adalah tiga software, dengan izin, yang terdapat dalam sistem ELX ini, pertama job clearing system, dengan izin, atau sistem pepadanan pekerjaan yang mempunyai pendaftaran cari kerja, kemas kini pekerjaan yang sudah diisi, pendaftaran perkhidmatan kaunseling pekerjaan dan bermacam lagi. Kedua, adalah pangkalan data pasaran buruh atau dengan izin, labour market data base yang menyediakan peta (map) untuk mengukuhkan pasaran buruh dari dalam dan luar. Bermakna, anak muda kita yang belajar, katakanlah belajar di Amerika, dua-tiga bulan sebelum mereka balik, mereka sudah boleh pergi ke website kita dan

mendaftar. Maknanya, website kita ini bukan sahaja untuk dalam tetapi juga untuk luar.

Isu yang kedua tadi adalah tentang iklan. Memanglah orang kampung sekarang dia tidak baca apatah lagi surat khabar bahasa Inggeris, dia asyik baca *Harakah* sahaja. [*Ketawa*] Iklan ini, untuk perhatian Dewan yang mulia, sebenarnya tidak ada peraturan ataupun perundangan yang mewajibkan majikan mengiklankan jawatan-jawatan kosong dalam surat khabar-surat khabar sama ada surat khabar bahasa Inggeris ataupun surat khabar berbahasa Malaysia. Yang saya tahu syarikat-syarikat atau majikan-majikan mempunyai kaedah-kaedah tertentu cara-cara tersendiri untuk mencari pekerja-pekerja yang berpotensi. Syarikat-syarikat akhbar juga mempunyai strategi marketing yang berbeza, dengan izin, di mana biasanya syarikat-syarikat akhbar ini menyediakan pakej-pakej tertentu yang boleh menarik majikan seperti bayaran-bayaran yang ada diskounnya untuk pengiklanan sepanjang satu tahun. Saya harap penerangan saya itu dapat diterima oleh Yang Berhormat bagi Sungai Benut.

Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis: Terima kasih dan tahniah kepada kementerian khususnya Yang Berhormat Timbalan Menteri yang kawasannya sebelah kawasan saya. Syabas kepada usaha untuk menubuhkan Pusat Tenaga Rakyat secara virtual. Kalau dahulu tidak ada langsung Pusat Tenaga Rakyat di kawasan Rompin dan Mersing, alhamdulillah, dengan secara virtual ini semuanya ada. Tetapi saya hendak bertanya ialah bahawa amat baik kita mengadakan pendekatan melalui IT. Tetapi mereka yang katakanlah nelayan, yang dia tahu hanya pangkalan nelayan itu sahaja, yang dia tahu net ialah fishing net, bukan Internet, [*Ketawa*] PC apa dia PC, dia pun tidak tahu apa dia PC ini – private and confidentialkah. Bagaimana Yang Berhormat Timbalan Menteri supaya pendekatan ini, user friendly mengenakan terminology IT ini. Adakah kementerian Yang Berhormat akan bekerjasama dengan pejabat Pos tempatan ataupun pejabat daerah atau bank tempatan yang mempunyai rangkaian luar bandar. Saya bimbang sedikit, Tuan Yang di-Pertua, kita mungkin ada teknologi yang tinggi, tetapi masyarakat di luar bandar mereka takut bila dengar cerita-cerita yang pelik-pelik ini. Bagaimana, usaha yang baik ini, idea yang baik ini, pendekatan yang baik ini benar-benar dapat dihayati dan memberikan manfaat kepada semua lapisan rakyat terutama sekali masyarakat luar bandar.

Dr. Abdul Latiff bin Ahmad: Terima kasihlah Yang Berhormat bagi Rompin. Rompin dengan Mersing ini ada sejarah, Sri Mersing. 'Dagang Pak Malau - kajang tuan kajang melipat.'

Tuan Yang di-Pertua, ingin saya maklumkan di Dewan yang mulia ini, buat masa ini pun sudah ada dua website yang dilancarkan di negara kita iaitu *Job Seekers* dan juga '*job-politan*' yang lebih kurang menawarkan perkhidmatan yang sama. Jadi, budaya takut kepada IT dan budaya takut akhirnya ia menjadi gajah putih atau tidak sampai ke akar umbi penggunaan perkhidmatan ini, kerana kita sudah belanja duit rakyat RM28 juta. Saya ucap tahniah dan terima kasih kepada Yang Berhormat bagi Rompin kerana keprihatinan beliau. Kita di kementerian dengan adanya pejabat JTR yang sebenarnya merata di seluruh negara, yang tidak ada dekat Mersing dengan Rompinlah. Insya-Allah, ada.

Jadi, budaya ini memang biasa, kalau kita lihat sejarah electronic teller machine, cukup sahaja keluar duit, dahulu orang kampung pun takut juga. Bolehkah keluar duit dari mesin ini. Tetapi dalam masa lima atau sepuluh tahun, budaya ini telah tidak ada. Jadi, kita memang sentiasa berusaha untuk memastikan penggunaan ini dapat dinikmati oleh rakyat dan kita memang tahu mereka yang menggunakan kemudahan ini adalah mereka yang belum dapat kerja, job seekers dan '*job-politan*' menggunakan perkhidmatan cajnya yang tertentu kepada majikan yang saya fahamlah, tetapi untuk mereka yang hendak mencari kerja ini, belum ada caj yang dikenakan.

Jadi, saya yakin dan percaya, cadangan dari Ahli Yang Berhormat bagi Rompin untuk menggunakan pejabat pos akan kita kaji. Walau bagaimanapun, dengan adanya ELX ini, hardware komputer akan diletakkan di Pejabat-pejabat Tenaga Rakyat di mana pencari-pencari pekerja boleh terus berurusan dengan jabatan kita secara elektronik. Dalam software itu pun kita menentukan tarikh temuduga. Jadi, kalau tidak pergi ke Jabatan Tenaga Rakyat untuk mendaftar, kita boleh pergi ke cybercafe yang merata di negara kita dan boleh mendaftar dan segala maklumat yang didaftarkan itu memanglah confidential dan secara sulit.

2. Tuan Lee Kah Choon [Jelutong] minta Perdana Menteri menyatakan sama ada kementerian bercadang mengizinkan peguam asing untuk mengamal ("practise") di Malaysia.

Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri [Tuan Haji Noh bin Haji Omar]: Tuan Yang di-Pertua, Bahagian 2A Akta Profesion Undang-undang 1976 yang dijadikan berkuat kuasa pada 1 Februari 1999 membolehkan kerajaan dan pihak-pihak lain untuk mendapatkan khidmat kepeguaman luar dalam perkara-perkara yang tiada kepakaran tentangnya di negara ini dan yang tidak dapat diperolehi melalui peruntukan lain yang sedia ada. Contohnya, Seksyen 18 Akta Profesion Undang-undang 1976. Selain itu, kemasukan ini juga akan membolehkan firma-firma peguam di Malaysia memperluaskan dan mempelbagaikan jenis khidmat yang dapat diberikan.

Sebagai contoh, sesuatu firma peguam yang memberikan khidmat kepeguaman kepada syarikat yang berurusan dengan mana-mana negara European Union akan dapat mengambil kerja atau mengambil khidmat seseorang pakar undang-undang European Union dalam suatu jangka masa tertentu.

Kekhuatiran sesetengah pihak bahawa dengan berkuatkuasanya Bahagian 2A Akta Profesion Undang-undang 1976, maka sesiapa sahaja akan dapat diterima masuk untuk menjalankan amalan kepeguaman di negara ini tidak berasas sama sekali. Peguam Negara akan memastikan bahawa peguam asing hanya diberi perakuan kemasukan khas sekiranya mereka akan bekerja dengan suatu firma peguam yang sedia ada atau akan menjadi pekongsi dalam sesuatu firma peguam yang sedia ada, atau akan diambil khidmat sebagai perunding dengan mana-mana firma peguam yang sedia ada di Malaysia. Mereka juga boleh diberi perakuan kemasukan khas sekiranya jika diambil kerja atau diambil khidmat oleh Kerajaan Persekutuan atau kerajaan mana-mana negeri.

Mereka tidak boleh menjalankan amalan kepeguaman secara sendiri atau menubuhkan firma peguam mereka sendiri dengan menggunakan laluan kemasukan khas ini. Permohonan untuk mendapatkan perakuan kemasukan khas ini mestilah dibuat melalui firma guaman yang berkenaan, jika mereka hendak diambil kerja atau diambil khidmat oleh Kerajaan Persekutuan, permohonan perlu dikemukakan melalui kementerian yang berkenaan. Jika hendak diambil kerja atau diambil khidmat oleh kerajaan negeri pula, permohonan mesti dikemukakan melalui Peguam Besar atau Penasihat Undang-undang Negeri yang berkenaan.

Setiap permohonan perlu disokong oleh firma peguam kementerian, Peguam Besar Negeri atau Penasihat Undang-undang Negeri yang berkenaan sebelum permohonan ini dapat dipertimbangkan.

Tuan Lee Kah Choon: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih. Soalan tambahan saya adalah jikalau peguam asing akan dibenarkan mengamal di Malaysia walaupun dengan restriction, bilakah peguam-peguam di Semenanjung Malaysia boleh mengamal di Sabah dan Sarawak dengan bebasnya. Terima kasih.

Tuan Haji Noh bin Haji Omar: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih. Soalan mengenai ada sekatan di antara peguam Semenanjung dengan peguam Sabah dan Sarawak ini memang selalu dibangkitkan. Jadi, kita sedia maklum bahawa ada beberapa peraturan di antara Sabah dengan Semenanjung, bukan sahaja daripada segi peraturan practicing peguam ini tetapi juga seperti peraturan Imigresen seba gai contoh masih lagi kita lihat seolah-olah wujud macam dua negeri.

Walau bagaimanapun, segala pandangan ini akan diambil kira dan kita akan mengkaji peraturan-peraturan terutamanya Akta Profesion Undang-undang untuk menyampaikan hasrat Yang Berhormat.

Tuan Lim Hock Seng: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih, soalan saya juga berkenaan dengan Sabah dan Sarawak. Adakah peraturan-peraturan peguam asing practise di Malaysia ini juga terpakai untuk Sabah dan Sarawak kerana saya baca dalam surat khabar baru-baru ini, satu kes, defamation suit antara Ting Peck King dengan seorang tokoh negeri itu, Datuk Ting ada memakai seorang Queen Council. Jadi, sama ada peraturan peguam asing berkhidmat di Malaysia serupa juga dipakai di negeri Sabah dan Sarawak.

Tuan Haji Noh bin Haji Omar: Terima kasih Yang Berhormat Bagan. Saya perlu jelaskan bahawa isu Yang Berhormat bangkitkan tadi, isu yang lain. Isu yang saya terangkan tadi ialah practicing, ertinya membolehkan peguam menjalankan amalan guamannya di Malaysia, tetapi Yang Berhormat bangkitkan tadi, itu adalah kes *ad hoc*. Di mana permohonan ini untuk membolehkan seseorang peguam asing dan QC mewakili anak guamannya, ini bukan bidang kuasa Peguam Negara tetapi terletak kepada budi bicara hakim yang mendengar kes tersebut. Jadi, dua perkara yang berbeza. Jadi, kes Yang Berhormat sebutkan tadi, itu kemungkinan pada fikiran hakim yang mendengar kes-kes tersebut ada kepakaran-kepakaran tertentu yang mungkin tidak terdapat di kalangan peguam tempatan, maka hakim yang mendengar kes tersebut boleh membenarkan peguam asing mendengar kes itu secara *ad hoc*. Terima kasih.

3. Tuan Taib Azamuddeen bin Md. Taib [Baling] minta Perdana Menteri menyatakan sama ada kumpulan antihadis dianggap sebagai ajaran salah dan sejauh manakah tindakan dan pelaksanaan fatwa (jika ada) kerajaan terhadap golongan antihadis.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Paduka Dr. Haji Abdul Hamid bin Haji Othman]: Tuan Yang di-Pertua, muzakarah khas fatwa kebangsaan yang bersidang pada 6 September 1995 telah memutuskan bahawa ahli antihadis adalah merupakan golongan sesat yang menyeleweng dari segi akidah, syariat dan akhlak Islam. Keputusan muzakarah fatwa berkenaan telah diedarkan kepada negeri-negeri untuk difatwa dan diwartakan.

Setakat ini lapan buah negeri telah memfatwakannya dan telah mewartakannya. Manakala negeri-negeri yang lain telah difatwa dan menunggu untuk diwartakan. Mana-mana kumpulan berkenaan yang masih melanggar fatwa negeri, maka negeri berkenaan boleh mengambil tindakan di bawah akta atau enakmen negeri masing-masing.

Tuan Nasharudin bin Mat Isa: Tuan Yang di-Pertua, seperti mana yang sedia maklum bahawa antihadis antara lain bermaksud penafian terhadap salah satu daripada hadis-hadis sama ada 'qauliah', 'fa'diah' ataupun 'taqririah'. Soalan yang saya ingin tujukan adalah apakah tindakan yang boleh dan telah diambil terhadap penafian kepada mana-mana hadis Nabi s.a.w. termasuklah contohnya, hadis qauliah daripada Nabi [*membraaca hadis*] dalam kes murtad, orang yang menukar agamanya boleh dibunuh. Keduanya, contoh yang boleh diambil tindakan, tetapi sejauh mana telah dan akan diambil tindakan terhadap penghinaan terhadap hadis-hadis yang sabit daripada Nabi s.a.w. juga seperti penghinaan terhadap janggut Nabi, pakaian Nabi dan sebagainya.

Dato' Paduka Dr. Haji Abdul Hamid bin Haji Othman: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat dan Ahli-ahli Yang Berhormat yang lain, kita membincang bab antihadis ialah penolakan hadis sebagai nas. Bukan ertinya tidak menerima mana-mana hadis tertentu. Itu perbincangan kita. Kerana di dalam ilmu Islam bahawa hadis itu [*menyebut beberapa perkataan dalam bahasa Arab*]. Jadi, 'ghairi quata'iyah', jadi sahabat saya dari Baling tentu faham bab ini.

[menyebut beberapa perkataan dalam bahasa Arab]. Yakni hadis yang kita bincangkan ini, orang yang menolak hadis sebagai satu sumber hukum, bukan menolak hadis-hadis tertentu, maka sebab itu di dalam koleksi-koleksi hadis kita ada banyak, enam yang telah ditentukan, ada yang diterima oleh pengumpul hadis utama – Bokhari, tetapi ia tidak diterima oleh pengumpul hadis yang lain dan yang ditolak oleh Bokhari sebaliknya ditolak oleh Bokhari diterima oleh orang lain.

Maka sebab itu perbincangan kita ini ialah perbincangan mengenai antihadis iaitu menolak hadis, bahawa kalau disebut hadis maka itu bukan sumber hukum.

Tuan Taib Azamuddin bin Md. Taib: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih dan Yang Berhormat Menteri. Dari jawapan yang telah dijelaskan oleh Yang Berhormat pada awal tadi mengatakan muzakarah fatwa telah pun diputuskan pada 6 September 1995 terhadap golongan antihadis, makna agak lama. Jadi, begitu juga kepada golongan yang masih melanggar, maka tindakan-tindakan itu perlu diambil, bagaimana sikap ataupun ketegasan pihak kerajaan terhadap tokoh-tokoh antihadis yang diberi ruang dalam media, dalam akhbar yang meneruskan penulisan-penulisannya yang kita sifatkan sebagai mengancam pemikiran umat Islam tentang hadis ini dan di dalam penulisan-penulisan itu, mereka juga adalah mempengaruhi masyarakat ramai khususnya umat Islam supaya terpengaruh dengan mereka dan dengan ini bermakna muzakarah fatwa kita itu seolah-olah tidak memberi kesan apa-apa.

Dan begitu juga apakah pendekatan dan takrif atau definisi yang diguna pakai oleh pihak kerajaan mengenai dengan sesat dan menyeleweng terhadap sesuatu pegangan ini memandangkan ceramah-ceramah atau pandangan-pandangan dari pihak PAS dianggap sesat dan menyeleweng juga, walaupun benda itu adalah menepati antaranya dengan kehendak Mastika Hadis yang dikeluarkan oleh JAKIM sendiri.

Dato' Paduka Dr. Haji Abdul Hamid bin Haji Othman: Tuan Yang di-Pertua, fatwa ini dibuat tetapi seperti mana yang diketahui umum bahawa bidang kuasa tindakan ialah ada pada negeri-negeri. Walau bagaimanapun, fatwa itu memberi kesan yang besar kepada masyarakat kita. Matlamat kita dua. Yang pertama, ialah untuk mengawal orang ramai daripada terpengaruh dengan pendapat-pendapat seperti ini. Alhamdulillah, kegiatan penerangan dan memahamkan orang ramai tentang hal ini berjaya.

Yang kedua ialah tindakan terhadap individu tertentu. Maka ini ada tindakan dibuat dan kesannya juga boleh diiktiraf tetapi kejayaan seratus-peratus untuk mengambil tindakan ke atas individu tertentu adalah agak sukar.

Perkara yang kedua ditimbulkan oleh Yang Berhormat bagi Baling bahawa ada pendapat-pendapat daripada politik yang dianggap salah, maka itu memang terang-terang salah. Misalnya, apabila dikaitkan bahawa syarat sebagai kesempurnaan seorang Islam kenalah cenderung kepada parti tertentu. Memang ada dalam perbincangan usul Fikh [*Membaca Sepotong Ayat Quran*] bahawa wajib tidak kesempurnaan penunaian sesuatu kewajipan kecuali dengan menunaikan sesuatu perkara, perkara-perkara itu wajib. Perkara yang serupa ini tidak boleh dikaitkan dengan akidah. Orang yang mengaji ilmu syarak faham bahawa kaedah ini dibuat oleh Fukahah. Fukahah ini ialah banyak cara-cara dan penentuannya tetapi kalau disyaratkan akidah orang Islam tidak sempurna kecuali menunjukkan sokongan kepada mana-mana pihak yang mengaku bahawa dia sahaja yang Islam orang lain tidak memperjuangkan Islam, maka itu, kita akan balik semula kepada kancah pergaduhan sesama umat Islam selepas Nabi wafat hinggalah kepada akhir-akhirnya, maka runtuh negara Islam dan kekuatan Islam dibuat fatwa-fatwa dan pandangan-pandangan seperti mana Yang Berhormat sebut tadi.

4. **Tuan Ho Cheong Sing [Ipoh Barat]** minta Menteri Dalam Negeri menyatakan sama ada kementerian sedar bahawa terdapat kelambatan yang sedang berlaku di pintu Imigresen ke atas pelancong negara China yang datang melancong ke negara kita. Pelancong-pelancong ini dikehendaki menunggu selama 5 jam sebelum dapat masuk ke negara kita dan telah menjejaskan imej baik negara kita. Jika ya, nyatakan:-

- (a) berapa ramaikah pelancong dari negara China yang datang melawat ke negara kita melalui Thailand dan Singapura; dan
- (b) apakah sebab-sebab yang mengakibatkan kelambatan ini.

Timbalan Menteri Dalam Negeri [Dato' Zainal Abidin bin Zin]: Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Kementerian Dalam Negeri tidak menafikan bahawa pernah berlaku kejadian pelancong-pelancong warga negara Republik China terkandas di pintu-pintu masuk akibat pemeriksaan Imigresen ke atas mereka memakan masa lebih lama daripada

sepatutnya. Kejadian seumpama ini memang tidak dapat dielakkan disebabkan kemasukan pelancong-pelancong berkenaan didapati tidak memenuhi syarat-syarat yang telah ditetapkan. Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Dalam Negeri tidak menyimpan statistik mengenai kemasukan pelancong rakyat China ini melalui Thailand dan juga Singapura.

- (b) Antara sebab-sebab yang dikenal pasti menjadikan pelancong-pelancong dari negara China terkandas di pintu masuk ialah tidak mempunyai visa melancong ke negara ini setelah tiba dari Negara Ketiga. Permohonan untuk mendapat kemudahan visa, dengan izin, visa on arrival di pintu masuk didapati tidak teratur. Penganjur yang menaja kemasukan pelancong berkenaan tidak menunggu atau menjemput mereka di pintu masuk dan pelancong berkenaan disyaki tergolong sebagai imigran larangan. Semakan sewajarnya perlu dilakukan sebelum mereka diberi sebarang kemudahan Imigresen masuk ke negara ini.

Puan Hajah Mastika Junaidah binti Husin: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan. Saya berterima kasih di atas penerangan yang disebutkan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri tadi dan saya difahamkan bahawa pihak Imigresen telah pun mengadakan sistem pengkomputeran untuk merekod dan juga untuk memantau kemasukan dan juga pendaratan pelancong-pelancong dan juga kemasukan melalui pintu masuk di negara kita. Tetapi apa yang saya difahamkan bahawa melalui usaha-usaha baru yang berteknologi tinggi dijalankan oleh pihak Imigresen pada masa ini telah pun menimbulkan masalah di mana pihak Imigresen tidak dapat menyediakan laporan sehingga berbulan-bulan lamanya walaupun kita telah pun menanam modal yang begitu tinggi untuk merentukan sistem rekod dan sistem pemantauan kita dapat berjalan dengan baik.

Saya ingin bertanya dengan Yang Berhormat, adakah Yang Berhormat sedar dalam perkara ini dan apakah tindakan yang dapat dijalankan oleh pihak Imigresen supaya usaha-usaha yang dijalankan ini dapat lebih memberikan usaha-usaha yang lebih baik dan laporan yang lebih tepat, lebih cepat dapat dikeluarkan oleh Jabatan Imigresen ini. Terima kasih.

Dato' Zainal Abidin bin Zin: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih atas soalan tambahan ini. Sebenarnya usaha untuk melengkapkan rekod-rekod yang berkenaan memang sentiasa dilakukan tetapi dalam perkara rekod kemasukan pendatang-pendatang ataupun pelancong-pelancong dari negara China ini, dari segi bilangannya telah pun diberitahu oleh Timbalan Menteri Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan dalam menggulung perbahasan Belanjawan baru-baru ini, dari segi bilangannya. Kita menganggap jawapan itu adalah jawapan kerajaan, maka tidak perlu daripada Kementerian Dalam Negeri ataupun daripada pihak Imigresen mengemukakan jawapan dalam bentuk bilangan pelancong yang masuk dari negara China itu sekali lagi.

Dalam masalah menentukan rekod-rekod yang dikehendaki oleh orang-orang yang tertentu, saya percaya kalau khusus persoalan itu dibangkitkan dan dikemukakan kepada Kementerian Dalam Negeri, mana-mana jabatan di bawah Kementerian Dalam Negeri, kita akan usahakan menyelesaikan persoalan yang dibangkitkan sama ada dari segi peraturan ataupun dari segi bilangannya. Penggunaan sistem pengkomputeran dalam dunia teknologi moden ini adalah memberi kemudahan kepada kita dalam menjalankan kerja-kerja seperti mana yang diterangkan oleh Yang Berhormat itu dan insya-Allah kita akan meningkatkan lagi kerja yang baik ini untuk kepentingan kita di dalam negara ini dan untuk kepentingan pelancong yang datang dari negara luar. Terima kasih.

5. **Datin Seri Dr. Wan Azizah Wan Ismail [Permatang Pauh]** minta Perdana Menteri menyatakan apakah faktor-faktor yang menghalang kerajaan daripada membentuk Badan Pencegah Rasuah sebagai Suruhanjaya Berperlembagaan yang bebas dari kawalan Eksekutif dan bertanggungjawab terus kepada Parlimen.

Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri [Tuan Haji Noh bin Haji Omar]: Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan Barisan Nasional mempunyai keyakinan yang penuh di atas kewibawaan Badan Pencegah Rasuah (BPR), agensi khusus yang dipertanggungjawabkan untuk membendung dan mencegah jenayah rasuah, penyelewengan dan salah guna kuasa di negara ini. Kerajaan berpendapat adalah tidak perlu untuk meletakkan BPR di bawah tanggungjawab Parlimen dan menjadikannya sebagai Suruhanjaya Berperlembagaan bagi mengelakkan isu-isu rasuah daripada dipolitikan. BPR adalah bebas untuk menyiasat sesiapa sahaja mengikut kuasa-kuasa

yang diperuntukkan oleh undang-undang dan kerajaan akan memastikan kebebasan BPR tersebut terjamin. Kebebasan BPR untuk menyiasat termaktub di bawah Seksyen 8 Akta Pencegah Rasuah 1997 di mana menyatakan, *“Maka adalah menjadi kewajipan Ketua Pengarah dan pegawai-pegawai Badan untuk menerima dan menimbangkan apa-apa aduan tentang perlakuan kesalahan di bawah akta ini dan menyiasat mana-mana aduan itu sebagaimana yang difikirkan praktis oleh Ketua Pengarah atau pegawai-pegawai itu.”*

Kebebasan Badan ini menyiasat telah terbukti sebelum ini dengan siasatannya terhadap kepimpinan tertinggi kerajaan termasuklah di peringkat pusat dan negeri, bahkan ada di antara mereka telah dituduh di mahkamah dan dijatuhi hukuman. Kerajaan juga tidak pernah menekan BPR untuk menyiasat atau menutup kes yang disiasat. Hanya kerana terdapat beberapa kes yang tidak dapat dibawa ke mahkamah atau lewat diambil tindakan, bukanlah satu ukuran untuk mengatakan BPR tidak bebas sehingga memerlukan BPR diletakkan di bawah kawalan Parlimen. Kita harus mengambil kira complexity sesuatu kes, batasan kuasa-kuasa perundangan yang ada, proses pengumpulan bukti dan keterangan serta kerjasama saksi-saksi yang sanggup tampil untuk memberi keterangan. Sekiranya terdapat saksi-saksi yang berada di luar negeri yang tidak mahu memberikan kerjasama sedangkan kita tidak mempunyai kuasa perundangan untuk memaksa mereka berbuat demikian dan jika terdapat dokumen-dokumen di bank luar negara yang tidak dapat diperolehi sehinggakan siasatan kes mengambil masa yang lama, adakah adil untuk mengatakan BPR tidak bebas.

Untuk mempertingkatkan keberkesanan dan keupayaan BPR, Kerajaan Barisan Nasional pada dasarnya telah bersetuju untuk mempertimbangkan tambahan keanggotaan di BPR, memperbaiki skim perkhidmatan yang sedia ada di samping memberikan peruntukan tambahan dan logistik agar tindakan pembanterasan dan pencegahan yang efektif serta menyeluruh dapat dilaksanakan.

Datin Seri Dr. Wan Azizah Wan Ismail: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan. Tidakkah Yang Berhormat setuju bahawa apa yang dianggap bebas itu bukan sahaja benar-benar bebas tetapi ianya harus kelihatan bebas. Dalam konteks ini bagaimanakah BPR mahu dianggap benar-benar bebas, jauh sekali untuk dilihat sebagai bebas sekiranya tiada sekatan ke atas orang-orang tertentu walaupun laporan telah dibuat. Ada juga kes yang telah dibuka fail siasatan apabila

laporan dibuat tetapi diperlambatkan memandangkan aduan tersebut melibatkan orang-orang tertentu yang berkepentingan. Terima kasih.

Tuan Haji Noh bin Haji Omar: Tuan Yang di-Pertua, sebagaimana yang saya nyatakan tadi, BPR hanya boleh bertindak mengikut bidang kuasa di bawah Akta BPR yang telah diluluskan oleh Parlimen ini. Sebagaimana yang kita sedia maklum, tugas BPR ialah untuk menyiasat. Apabila BPR selesai menyiasat, maka kes ini akan diserahkan kepada Peguam Negara untuk memutuskan sama ada kes ini boleh didakwa ataupun tidak kerana sebagaimana Yang Berhormat sedia maklum, setakat ini di mana-mana negara sekalipun, pengasingan kuasa menyiasat dan pendakwaan telah wujud bagi mengelakkan ketidakadilan.

Persaingan ini perlu supaya sistem check and balance diwujudkan, membenarkan sebuah agensi yang menjalankan siasatan membuat keputusan pendakwaan akan mempunyai implikasi ke atas prinsip kuasa tersebut. Maksudnya, kalau BPR siasat adalah tidak boleh kita benarkan orang yang menyiasat terus mendakwa dan juga termaktub di dalam Akta BPR ini di bawah Seksyen 36 Akta Pencegah Rasuah 1991 yang telah kita mansuhkan dan kita ganti dengan Seksyen 50 Akta Pencegah Rasuah 1997 di mana menyatakan pendakwaan sesuatu kesalahan di bawah akta ini tidak boleh dimulakan kecuali, atau dengan kebenaran pendakwa raya ataupun Peguam Negara yang diberikan kuasa di bawah Artikel 145(3) Perlembagaan akan meneliti sesuatu penyiasatan itu kerana dari segi perundangan *burden of proof* yang harus dibuktikan oleh pihak pendakwa terlalu tinggi iaitu melampaui keraguan yang munasabah ataupun *beyond reasonable doubt* sedangkan pihak pembela untuk melepaskan satu-satu kes yang dibelanya hanya untuk menimbulkan keraguan yang munasabah.

Jadi, saya amat yakin segala laporan dan penyiasatan yang BPR telah laksanakan telah diteliti dengan begitu teliti oleh pihak Peguam Negara dan tindakan-tindakan sebagaimana yang saya nyatakan tadi telah diambil, bukan sahaja kepada orang biasa termasuk juga beberapa kepimpinan negeri, kepimpinan negara dan juga tokoh-tokoh agensi kerajaan yang telah pun kita ambil tindakan. Terima kasih.

Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis: Terima kasih, Setiausaha Parlimen. Soalan nombor 5 ini saya renungi juga. Saya yakin ramai di Dewan yang mulia ini renungi, mungkin ada satu perkara yang hendak disampaikan dengan persoalan ini tetapi saya hendak bertanya di negara Barat macam mana, di

Eropah, adakah juga seperti di negara kita. Badan yang begini juga seperti struktur di negara kita? Di Amerika, begitu juga yang selalu datang ke mari berjumpa juga tokoh-tokoh belah sana tetapi mempunyai struktur yang sama. Betul atau tidak?

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat....

Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis: Kalau kita mengikut struktur yang sama, apa yang dilaungkan di negara kita, mungkin ada 'udang di sebalik batu' dalam persoalan ini.

Tuan Haji Noh bin Haji Omar: Terima kasih Yang Berhormat bagi Rompin. Tadi saya nyatakan bahawa tugas/bidang kuasa BPR dan kuasa ini saya percaya di negara-negara Komanwel mempunyai kuasa, cara seperti yang kita amalkan dan kalau hendak dinyatakan bebas, kita lihat di luar negara pun, sebuah negara yang mengatakan, memperjuangkan kebebasan yang begitu hebat dengan hak asasinya tetapi kita baca sejak akhir-akhir ini terdapat pihak-pihak berkuasa di negara-negara tersebut menembak kulit hitam di mana pengadilannya kita lihat tidak adil, semata-mata yang kena tembak itu adalah kulit hitam, maka orang yang menembaknya kulit putih, maka mahkamah melepaskan mereka. Jadi, kebebasan ini terlalu subjektif.

Jadi, seperti juga Suruhanjaya Pilihan Raya kita letak di bawah suruhanjaya. Pilihanraya dijalankan dengan aman, dengan baik, pembangkang ramai dalam Dewan ini tetapi pembangkang berkempen di mana-mana mengatakan suruhanjaya pilihan raya masih juga tidak bebas. Jadi, apa sahaja yang kerajaan buat tentu pembangkang mengatakan tidak bebas dan tidak adil jika tidak menyebelahi mereka. Kalau keputusan itu menyebelahi mereka, menyokong mereka, barulah mereka kata itu yang adil. Terima kasih.

6. **Dato' Haji Zulhasnan bin Rafique [Wangsa Maju]** minta Menteri Pertahanan menyatakan apakah ada perbincangan di peringkat negara untuk mewujudkan 'National Service' memandangkan lunturnya semangat patriotik, tatatertib dan disiplin di kalangan generasi muda akhir-akhir ini.

Timbalan Menteri Pertahanan [Datuk Mohd. Shafie bin Haji Apdal]: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, perbincangan di peringkat negara untuk mewujudkan 'National Service', dengan izin, memang kerap diadakan sehingga di peringkat Kabinet. Namun demikian, kerajaan telah mengambil

keputusan bahawa keperluan mengadakan 'National Service' didapati tidak mendesak kerana wujudnya kestabilan politik dan keamanan serantau. Di samping itu, program ini juga memerlukan peruntukan kewangan yang besar. Selain dari itu, setakat ini Kementerian Pertahanan tidak menghadapi kesukaran untuk mengambil rekrut baru untuk perkhidmatan-perkhidmatan Angkatan Tentera walaupun bersaing hebat dengan sektor awam dan swasta yang menjanjikan pulangan ekonomi yang lebih tinggi. Keadaan ini mempamerkan semangat patriotik generasi muda masih di tahap membanggakan dan sanggup menjadi anggota tentera secara sukarela.

Dalam aspek kelunturan tahap tatatertib dan disiplin di kalangan generasi muda, Kementerian Pertahanan berterusan mempertingkatkan usaha memperbesarkan Pasukan Kadet Bersatu Malaysia (PKBM) di peringkat sekolah-sekolah menengah. Statistik mutakhir mencatatkan pasukan PKBM mempunyai lebih dari 10,000 anggota yang terdiri daripada 304 platon di seluruh negara. Program PKBM yang telah diimplementasikan sekian lama terbukti telah membantu memupuk semangat patriotik, meningkatkan tahap tatatertib dan disiplin di kalangan mereka.

Usaha melalui pembesaran anggota Pasukan Latihan Pegawai Simpanan (PALAPES) di semua institusi pengajian tinggi yang bertujuan sebagai pelapis untuk kepimpinan Angkatan Tentera juga berarah untuk mempertingkatkan semangat patriotik, tatatertib dan disiplin di sebahagian kalangan generasi muda yang terlibat. Pengwujudannya dan pembesaran Pasukan Simpanan Angkatan Tentera dengan memberi keutamaan kepada generasi untuk menyertainya bukan sahaja sebagai strategi alternatif bagi persediaan menghadapi ancaman tetapi juga demi pembangunan ke arah yang sama. Namun demikian, usaha-usaha lain yang direalisasikan oleh kementerian-kementerian lain seperti Kementerian Belia dan Sukan melalui program Rakan Muda dan sebagainya.

Dato' Haji Zulhasnan bin Rafique: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, saya ada penjelasan sedikit dan soalan tambahan untuk Yang Berhormat Timbalan Menteri. Terima kasih atas penjelasan Yang Berhormat. Tanggungjawab mempertahankan negara kita ini bukan sahaja terletak di bawah Angkatan Tentera atau polis tetapi semua sekali rakyat Malaysia patut memahami dan akan menjadi sebahagian daripada bahan jentera sebelum dan apabila perang berlaku. Saya setuju dengan konsep 'National Service' ini agak mahal untuk dilaksanakan tetapi saya fikir

kita tidak dapat meletakkan harga atas hak kebebasan atau dengan izin, *freedom* sebuah negara.

Saya berpendapat aktiviti-aktiviti di tahap sekolah, contohnya Pasukan Kadet Tentera dan juga Kadet Polis, pertahanan sivil seperti Pasukan Bulan Sabit, hanya melibatkan segelintir peratusan belia-belia sahaja, khususnya mereka yang berminat, ini termasuk Askar Wataniah. Kerajaan patutlah tujukan perhatian kepada golongan-golongan peratusan besar yang tidak berminat juga kita akan dapat meresapkan rakyat semua sekalilah, khususnya belia-belia tentang ciri-ciri disiplin dengan izin, *patriotism* dan *nationalism* dan paling penting pada masa ini konsep bersyukur dan cintai kepada tanah air kita.

Soalan saya, Tuan Yang di-Pertua, patutlah kerajaan mengkaji balik keputusannya di mana kita dapat merangkumi dengan izin, *some form of National Service*. Contohnya, berkhidmat selama 3 bulan selepas SPM atau kita menentukan tajuk pelajaran *Militaries Studies* diresapkan dan dijadikan tajuk yang wajib di sekolah-sekolah menengah dan lain-lain cara. Terima kasih.

Datuk Mohd. Shafie bin Haji Apdal: Terima kasih Ahli Yang Berhormat bagi Wangsa Maju. Memang itu adalah satu cadangan yang baik kerana beliau adalah seorang bekas tentera. Dan sememangnya kementerian kita berusaha untuk menanamkan semangat patriotisme di kalangan generasi yang mendatang seperti yang saya sebutkan tadi. Jadi, dengan itu kita menggalakkan akan lebih ramai lagi anak-anak muda kita di peringkat persekolahan sama ada yang menengah mahupun yang tinggi untuk melihatkan diri mereka dalam semangat kesukarelaan.

Tetapi semangat kesukarelaan ini bukan berbentuk dari segi konteks politik. Harus ada nilai-nilai kecintaan kepada negara, kecintaan kepada bangsa, kecintaan kepada keamanan, bukan nilai-nilai yang boleh ditanam lahirnya generasi yang berpecah belah. Ini yang kita bimbang, maka dengan itu kita berharap sangatlah supaya usaha untuk menanam semangat patriotisme, kecintaan kepada bangsa dan negara ini harus ditanam oleh semua pihak termasuk puak-puak pembangkang juga. Pihak-pihak pembangkang harus membantu agar ianya dapat kita lahirkan keamanan dan ketenteraman di dalam negara kita.

Dr. Tan Seng Giaw: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya sangat tertarik dengan jawapan dari Yang Berhormat Timbalan Menteri yang menjadi tukang tanak sekarang ini, tukang masak, yang mengeluarkan kadangkala kenyataan yang

riuhlah yang tidak betul kedudukannya. Saya berharap Yang Berhormat dapat jawab kerana ia biasanya menjadi suatu dalang untuk memberi nasihat kepada kawan-kawan di sebelah situ supaya tidak jawab soalan saya.

Tuan Yang di-Pertua, soalnya – saya berharap Yang Berhormat dapat jawab dengan betullah, tidak makan siku-siku itu tidak boleh terima. Bolehkah Yang Berhormat sebutkan selain dari kadet, tadi Yang Berhormat sebutkan tadi ada 10,000 di sekolah menengah, saya mengalu-alukan kerana saya pernah ada di dalam tentera juga. *[Disampuk]* Ada dalam tentera juga, Rompin tidak. Tidak payah cakap dengan saya.

Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis: Bila?

Dr. Tan Seng Giaw: Bila pula! Rompin itu kejuruteraan boleh. Dalam tentera tidak boleh langsung, Tuan Yang di-Pertua.

Saya menggalakkan anak-anak kawan saya untuk menyertai kadet-kadet di peringkat universiti. Bolehkah Yang Berhormat sebutkan bilangan sekarang di semua universiti di Malaysia ini dan juga saya bangkitkan kerana saya nampak di komposisi kaum tidak nampaklah di dalam kadet-kadet ini. Dan juga semangat, kalau kita hendak ada semangat kecintaan, perpaduan dan sebagainya maka kita perlu menggalakkan penyertaan semua kaum di dalam kadet-kadet yang kita sebutkan di sini. Sekian, terima kasih.

Datuk Mohd. Shafie bin Haji Apdal: Terima kasih Yang Berhormat bagi Kepong. Kebiasaannya memang Ahli Yang Berhormat bagi Kepong ini mempunyai pemikiran yang terkepong, dia mempunyai sangkaan jahat sebelum pun saya menjawab soalan dan pelbagai dia sudah buat tanggapan bahawa kita memutar belit dan memberi penerangan yang tidak begitu jelas.

Sebetulnya seperti yang saya nyatakan, kita sering menyatakan tentang perkara-perkara kebenaran. Keadaan di negara kita cukup aman dan tenteram. Di mana, walau bagaimana keadaan pun tidak pernah dalam usia saya yang masih muda ini kita dilanda oleh pelbagai krisis yang ada. Tekanan daripada luar secara terbuka, sokongan daripada Naib Presiden Amerika, sokongan daripada negara jiran kita, masalah kegawatan ekonomi dalam negara kita tetapi dengan hikmah petunjuk daripada Allah s.w.t., keredaan-Nya ada, keamanan ada, Barisan Nasional menang bukan dengan satu perdua, bukan dengan satu perempat tetapi dengan dua pertiga, itu keredaan Allah s.w.t. *[Tepuk]*

Maka dengan itu, usaha untuk melahirkan generasi muda yang mempunyai disiplin yang kuat ini haruslah bukan hanya didukung, disokong oleh kerajaan tetapi generasi yang mempunyai kecintaan, maka dengan itu kementerian sering menekankan, melahirkan anak-anak muda seperti di peringkat universiti. Sekarang ini kita mempunyai 8 universiti.

Universiti	Bilangan Pasukan Kadet
Universiti Malaya	1,339
Universiti Kebangsaan	1,410
Universiti Pertanian	1,298
Universiti Sains	1,295
Universiti Utara Malaysia	1,280
Universiti Teknologi Malaysia	480
Universiti Teknologi MARA (UiTM)	1,579
UMS	38
Jumlah	8,423

Saya yakin jumlah ini meningkat, kalau sekiranya pihak-pihak pembangkang juga tidak melibatkan anak-anak muda kita masuk ke Sanggang – daripada masuk ke Sanggang untuk berkempen baiklah anak-anak muda ini terlibat dalam kegiatan-kegiatan yang boleh menjamin masa depan anak bangsa kita dan juga negara kita.

7. **Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis [Rompin]** minta Menteri Perdagangan Dalam Negeri Dan Hal Ehwal Pengguna menyatakan tentang usaha membendung kenaikan harga barang makanan kawalan.

Setiausaha Parlimen Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna [Tuan Wong Kam Hoong]: Tuan Yang di-Pertua, kawalan ke atas barang-barang termasuk barang makanan adalah dibuat dari aspek bekalan iaitu mengikut Akta Kawalan Bekalan 1961. Pada masa ini terdapat 46 jenis barang kawalan iaitu 21 barang kawalan sepenuh masa dan 25 barang kawalan semasa musim-musim perayaan. Dalam aspek ini, Kementerian mengambil tindakan bagi menentukan bekalan barang-barang tersebut mudah diperolehi dengan harga yang berpatutan.

Dari segi harga pula, kawalan yang dilaksanakan oleh kementerian adalah secara pentadbiran terhadap 11 jenis barangan, yang mana 6 daripadanya adalah

barang-barang makanan iaitu tepung gandum, gula, susu pekat manis, roti (*standard loaf*), ayam dan minyak masak. Mekanisme kawalan ialah dengan mendapatkan kerjasama pengusaha/pengeluar menetapkan harga barang-barang berkenaan pada paras yang sesuai dengan mengambil kira kos pengeluaran serta margin keuntungan kepada pengeluar, pemborong dan peruncit. Sebarang kenaikan perlu mendapat persetujuan Kementerian.

Dalam hubungan ini, kementerian akan membuat pertimbangan yang teliti sebelum meluluskan permohonan untuk menaikkan harga. Sehingga kini, pihak kementerian berpuas hati dengan pematuhan harga bagi barang-barang yang harganya dikawal secara pentadbiran itu di mana pihak kementerian tidak mengesan peniaga-peniaga yang menaikkan harga barang-barang tersebut.

Bagi barang-barang makanan lain, harganya tidak dikawal dan oleh itu ianya ditentukan oleh faktor-faktor pasaran. Walaupun demikian, dengan aspirasi serta tanggungjawab Kerajaan untuk tidak membebankan rakyat, Kementerian sentiasa mengambil langkah-langkah perlu bagi memastikan kestabilan harga. Di antara langkah-langkah tersebut ialah:

- (i) secara tegas dan konsisten menjalankan pemeriksaan bagi memastikan peniaga-peniaga tidak melakukan perbuatan mencatut atau apa-apa aktiviti lain yang boleh menjejaskan kedudukan bekalan dan harga barang-barang. Dalam aspek ini, penekanan diberi kepada pemeriksaan di kawasan-kawasan luar bandar;
- (ii) memantau perkembangan harga bagi 233 jenis barangan keperluan harian setiap minggu serta menjalankan penyiasatan sekiranya harga barang-barang naik tanpa justifikasi yang munasabah;
- (iii) mewajibkan penjual runcit meletakkan tanda harga ke atas barang-barang yang dipamerkan untuk jualan bagi membolehkan pengguna mengetahui dan seterusnya membuat perbandingan harga sebelum membuat pembelian. Dalam hubungan ini, Kementerian sedang mengkaji kaedah bagi menyeragamkan tanda harga.

Kementerian juga sedang dalam proses mewujudkan Skim Penstabilan Harga yang akan merangkumi sistem amaran awal serta mekanisme tindakan bagi membolehkan tindakan segera diambil ke atas bekalan barangan tertentu khususnya makanan. Sekian, terima kasih.

Tuan Hoo Seong Chang: Tuan Yang di-Pertua, Kluang.

Tuan Yang di-Pertua: Kluang, ya.

Tuan Hoo Seong Chang: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan. Pertama sekali saya ingin mengucapkan tahniahlah kepada Yang Berhormat Setiausaha Parlimen, walaupun baru tetapi berusaha sedaya upaya bersama-sama dengan kementerian untuk mencapai matlamat inflasi sifar. Jadi pada hemat saya dua usaha utama membendung kenaikan harga barangan ialah melalui pemeriksaan premis perniagaan mengikut penguatkuasaan akta yang tertentu seperti yang dikatakan oleh Yang Berhormat tadi. Juga mengadakan kempen kesedaran di antara masyarakat pengguna dan juga peniaga-peniaga sendiri.

Jadi, soalan saya bolehkah Yang Berhormat Setiausaha Parlimen memberitahu Dewan yang mulia ini kesannya tindakan pemeriksaan ini dan tentang kempen kesedaran di antara peniaga sendiri dan pihak pengguna di kawasan tertentu. Sekian, terima kasih.

Tuan Wong Kam Hoong: Terima kasih Yang Berhormat bagi Kluang, saudara seperjuangan saya dan terima kasih ke atas kepujian kepada saya, saya akan mencuba dengan sedaya upaya saya berkhidmat untuk Dewan yang mulia ini supaya Ahli-ahli Yang Berhormat tidak dihampakan.

Soalan yang ditanya oleh Yang Berhormat, kementerian peka masalah kenaikan harga barangan dan sedang mengambil langkah-langkah membendung atau menangani masalah kenaikan harga barangan dan satu langkah yang amat berkesan ialah pemeriksaan fizikal dan pada keseluruhannya operasi-operasi pemeriksaan fizikal yang dijalankan telah berjaya mengesan pelbagai penyelewengan oleh peniaga-peniaga di samping mengawal kenaikan harga. Bagi tempoh 1 Januari hingga 25 Mac tahun ini sebanyak 153,091 pemeriksaan fizikal telah dijalankan di mana 36,561 yang dijalankan di luar bandar dan pada masa yang sama kementerian telah mengambil 2,434 tindakan kes terhadap peniaga-peniaga kerana melakukan pelbagai kesalahan.

Dalam kes-kes terbabit barang-barang sebanyak RM3,443,236 dalam nilainya disita dan kompaun juga dikenakan kepada 1,503 kes terbabit di mana sebanyak

RM240,361 dikutip dan dalam pemeriksaan ini kementerian sedar bahawa peniaga-peniaga amat menakuti anggota-anggota penguat kuasa kementerian dan inilah satu langkah yang dijalankan dengan berkesan. Selain daripada itu, kementerian juga sedar bahawa pengguna-pengguna dan peniaga-peniaga mesti sedar bahawa mereka ada tanggungjawab, peniaga-peniaga ada tanggungjawab dan selalu menawarkan barang-barang makanan atau barang-barang yang lain dengan harga yang berpatutan dan dengan bekalan yang secukupnya.

Dalam hal ini kementerian sudah ada program pendidikan pengguna dan mengadakan program pendidikan pengguna melalui ceramah, seminar, bengkel, forum dan pameran di seluruh negara. Di dalam program ini pengguna didedahkan kepada peranan yang boleh mereka lakukan bagi mencegah kenaikan harga barangan seperti tidak terpengaruh dengan iklan-iklan yang dibuat, jimat cermat, berbelanja dengan membeli barang-barang perlu sahaja, tidak berbelanja di saat-saat akhir dan sebagainya. Dan juga mengadakan program pendidikan keluarga melalui ceramah-ceramah dan seminar-seminar di seluruh negara.

Melalui program ini peniaga didedahkan kepada peranan yang boleh mereka lakukan bagi mencegah kenaikan harga barangan. Mereka perlulah mempunyai sikap bertanggungjawab dan tidak mementingkan keuntungan semata-mata. Mereka perlu lebih ...

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, Yang Berhormat, sudah cukup panjanglah itu. Ya, sudah cukuplah. Tidak apalah.

Tuan Wong Kam Hoong: Okay.

Tuan Yang di-Pertua: Baiklah, Yang Berhormat. *[Ketawa]* Masa untuk Pertanyaan-pertanyaan bagi Jawab Lisan selesai.

[Masa untuk Pertanyaan bagi Jawab Lisan telah cukup dan Jawapan bagi Pertanyaan No. 8 hingga 19 akan dijilid dalam buku yang berasingan]

RANG UNDANG-UNDANG**RANG UNDANG-UNDANG PERBEKALAN 2000****DAN****USUL****ANGGARAN PEMBANGUNAN 2000****Jawatankuasa**

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula pertimbangan atas “Rang Undang-undang Perbekalan 2000 dan Usul Anggaran Pembangunan 2000 dalam Jawatankuasa sebuah-buah Majlis.” [*Hari Kelapan*]

Majlis bersidang dalam Jawatankuasa.

[Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Jawatankuasa*]

Maksud B.33 [Jadual] –**Maksud P.33 [Anggaran Pembangunan 2000] –**

Tuan Pengerusi: Kepala Bekalan B.33 dan Kepala Pembangunan P.33 Kementerian Kerja Raya dibuka semula untuk dibahas.

11.07 pagi.

Menteri Kerja Raya [Dato' Seri S. Samy Vellu]: Tuan Pengerusi, semalam apabila saya telah menjawab kepada Ahli Yang Berhormat bagi Bukit Mertajam berkenaan dengan satu soalan belum dijawab lagi berkenaan dengan lintasan kereta api di Jalan Arumugam Pillay.

Saya suka menjelaskan sedikit kepada Yang Berhormat iaitu kementerian difahamkan adalah jalan yang sempit dan sesak kerana kedudukannya di tengah pekan Bukit Mertajam, oleh kerana itu kita kena mengkaji dengan mendalam berkenaan dengan pembinaan di mana kita tidak menjejaskan atau merobohkan kedai-kedai yang sedia ada. Oleh kerana itu seperti apa yang saya jelaskan semalam perkara ini jikalau ada juga permintaan daripada Kerajaan Negeri Pulau Pinang, Kerajaan Pusat boleh menimbang. Walaupun Yang Berhormat telah membangkitkan isu ini semalam, saya telah minta pegawai-pegawai saya untuk mengkaji macam manakah perkara ini boleh dapat diselesaikan jikalau kita dapat peruntukan daripada kementerian.

Tuan Lim Hock Seng: Penjelasan. Terima kasih, Tuan Pengerusi. Yang Berhormat, bukan semalam Yang Berhormat sahaja membangkitkan. Jauh dari Saudara Chiang Heng Kai, dia sudah bersara. Tahun 1986 sudah bangkit, tahun 1990 saya ada di sini pun dia ada bangkit, tahun 1995 saya pun ada bangkit dan sekarang tahun 2000 Yang Berhormat bagi Bukit Mertajam pun ada bangkit. Bukan semalam sahaja berbangkit.

Jadi, bermakna 10 tahun yang dahulu apabila kami membangkitkan perkara ini semua tidak ada diambil perhatian dan bermakna Yang Berhormat menjawab Kerajaan Pulau Pinang tidak meminta perkara ini. Adakah benar Kerajaan Negeri Pulau Pinang tidak meminta supaya menyelesaikan perkara ini? Jikalau ya, kami akan mendesak Kerajaan Negeri Pulau Pinang untuk meminta sekali lagi, Yang Berhormat. Terima kasih.

Dato' Seri S. Samy Vellu: Untuk makluman Yang Berhormat, tempoh Parlimen telah diadakan 43 tahun lebih. 43 tahun kita ada juga beberapa banyak soalan berkenaan dengan beribu-ribu perkara telah ditimbulkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat datang ke Dewan ini dan balik tetapi seorang Ahli Yang Berhormat yang telah bangkit isu ini semalam, this is – ini dengan izin, current issue, saya menjawab apa soalan current daripada Yang Berhormat. Bukannya berkenaan dengan apa soalan yang telah ditimbulkan 25 tahun dahulu, saya bukan Menteri Kerja Raya, masa itu saya ada di sekolah. *[Ketawa]*

Jadi, untuk menjawab pertanyaan Yang Berhormat mengapa saya menyatakan kita mesti ada permintaan daripada Kerajaan Negeri Pulau Pinang. Oleh kerana jalan ini termasuk dalam sempadan Majlis Perbandaran, jadi kita tidak tahu adakah Majlis Perbandaran membangkitkan isu ini kepada Kerajaan Negeri.

Walau bagaimanapun, dalam jawapan saya sudah masuk adakah ada permintaan atau tidak. Saya minta pegawai saya pergi siasat, itu sudah selesai tetapi bukan selesai pembinaan, selesai pengkajian sahaja. *[Ketawa]*

Jadi walau bagaimanapun, Tuan Pengerusi, perkara ini saya sendiri melihat apabila saya melawat ke Bukit Mertajam ada juga banyak masalah, masalah ini boleh diambil tindakan oleh kerajaan.

Dato' Haji Fadzil bin Md. Noor: *[Bangun]*

Dato' Seri S. Samy Vellu: Tuan Pengerusi, Yang Berhormat bagi Serdang.....

Tuan Pengerusi: Pendang bangun. Yang Berhormat Pendang bangun ini. Ya, sebelah kiri.

Dato' Seri S. Samy Vellu: Ya.

Dato' Haji Fadzil bin Md. Noor: Terima kasih, Tuan Pengerusi. Mengenai dengan lintasan kereta api juga saya ingin mendapat penjelasan daripada Yang Berhormat Menteri, adakah ada dalam pengetahuan Yang Berhormat Menteri mengenai dengan Stesen Kereta Api di Bukit Jenun, Pendang, Kedah.

Di mana sering kali, sentiasa kereta api barang yang mempunyai gerabak yang panjang berhenti di Stesen Kereta Api Bukit Jenun waktu pagi, waktu tengah hari dan waktu petang dan lintasan kereta api ini digunakan oleh penuntut-penuntut sekolah menengah dan rendah untuk pergi daripada sebuah kampung melintasi landasan kereta api ini untuk belajar di sekolah menengah dan sekolah rendah di Bukit Jenun dan sering mereka mengalami kesulitan kerana tidak ada jalan jejantas yang melintasi landasan kereta api ini dan apabila mereka sampai di situ dan di dapati ada train yang berhenti di situ.

Ini menyulitkan mereka kerana mereka tidak boleh melintasi terus kerana dihalang oleh train dan kalau mereka hendak menggunakan jalan lain terpaksa melintasi gerabak yang begitu panjang dan untuk mereka yang menggunakan motosikal menghantar anak-anak mereka ke sekolah, mereka terpaksa menunggu beberapa puluh minit dan ini akan menjejaskan pelajar-pelajar atau penuntut-penuntut sampai di sekolah pada waktu yang tepat.

Selain daripada itu juga keadaannya sangat merbahaya kerana kadang-kadang mereka terserempak dengan kereta api yang mula hendak bertolak kerana tidak ada sebarang sekatan di situ. Oleh kerana itu saya ingin mendapat penjelasan daripada Yang Berhormat Menteri, adakah dalam pengetahuan Yang Berhormat Menteri berkenaan dengan perkara ini dan perkara ini memang sudah pun – dan adakah Yang Berhormat Menteri pernah menerima permintaan untuk mengatasi kesulitan yang dihadapi oleh pelajar-pelajar dan orang ramai di situ termasuk juga keadaan yang merbahaya di situ.

Saya harap kalau belum ada, saya berharap Yang Berhormat Menteri akan dapat menghantar pegawainya untuk membuat penyiasatan dan tindakan yang akan diambil. Terima kasih.

Dato' Seri S. Samy Vellu: Tuan Pengerusi, walaupun Kereta Api Tanah Melayu tidak ada kaitan dengan saya, itu terkeluar daripada Kementerian saya tetapi apa yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Ketua Pembangkang berkenaan dengan masalah-masalah yang dihadapi oleh penuntut-penuntut sekolah.

Jadi, ini saya boleh juga menyiasat dan menimbulkan perkara ini kepada Yang Berhormat Menteri Pengangkutan untuk mengadakan satu jejantas di mana penuntut-penuntut boleh menggunakan apabila ada juga kita menutup gate kereta api yang sedia ada. Selain daripada itu, apa yang ditimbulkan oleh Yang Berhormat, saya akan minta mendapat satu laporan daripada Jurutera Daerah daripada kawasan itu.

Tuan Pengerusi, Yang Berhormat dari Serdang telah membangkitkan masalah kesesakan di Lebuhraya Lingkaran Kajang khususnya di Jalan Balakong. Untuk menjawab Ahli Yang Berhormat itu pada awalnya akibat kemelesetan ekonomi, SILK iaitu syarikat telah mengalami masalah kewangan. Oleh kerana pihak konsesi SILK mempunyai masalah dalam menjalankan kerja penyelenggaraan di Jalan Balakong, pihak Kementerian telah pun memperuntukkan sebanyak RM1 juta untuk mengambil alih kerja penyelenggaraan jalan tersebut. Kerja-kerja telah pun dijalankan walau bagaimanapun akibat kenderaan yang banyak, jalan tersebut rosak semula. Pihak LLM juga telah beberapa kali mengarahkan syarikat konsesi supaya menyelenggarakan jalan tersebut dengan segera. LLM juga akan memantau perkara ini dari masa ke semasa iaitu dengan menetapkan syarikat konsesi mengemukakan satu jadual penyelenggaraan jalan tersebut.

[Timbalan Yang di-pertua (Dato' Haji Muhamad bin Abdullah) **mempengerusikan Jawatankuasa.**

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Serdang bangun.

Dato' Yap Pian Hon: Datuk Pengerusi, untuk minta penjelasan daripada Yang Berhormat Menteri. Walaupun RM1 juta dibaiki sebelum Sukom diadakan tetapi lepas dua tahun ini penyelenggaraan di Jalan Balakong ini memang kurang dijalankan. Walaupun ada jadual itu, kalau bolehlah minta pihak Kementerian bagi jadual untuk penyelenggaraan di Jalan Balakong bagi saya supaya saya boleh juga memantau kerja-kerja dijalankan kerana masih teruk sangat pada waktu ini. Mintalah kalau boleh itu jadual kerja yang disediakan oleh SILK itu bagi saya boleh atau tidak?

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Boleh.

Dato' Seri S. Samy Vellu: Tuan Pengerusi, seperti apa yang saya jelaskan tadi, keadaan ini berlaku oleh kerana syarikat konsesi masih memegang concession di kawasan itu walaupun mereka menghadapi beberapa masalah kewangan. Jadi saya janji kepada Yang Berhormat kita sekali lagi melihatlah macam mana masalah ini boleh diatasi dan juga Tuan Pengerusi, Yang Berhormat dari kawasan Sipitang menanyakan kedudukan pinjaman persekutuan kepada negeri Sabah untuk kerja-kerja menaikkan taraf bekalan air di Sabah. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat itu setakat ini Kerajaan Persekutuan telah meluluskan pengeluaran pinjaman tersebut sebanyak RM95 juta dan bukannya RM30 juta yang disebutkan oleh Ahli Yang Berhormat.

Yang Berhormat Sipitang juga telah meminta berkenaan dengan jalan Tenom ke Beaufort, adakah jalan ini akan dibina, jawapan saya iaitu kementerian bercadang merancang untuk memulakan pelaksanaan projek ini tahun ini juga dengan peruntukan sebanyak RM2.5 juta. Tuan Pengerusi....

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Sipitang bangun Yang Berhormat.

Dato' Seri S. Samy Vellu: Ya.

Datuk Dr. Haji Yusof bin Haji Yacob: Saya minta penjelasan dari Yang Berhormat Menteri kerana peruntukan untuk membaik pulih bekalan air Sabah ialah RM180 juta tetapi cuma dibayar, dibagi RM90 juta, bila yang baki itu. Mengenai dengan jalan Tuan Pengerusi, maksud saya jalan di antara Kemabung dengan Sipitang bukan Tenom dengan Beaufort kerana di situ melalui lebih kurang 20 kampung-kampung menghubungkan antara dua daerah ini dan juga Lembaga Tabung Getah lebih kurang 10,000 hektar dan beberapa kebun-kebun dan juga ladang-ladang. Terima kasih.

Dato' Seri S. Samy Vellu: Tuan Pengerusi, RM190 juta, RM180 juta itu betul-tetapi saya tak ada lulus, saya tak mahu lulus, mengapa saya tak mahu lulus. Projek ini dan peruntukan ini khas diberi kepada negeri Sabah untuk melaksanakan, memperbaiki keadaan bekalan air. Bukan saja bekalan air menukar paip, mengadakan beberapa projek untuk memperbaiki keadaan bekalan, semuanya pada akhirnya apa yang saya dapat, mereka tidak mengikut dengan skop. Bila negeri Sabah tidak mengikut prosedur dengan skop kerja yang ditetapkan oleh kementerian saya, saya tak boleh bayar. Saya bayar, saya jawab kepada Public Accounts Committee [*Tepuk*] lagi saya

jawab kepada kerajaan dan Parlimen. Beberapa kali saya minta mereka memperbaiki keadaan, mereka kata tak boleh. Bila kita tetapkan satu projek, menjalankan projek yang lain. Pada akhirnya minta tulis saja surat hari-hari mintalah bayarlah RM90 ribu, bayarlah RM90 ribu, langsung tak boleh. Ini bukan, kerajaan sendiri, kerajaan Barisan Nasional juga tapi tidak diikuti dengan undang-undang mesti tak boleh. Ha, itulah sahaja jawab. *[Tepuk] [Ketawa]*

Jadi berkenaan jalan di sebut oleh Yang Berhormat, saya akan menimbanglah macam mana kita boleh memperbaiki keadaan. Tuan Pengerusi, Yang Berhormat dari Bagan bertanya tentang tujuan peruntukan RM62.8 juta kepada Pulau Pinang di bawah peruntukan Bekalan Air. Untuk makluman Yang Berhormat, peruntukan RM62.8 juta itu adalah untuk projek bekalan air Telok Bahang, Batu Feringgi dan projek loji dan paip utama skim mudah. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat juga peruntukan tersebut bukan hanya untuk pembinaan empangan sahaja.

Yang Berhormat Bagan juga meminta apakah status projek Butterworth Outer Ring Road. Proses pengambilan balik tanah hampir siap, proses pembinaan dijangka akan dimulakan pada pertengahan tahun ini. Yang Berhormat Bagan juga telah minta satu lagi perkara berkenaan dengan pertanyaan mengenai bayaran pampasan tol pada tahun 1999 dan 2000. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat bayaran pampasan tol pada 1999 adalah sebanyak RM63.52 juta dan dianggarkan sebanyak RM82.10 juta pada tahun 2000. Senarai terperinci pembayaran pampasan tol bagi lebu-lebuh raya yang tidak dinaikkan kadar tol mengikut sepertimana perjanjian konsesi bagi tahun 1999 dan 2000 adalah seperti di Lampiran 1. Jumlah bayaran pampasan yang telah dibayar bagi lebu-lebuh raya yang tidak dinaikkan kadar tol seperti yang ditetapkan di dalam Lampiran 2. Perkiraan untuk pampasan tol untuk tahun 2000 Tuan Pengerusi, jumlah bayaran tol untuk tahun 2000 adalah RM188,856,000. Light Track RM85,860,000 Malaysia -Thai Development RM18,50,000, Link Kedua RM8,466,000, Elit RM6,380,000 sebanyak RM149 ribu yang diperuntukkan kepada PLUS tidak akan bayar kerana syarikat ini mendapat pinjaman sokongan.

Berkenaan dengan tiada lampu di jalan di underpass Lebu Raya Butterworth, ditanya oleh Yang Berhormat dari Bagan.

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Kubang Kerian.

Dato' Seri S. Samy Vellu: Ada sikit jam saya jawab Yang Berhormat punya.

[Ketawa]

Tuan Husam bin Haji Musa: Ada Yang Berhormat Dato' sebut lampiran tadi, 1,2, mana lampiran itu? Tak boleh dapat bertulis, ya?

Dato' Seri S. Samy Vellu: Yang Berhormat, lampiran itu dulu sudah bagi sama Yang Berhormat, dia ada satu lampiran tapi selepas jawapan saya boleh bagi satu salinan kepada Yang Berhormatlah. Tiada masalah. Lampu jalan tidak disediakan di hadapan terowong di Lebuhraya Butterworth-Kulim memandangkan ianya tidak termasuk di dalam skop asal. Pada masa jalan tersebut di bina, kerajaan berpendapat lampu jalan tidak perlu dipasang di lokasi tersebut oleh kerana jarak underpass yang pendek dan lampu juga telah dipasang di kawasan underpass tersebut.

Walau bagaimanapun perkara ini menjadi satu masalah, kita boleh juga menimbang untuk memasang lampulah, tiada salahlah satu lampu kita pasang bukan kita rugilah. *[Disampuk]* bolehlah, dua pun bolehlah.

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Dua pun boleh?

Dato' Seri S. Samy Vellu: RM800 sahaja dua lampu.

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya.

Dato' Seri S. Samy Vellu: RM8000 sahaja. Tuan Pengerusi, saya suka menjawab kepada Yang Berhormat dari Bagan Datoh, beberapa perkara beliau telah membangkitkan semalam dalam ucapan beliau. Yang Berhormat daripada Bagan Datoh telah membangkitkan masalah berikut iaitu adalah pinjaman modal yang diberikan oleh kerajaan tidak cukup untuk menampung perbelanjaan yang telah dikeluarkan oleh syarikat konsesi. Beliau mencadangkan dipanjangkan tempoh konsesi supaya bayaran tol tidak membebankan pengguna lebuhraya. Datuk Pengerusi, lanjutan daripada rungutan penggunaan lebuhraya terhadap kadar bayaran tol yang terlalu tinggi dan kekerapan kenaikan bayaran tol di beberapa lebuhraya. Kerajaan telah bersetuju supaya kadar tol dan terma-terma konsesi dikaji semula. Beberapa rundingan dengan syarikat konsesi telah diadakan dengan persetujuan telah dicapai untuk tidak menaikkan kadar tol dengan meminda struktur tol, tambahan tempoh perjanjian konsesi, pinjaman kerajaan dan syarikat-syarikat konsesi bersetuju untuk perkongsian hasil tol dengan kerajaan.

Projek-projek yang telah ditandatangani perjanjian konsesi tambahan berikutan kajian semula perjanjian konsesi ialah Lebuhraya Kuala Lumpur-Karak (MTD Sendirian Berhad), Lebuhraya Utara Selatan (PLUS Sendirian Berhad) dan Lebuhraya Sungai Besi (Best Raya Sendirian Berhad). Kerajaan juga masih di

peringkat rundingan dengan syarikat-syarikat konsesi yang lain seperti ELIT Sendirian Berhad, Lebuhraya Utara Selatan Lingkaran Tengah dan Link Kedua Sendirian Berhad, lebuhraya laluan kedua Malaysia-Singapura.

Yang Berhormat juga telah membangkitkan isu berkenaan dengan tidak boleh tempoh konsesi lebuhraya dipanjangkan, tidak bolehkah? Dan yang kedua, bolehkah perjanjian konsesi kedua dikaji semula oleh kerajaan. Saya percaya perkara ini sudah jawab tadi. Jadi Datuk Yang di-Pertua.....

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Bagan Datoh berdiri Yang Berhormat, ya, sila.

Datuk Ahmad Zahid bin Hamidi: Datuk Pengerusi, saya jelaskan bagaimana telusnya Yang Berhormat Menteri Kerja Raya dalam memberikan maklumat-maklumat terkini yang boleh dipergunakan untuk kita memberikan penjelasan kepada khalayak umum kerana ada pihak-pihak yang sedang berkempen kuat di Sanggang sekarang menggunakan isu-isu ini. Adakah pihak Kementerian Yang Berhormat berhajat untuk menggunakan dan meminta kerjasama media untuk memberikan liputan yang secukupnya mengenai sensitifnya pihak kementerian Yang Berhormat terhadap permohonan rakyat ini supaya tidak terus masyarakat umum terkeliru dengan apa yang dibuat oleh mereka yang tidak pernah suka dengan kita.

Dato' Seri S. Samy Vellu: Datuk Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat dari Bagan Datoh. Perkara-perkara berkenaan dengan tindakan-tindakan kerajaan untuk melicinkan perjalanan dan juga mengurangkan beban rakyat atas tol semuanya telah dijelas beberapa kali. Tetapi kita tidak boleh menjelas tiap-tiap hari. Saya percaya dalam jemaah menteri, saya telah jelas lebih banyak kali daripada orang-orang yang lain. Tetapi perkara ini akan diambil sebagai politik, susah mahu jawablah. Jikalau seorang sebenar-benarnya mempunyai sakit perut, kita boleh bagi ubat. Kalau seorang sandiwara dia ada sakit perut macam mana mahu kasi ubat? *[Ketawa]* Ha, itulah masalah jadi saya minta Yang Berhormat perkara ini dapat diselesaikan. Datuk Yang di-Pertua,

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Kubang Kerian bangun Yang Berhormat.

Dato' Seri S. Samy Vellu: Ya.

Tuan Husam bin Haji Musa: Saya, Yang Berhormat, terima kasih. Saya bukan mahu gaduh dengan Kerja Raya, tetapi saya tidak faham soalan dari Bagan

Datoh. Pembangkang dikatakan guna isu ini di Sanggang. Saya rasa perkara ini tidak timbul dan apa yang dibangkitkan oleh pembangkang ialah supaya kerajaan buat kajian ini, sekarang Yang Berhormat Kementerian Kerja Raya telah membuat kajian, sebahagian ini adalah hasil daripada apa yang dibangkitkan oleh pembangkang. Kalau pembangkang tidur, tak ada siapa yang kaji. Terima kasih Yang Berhormat. *[Tepuk]*

Dato' Seri S. Samy Vellu: Yang Berhormat saya ucap terima kasihlah Yang Berhormat bagi Kubang Kerian. Kalau pembangkang tidak bangkit pun kerajaan tidak jawablah. Rakyat tidak tahu apa kita buat. *[Ketawa]* Ini pun kiranya ada bantu kerajaan sahaja. Jadi, kerajaan jadi lebih popularlah, bila kita jawab, kita jadi lebih popular. Walau bagaimanapun, saya ucap terima kasihlah Yang Berhormat bagi Kubang Kerian.

Tuan Pengerusi, ada juga saya dapat beberapa pandangan daripada Yang Berhormat bagi Tebrau berkenaan dengan bayaran bagi bil-bil air diselaraskan bagi tiap-tiap negeri. Untuk menjawab Ahli Yang Berhormat Tebrau itu, berkenaan dengan tempoh bil-bil air perlu diselaraskan di setiap negeri. Untuk maklumat Ahli Yang Berhormat, Perlembagaan Malaysia telah menetapkan bahawa bekalan air adalah di bawah bidang kuasa kerajaan negeri. Oleh yang demikian, penentuan tarif air adalah juga di bawah bidang kuasa kerajaan-kerajaan negeri masing-masing. Setakat ini saya percaya bahawa tarif bil-bil air di seluruh Semenanjung termasuk Sabah dan Sarawak masih rendah.

Jadi, Yang Berhormat bagi Labuan telah membangkitkan isu berkenaan dengan masalah catuan air di kawasan tertentu pada waktu malam dan minta kementerian untuk memperbaiki keadaan ini.

Untuk maklumat Ahli Yang Berhormat, kerajaan telah memperuntukkan RM60 juta peruntukan di dalam Rancangan Malaysia Ketujuh untuk mempertingkatkan perkhidmatan bekalan di Labuan dan usaha ini akan diteruskan di dalam Rancangan Malaysia Kelapan untuk memastikan bekalan air di Labuan mencukupi.

Yang Berhormat bagi Sungai Benut telah membangkitkan isu berkenaan dengan ganti rugi tanah tidak disediakan bila pelaksanaan projek diluluskan. Perkara ini adalah tidak benar. Kementerian selalu mengambil kira keperluan peruntukan ganti rugi tanah jika didapati pengambilan balik tanah diperlukan.

Yang Berhormat bagi Kubang Kerian telah membangkitkan beberapa isu semalam berkenaan dengan[disampuk]

Tuan Husam bin Haji Musa: Belum lagi, belum lagi. Ini air.

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Kubang Kerian bangkit.

Tuan Husam bin Haji Musa: Air.

Dato' Seri S. Samy Vellu: Ya.

Tuan Husam bin Haji Musa: Yang Berhormat terima kasih. Tentang air Johor ini, saya langgar negeri oranglah kira-kira. Air Johor telah buat satu perjanjian dengan Theams Water. Tetapi 5 bulan kemudian ditamatkan. Saya ingin tahu apakah sebab perjanjian yang begitu singkat itu ditamatkan dan berapakah kos yang terpaksa ditanggung oleh Kerajaan Negeri Johor daripada penamatan konsesi itu dan jumlah hutang bekalan air Johor kepada Kerajaan Persekutuan, KWSP dan lain-lain pihak yang bertanggung setakat hari ini?

Dato' Seri S. Samy Vellu: Tuan Pengerusi, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, soalan ini adalah lebih spesifik. Saya akan dapatkan butir-butir berkenaan dan dengan itu saya akan sampaikan kepada Yang Berhormatlah.

Jadi, Yang Berhormat bagi Kubang Kerian telah membangkitkan isu semalam berkenaan dengan Lebuh Raya Utara-Selatan dan juga perjanjian pinjaman kerajaan, macam manakah projek ini telah ditenderkan pada masa itu apakah tindakan-tindakan kerajaan? Saya suka memberi sedikit penjelasan serba ringkas. Itu dalam bulan Julai 1985 Ahli Yang Berhormat, kerajaan telah memutuskan supaya Projek Lebuh Raya Utara-Selatan diswastakan berikutan kejayaan penswastaaan Projek Jalan Lintas Selat Kelang Utara. Dalam pada itu, Syarikat United Engineers Berhad telah mengemukakan satu cadangan penswastaaan kepada kerajaan untuk membina dan menyiapkan secara *turnkey* Lebuh Raya Utara-Selatan, lebuh raya baru Lembah Kelang dan Lebuh Raya Persekutuan dua dari Subang ke Kelang. Jemaah Menteri telah dimaklumkan mengenai cadangan ini pada 23 Oktober 1985. Selanjutnya Jemaah Menteri dalam mesyuarat pada 29 Januari 1986, masa itu pun saya juga jadi menteri di sana memutuskan supaya Kementerian Kerja Raya menswastakan projek ini dengan membuat tawaran secara terbuka dan mengikut prosedur yang ada setelah berunding dengan Kementerian Kewangan.

Pada 24 Februari 1986, iklan telah dikeluarkan, sebanyak 130 syarikat telah datang mendapatkan maklumat.

Pada 7 Mac 1986, taklimat mengenai projek ini telah diadakan.

Pada 14 Mac 1986, borang prakelayakan telah dikeluarkan dan sebanyak 76 syarikat telah mengambil kira mengambilnya.

Pada 28 Mac 1986, tarikh penerimaan borang prakelayakan ditutup. Sebanyak 19 syarikat telah mengemukakan dan telah dibuat prakelayakan.

Pada 3 April 1986, 6 syarikat konsesi telah berjaya dalam prakelayakan itu:

- (i). MBF Holding Berhad;
- (ii). Pilecon Engineering;
- (iii). Syarikat Pembinaan Hashbuddin;
- (iv). Shapadu Holding;
- (v). UNICO Holding; dan
- (vi). United Engineers.

Empat syarikat yang telah memberi dokumen tawar yang bernilai RM50 ribu ialah - iaitu ada juga kos ditetapkan untuk mengambil dokumen-dokumen tawaran iaitu satu dokumennya terkandung dalam satu lori penuh oleh kerana kita charge RM50 ribu daripada kementerian. Lima orang sahaja layak untuk mengambil tender dokumen itu:

- (i). Pilecon Engineering;
- (ii). Syarikat Pembinaan Hashbuddin;
- (iii). Shapadu Holding;
- (iv). UNICO Holding; dan
- (v). United Engineers.

Jadi, 2 Julai 1986, tawaran telah ditutup dan 5 cadangan telah diterima daripada itu, iaitu:

- (i). Pilecon Engineering;
- (ii). Shapadu Holding;
- (iii). Syarikat Pembinaan Hashbuddin;
- (iv). UNICO Holding; dan
- (v). United Engineers.

Shapadu Holding Sdn Bhd tidak membayar wang dokumen tawaran RM50 ribu. Oleh kerana itu mereka dibatalkan.

MBF telah memaklumkan bahawa syarikat telah bergabung dengan Pilecon bagi tujuan penswastaaan.

Pada masa itu, untuk makluman Ahli Yang Berhormat Kubang Kerian, beberapa juruperunding telah bekerja, reka bentuk itu telah disediakan oleh kementerian saya -bukan oleh sesiapa yang lain. Jadi, pada akhirnya Jawatankuasa Tawaran telah memilih Syarikat United Engineers sebagai syarikat yang layak untuk menjalankan projek.

Selepas itu juga di dalam Parlimen ini ada juga soalan-soalan berkenaan dengan tawaran telah diberi kepada Syarikat United Engineers. Ada juga pada masa Yang Berhormat Ketua Pembangkang telah meminta saya adakan transparansi dalam perkara ini walaupun ada juga perkara-perkara dokumen rahsia pada masa itu. Saya telah buka semua dokumen untuk parti DAP dan ahli-ahli DAP masuk ke pejabat saya, 17 orang, pukul 9.00 pagi sampai pukul 5.00 petang. Semua dokumen mereka menyiasat.

Pada pukul 5.00 petang mereka kata bersetuju dan selepas itu mereka balik mereka kata, mereka berpuas hati. Selepas itu dalam tempoh satu bulan, mereka telah memaksa satu kes atas kerajaan, tidak boleh diteruskan dengan projek. Kes itu kerajaan menang, selepas itu kerajaan meneruskan dengan projek.

Jadi, itulah satu sejarah yang serba ringkas saya boleh beri kepada Yang Berhormat. Jikalau ada apa-apa perkara yang lain, bila-bila masa juga saya boleh beri lebih keterangan berkenaan dengan projek ini.

Untuk makluman Yang Berhormat, pada hari ini kerajaan sedang mengkaji beberapa syarikat. Itulah sebabnya hari ini kita tidak teruskan dengan kerja iaitu pembinaan jalan Pantai Timur. Kalau kita ikut dengan kontrak dan juga konsesi, saya percaya kerajaan membayar lebih dari RM4.5 bilion. Harga ditetapkan oleh syarikat itu oleh kerana mereka akan meminjam daripada bank, bank komersial dan bayar lebih dari RM1.2 bilion sebagai faedah. Jadi, kerajaan terus mengambil alih projek - perkara ini ada dalam pertimbangan. Jadi, saya percaya tidak lama lagi kita mula kerja di kedua-dua tempat, di negeri Pahang dan juga di negeri Terengganu.

Dr. Tan Seng Giaw: *[[Bangun]*

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Nanti dulu Kepong.

Dato' Seri S. Samy Vellu: Pada 11 Mac 2000 ini Yang Amat Berhormat Menteri Besar Terengganu akan mengadakan perbincangan dengan kita. Tarikh telah

ditetapkan untuk membincang berkenaan dengan pengambilan balik tanah dan apakah masalah-masalah lain belum dapat diselesaikan. Saya percaya rundingan itu boleh diselesaikan, selepas itu projek boleh dimulakan.

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Yang Berhormat Kepong.

Dr. Tan Seng Giaw: Tuan Pengerusi, penjelasan. Saya berharaplah rundingan di antara kerajaan-kerajaan Terengganu dan juga Kelantan, saya harap lebuh raya itu sampai ke Kelantan juga. Walaupun sebahagian jawapan daripada Yang Berhormat tadi mengenai Lebuh Raya Utara-Selatan itu, sebahagiannya betul kerana inilah satu-satunya seorang Menteri yang sanggup memberitahu kita yang beliau mampulah mengenai keadaan perancangan dan sebagainya - satu-satunya. Yang lain itu susah. Inilah kepujian kepada Yang Berhormat. *[Tepuk]* Tetapi hari yang kedua itu tidak begitu tepat juga. Apa tidak tepatnya kerana semasa ini dirundingkan, perlantikan diadakan sebagainya, pihak DAP termasuk Lim Kit Siang dan Karpal Singh dimasukkan ke rumah Yang di-Pertuan Agong pada tahun 1987.

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Soalnya.

Dr. Tan Seng Giaw: Itu masalah, masalah bukan soalan sahaja, pembetulan sahaja. Sebahagiannya betul dan sebahagiannya lain kerana pihak kami, "kaki ditambah,....

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: "Tangan dipotong".

Dr. Tan Seng Giaw: "Tangan dipotong dan mulut disumbat". Itu masalah Yang Berhormat. *[Ketawa]*

Dato' Seri S. Samy Vellu: Yang Berhormat tidak ingat masa di pejabat saya 9 jam, ada ingat bukan?

Dr. Tan Seng Giaw: Bukan 9 jam, tidak sampai.

Dato' Seri S. Samy Vellu: Pukul 8.00 pagi sampai pukul 6.00 petang lebih Yang Berhormat, saya pun duduk bersama juga. Sejarah tidak boleh ditulis, lain tidak boleh tutup. Sejarah mesti ada.

Jadi, Yang Berhormat telah bangkitkan berkenaan dengan melanjutkan jalan Pantai Timur ini kepada negeri Kelantan. Kita bukan benci negeri Kelantan, siapa kata kita benci negeri Kelantan.

Raja Dato' Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: Penjelasan.

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Sekejap, ya.

Raja Dato' Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: Saya tertarik dengan Yang Berhormat Menteri ini, cukup tegas. Jawapan pun terang, suara saya ingat sampai keluar boleh dengar, berpengalaman pula itu. Tetapi semalam saya ingat tercemar jugalah kerana ada ahli yang bangkit dengan perkataan-perkataan yang bercanggah dengan Peraturan 36(6) tetapi tidak mengapalah.

Yang Berhormat, tadi sebut 9 jam berjumpa dengan Yang Berhormat bagi Kepong. Jadi, kalau boleh saya hendak tahu apa perbincangan itu, sampai 9 jam itu, kalau boleh hendak tahu, penjelasan - di pejabat pula itu? Terima kasih.

Dato' Seri S. Samy Vellu: Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pada masa itu ada juga permintaan daripada Ketua Pembangkang bolehkah mereka melihat macam manakah tawaran itu dibuat, manakah syarikat, apakah dokumen, berapakah harga, berapakah *bil of quantity*, siapa yang tetapkan? Semuanya kita telah terangkan kepada mereka. Tidak ada apa-apa lainlah. Jadi, kita beri peluang - pun baik juga hari ini saya boleh jawab. Jikalau saya tutup pintu, hari ini orang ingat saya ada rahsia dalam hati saya. *[Ketawa]*

Jadi Tuan Pengerusi, berkenaan dengan perkara

Tuan Lim Hock Seng: Penjelasan, Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Bagan, ya.

Tuan Lim Hock Seng: Terima kasih Tuan Pengerusi dan terima kasih kepada Yang Berhormat Menteri. Bukankah benar bahawa pendirian DAP, kami cuma pertikaikan cara penawaran kontrak itu dan kami tidak membantah pembinaan Lebuhraya Utara-Selatan, kami tidak membantah. Ada dalam pilihan raya, Barisan Nasional berkempen mengatakan kami membantah pembinaan Lebuhraya Utara-Selatan. Bukankah itu tidak benar, Yang Berhormat?

Dato' Seri S. Samy Vellu: Saya percaya dalam negara ini saya berkempen lebih daripada orang lain. *[Ketawa]* Saya tidak pernah berkata DAP membantah pembinaan jalan tetapi lain-lain hallah. *[Ketawa]*

Jadi Tuan Pengerusi, ini berkenaan dengan pembinaan atau meneruskan jalan ini kepada negeri Kelantan saya*[disampuk]*

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Kubang Kerian bangkit.

Dato' Seri S. Samy Vellu: Ya.

Tuan Husam bin Haji Musa: Terima kasih Tuan Pengerusi, saya sangat seronok dan menghargai cara Yang Berhormat Dato' mempunyai tanggungjawab kepada Dewan ini. Seperti mana Yang Berhormat Dato' tahu peranan pembangkang ialah untuk memastikan perjalanan kerajaan ialah di atas landasan yang betul. Cuma saya ingin tahu adakah selepas tiap-tiap satu projek penswastan ini disempurnakan satu audit dilakukan seperti yang berlaku di England dan satu laporan disiapkan? Termasuk di dalam laporan itu yang pernah saya tengok semua sekali, bayar peguam berapa dan pembinaan jalan itu sendiri berapa dan dengan itu kita dapat membuat sesuatu pemantauan supaya kontraktor tidak mengenakan harga yang terlalu tinggi kepada operator dan dengan itu operator tidak menggunakan wang yang telah diberikan secara berleluasa dan kos dapat dijimatkan dan kadar tol dapat diturunkan. Adakah Yang Berhormat Dato' boleh timbang perkara ini?

Dato' Seri S. Samy Vellu: Tuan Pengerusi, pembinaan dan juga persiapan Lebu Raya Utara Selatan itu pengalaman pertama kepada kerajaan. Masa itu kita pun tidak mempunyai banyak pengalaman, jadi ada juga kesalahan di sini sana. Manusia mesti ada salah, kalau dia tidak salah dia bukan manusia lagi. Dia jadi lain.

Jadi kita ambil kira.....

Tuan Husam bin Haji Musa: [*Bangun*]

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Nanti dia jawab dahululah.

Dato' Seri S. Samy Vellu: Saya jawab dahulu. Perkara ini semua ditimbang, beberapa pindaan telah berlaku dan dokumen-dokumen telah disiapkan, itu jadi rekod kita macam manakah masa akan datang kita menswastakan mana-mana satu projek. Itu ada dalam kiraan kerajaan sekarang. Jadi ada apa-apa soalan?

Tuan Husam bin Haji Musa: Bagus betul Yang Berhormat Dato' [*Ketawa*], Kesalahan-kesalahan yang tidak disengajakan kita boleh maafkan tetapi kesalahan-kesalahan yang menyebabkan negara kita menanggung kerugian, itu yang kita ambil perhatian dan daripada soalan saya semalam, saya telah bertanya berapakah jumlah yang kerajaan telah tanggung termasuk dalam bentuk pemberian terhadap projek Lebuhraya Utara Selatan termasuk pampasan tol setiap tahun, termasuk jumlah lebuhraya yang telah diwakaf, Yang Berhormat faham wakaf, bagi free, 225 kilometer dan jaminan pinjaman, pinjaman GSL yang diberikan oleh kerajaan kepada PLUS dan

adakah dengan itu membebankan kerajaan ataupun boleh kita kurangkan beban ini pada masa akan datang.

Dato' Seri S. Samy Vellu: Tuan Pengerusi, walaupun perkara ini sudah lama, 15 tahun, saya ingat saya punya komputer ada hidup lagilah. Mula-mulanya kita telah membina jalan lebih kurang 300 kilometer dengan satu terowong iaitu berharga RM2 bilion, bila kita menyerahkan jalan itu bernilai RM2 bilion kepada United Engineers dan pinjamannya RM1,650 juta, pinjaman itu dibayar baik selepas 15 tahun.

Jadi pada masa itu kita tidak mengira berkenaan dengan traffic volume dan lain-lain, kita beri guarantee kepada mereka, jikalau traffic volume itu kurang kita akan membayar tetapi dalam perjanjian baru, kurang kita bayar, kalau lebih untung kita dapat, dibahagi-bahagikan jadi dua dengan syarikat itu. Jadi itulah perjanjian baru.

Jadi ini berkenaan dengan pembinaan jalan ke negeri Kelantan, saya percaya selepas kita selesai aturan-aturan perjanjian di antara Kerajaan Negeri Terengganu, saya percaya ini boleh juga diteruskan, bukan kita tidak mahu teruskan jalan, orang Kelantan bukan kita benci, kita suka dia, makanan Kelantan kita suka, tempat kita suka, ini politik sahajalah sedikit masalah, lain tidak ada apa-apa. Jadi saya minta....

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Bukit Mas berdiri.

Tuan Henry Sum Agong: Terima kasih Tuan Pengerusi, terima kasih Yang Berhormat menteri, minta penjelasan. Adakah pihak kementerian Yang Berhormat Menteri sedar bahawa rakyat di negeri Sarawak dan Sabah terutamanya pengguna-pengguna jalan Pan-Borneo Highway yang dibina melalui Brunei Darul Salam, belum dapat manfaat sepenuhnya daripada pembinaan jalan ini disebabkan kelewatan menyelesaikan pembinaan jalan tersebut dengan baik dan mengikut jadual. Contohnya di antara daerah Sipitang dan Beaufort di Sabah, tiga kilometer lagi jalan raya tersebut belum siap dibina. Yang sedih sekali sebahagian jalan tersebut di Temburong Brunei sejauh dua setengah kilometer tidak dibina oleh Kerajaan Brunei.

Selain itu terdapat banyak lubang di sana-sini dan jalan yang tidak rata disebabkan sudah turun atau sinking, khususnya di bahagian Limbang, Miri, Bintulu dan bahagian Sri Aman. Soalan, bilakah agaknya Jalanraya Pan-Borneo Highway ini siap sepenuhnya termasuk pembinaan jambatan-jambatan. Sekian terima kasih.

Dato' Seri S. Samy Vellu: Tuan Pengerusi, walaupun soalan itu tidak ada kaitan dengan apa yang kita bincang sekarang oleh kerana Yang Berhormat tidak

bangkit isu itu semalam tetapi untuk makluman Ahli Yang Berhormatlah kerja-kerja membina Pan-Borneo Highway telah dijalankan beberapa tahun, daripada mulai tahun 1986 kita belanja lebih kurang RM1.6 bilion tetapi sambungan dengan negara Brunei Darul Salam belum diselesaikan oleh kerana kita ada juga sedikit masalah berkenaan dengan sempadan dan lain-lain. Itu jikalau ada juga ketetapan dibuat oleh Kementerian Luar Negeri dan selepas itu kita boleh juga mengadakan sambungan dengan ne gara itulah.

Jadi selain daripada itu beberapa banyak jalan telah disiapkan. Saya percaya tidak lama lagi kita akan menggunakan jalan menyambung dengan tiga-tiga iaitu negeri Sarawak, negeri Sabah dan juga negara Brunei Darul Salam, boleh disambungkan.

Jadi, Tuan Pengerusi, berkenaan dengan perkara yang telah dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat bagi Tanjong berkenaan dengan tidak ada koordinasi dari segi perancangan pembinaan jalan di antara Kerajaan Persekutuan, Kerajaan Negeri dan Majlis Perbandaran bagi jalan-jalan di Pulau Pinang.

Yang kedua, peringkat perancang Penang Outer Ring Road....

Tuan Haji Yusof bin Mohd. Noor: *[Bangun]*

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Machang.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: *[Bangun]*

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ada yang berdiri Yang Berhormat.

Dato' Seri S. Samy Vellu: Yang Berhormat tetapkan mana satu saya jawab.

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Saya sebut Machang tadi.

Tuan Haji Yusof bin Mohd. Noor: Terima kasih. Saya ingat semalam Yang Berhormat bagi 'Kubang Kerian' membangkitkan jambatan di Dabong, kalau boleh Yang Berhormat sentuh perkara ini.

Dato' Seri S. Samy Vellu: Pada pengetahuan saya Yang Berhormat, peruntukan sudah ditetapkan untuk membina jambatan itu tetapi saya telah meluluskan proses tender tahun 1999, saya tidak ada maklumat yang lebih, saya boleh beri maklumat kepada Yang Berhormat esok, esok tidak ada Parlimen, hari Isnin saya tengok macam manakah keadaan jambatan itu. Jambatan itu tetap dibina, tidak ada masalah.

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Sri Gading.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Terima kasih Tuan Pengerusi, berkaitan dengan Yang Berhormat menteri menjawab tentang lebuh raya, saya juga ingin hendak bertanya, cadangan membina lebuh raya Seremban, Port Dickson, Melaka, Muar, Batu Pahat seterusnya Pontian ke Johor Bharu dan seterusnya Johor Bharu ke Mersing ke Kuantan yang akan menyebabkan kita dapat kemudahan-kemudahan yang lebih untuk kesenangan pengguna. Saya ingin mendapat penjelasan Yang Berhormat menteri.

Dato' Seri S. Samy Vellu: Tuan Pengerusi, jalan yang telah disebutkan oleh Yang Berhormat tadi iaitu lebuh raya, ada dalam senarai seperti apa yang saya jawab dalam Dewan yang mulia ini, 17 projek telah ditangguhkan. Projek yang disebutkan oleh Ahli Yang Berhormat tadi projek itu termasuk dalam 17 projek, saya percaya apabila keadaan kewangan membenarkan kita untuk memulakan kerja, saya percaya kita bolehlah.

Jadi berkenaan dengan teguran Yang Berhormat bagi Tanjong berkenaan dengan projek-projek jalan yang dilaksanakan oleh Kerajaan Persekutuan ianya berdasarkan permohonan yang dikemukakan oleh kerajaan negeri melalui JKR negeri ianya merupakan perancangan bersama. Walau bagaimanapun sebarang perancangan pada masa-masa hadapan bolehlah dibincang dengan lebih teliti bagi memastikan koordinasi yang lebih berkesan. Projek Penang Outer Ring Road masih dalam peringkat rundingan bersama perkara-perkara teknikal di antara kerajaan dengan syarikat konsesi iaitu Consortium Peninsular Metro Works Sdn. Bhd., tindakan selanjutnya hanya akan diambil hanya setelah perbincangan mengenai keperluan teknikal dikemukakan.

Pada akhirnya Tuan Pengerusi, saya suka menjawab kepada Yang Berhormat bagi Seputeh. Beliau telah minta apakah pelan kecemasan diadakan jika terdapat kebocoran empangan. Yang kedua, beliau juga meminta, adakah kajian EIA dijalankan dengan secara bebas. Yang ketiga, adakah pakej pampasan kepada Orang Asli yang terlibat. Yang keempat, jaminan bahawa penswastan projek seperti itu tidak gagal. Yang kelima isu langkah-langkah untuk mengatasi masalah kekurangan air. Jadi lima soalan telah ditimbulkan oleh Ahli Yang Berhormat bagi Seputeh.

Jawapan saya Tuan Pengerusi, untuk makluman Yang Berhormat, aspek keselamatan empangan memang mendapat perhatian utama daripada pihak kerajaan.

Dalam syarat-syarat perjanjian kerajaan negeri dan pihak konsesi, langkah-langkah keselamatan memang ditekankan. Untuk tujuan ini pihak konsesi dikehendaki melantik pakar empangan untuk mengkaji keseluruhan aspek keselamatan empangan.

Di samping itu pihak kerajaan juga melantik pakar empangan untuk mengkaji semula laporan juruperunding pihak konsesi dalam kajian-kajian tersebut. Emergency Responds Plan adalah satu perkara wajib dan biasa disediakan di mana-mana pembinaan empangan. Di samping itu kajian EIA juga dijalankan mengikut peraturan yang ditetapkan oleh kerajaan di bawah Akta Alam Sekitar dan Peraturan EIA.

Mengenai pampasan kepada Orang Asli yang terlibat dengan projek ini, pakej-pakej pampasan memang disediakan oleh Kerajaan Negeri Selangor dalam bentuk kewangan dan kawasan penempatan semula. Sebelum konsesi dimuktamad, aspek kedudukan kewangan dan kemampuan teknikal syarikat konsesi adalah diteliti supaya projek tersebut tidak menemui kegagalan. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat bagi Seputeh mengenai langkah-langkah alternatif bagi menangani masalah kekurangan air, kerajaan memang mengambil berat tentang program memperbaiki keadaan kebocoran paip air. Untuk makluman Yang Berhormat juga Rancangan Malaysia Ketujuh sebanyak RM475 juta telah diperuntukkan untuk tujuan ini.

Di samping itu kempen untuk jimat air juga diadakan oleh Pihakberkuasa Air Negeri, penggunaan alat-alat moden yang menjimatkan air juga diperkenalkan kepada pengguna-pengguna supaya air dapat digunakan sekarang, berkesan.

Puan Teresa Kok Suh Sim: Terima kasih Tuan Pengerusi, saya ingin bertanya Yang Berhormat menteri, kalau EIA di empangan Sungai Selangor itu telah dijalankan kenapakah ia tidak dapat dipaparkan kepada public, yang saya tahu ia ditegah daripada diterima oleh orang ramai, oleh orang awam. Kenapakah ini berlaku dan juga saya ingin tanya, kenapakah kerajaan memilih syarikat Gamuda Consortium, Gunung Ganang Corporation untuk memikul tanggungjawab membina empangan itu memandangkan kedua-dua syarikat ini tidak mempunyai pengalaman dari segi pembinaan empangan.

Dato' Seri S. Samy Vellu: Tuan Pengerusi, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kerajaan Selangor dan juga Kerajaan Pusat telah menetapkan dalam Jemaah Menteri, kita mesti mengambil tindakan yang sewajarnya untuk mengatasi

masalah air di dalam tahun 2004 dan saya percaya dalam tahun 2007 dan selepas itu kita mesti menghadapi masalah air, jikalau kita tidak membina rancangan seperti apa yang disebut tadi.

Berkenaan dengan mengapakah Syarikat Gamuda dan Konsortium itu telah diberi keutamaan oleh kerana merekalah menjalankan kajian dan menghantar kepada Kerajaan Negeri Selangor *viability project* dan mereka juga boleh dipertanggungjawabkan untuk menswastakan syarikat itu, syarikat itu boleh bertanggungjawab untuk membekal lebih dari satu ribu juta liter kepada pengguna-pengguna. Jadi Kerajaan Negeri Selangor menimbang dan Kerajaan Negeri Selangor juga ada pakar-pakar perunding untuk mendapat lebih maklumat berkenaan dengan projek. Mereka tidak boleh mendapat kelulusan tanpa laporan-laporan yang tetap, jadi saya percaya jikalau kita tidak jalankan projek ini walaupun projek ini sudah mula.

Perkara-perkara mengenai projek ini telah diumumkan dua atau tiga tahun dahulu tetapi tiap-tiap hari ada juga beberapa perkara telah berlaku. JAIKA telah menjalankan kajian dan juga agensi-agensi kerajaan menjalankan kajian, saya sendiri telah melawat ke tapak itu untuk menetapkan mana satu tapak yang lebih sesuai. Macam manakah kita akan meminda jalan, macam manakah kita akan menjaga *ecological* dan other aspects. Jadi, semuanya telah dibincang. Jadi, saya percaya tidak lama lagi jikalau Kerajaan Selangor menandatangani, saya percaya mereka sudah menandatangani projek ini boleh dimulakan.

Jikalau tidak, Ahli Yang Berhormat, kita dalam Wilayah Persekutuan dan juga Negeri Selangor, Lembah Klang akan menghadapi banyak masalah. Kerajaan sedang juga membincang dengan negara Jepun untuk mendapat pinjaman. Pinjaman itu telah diluluskan untuk membawa air daripada negeri Pahang ke negeri Selangor. Jikalau ada juga air dari negeri Pahang ke negeri Selangor pun tidak mencukupi untuk menjaga kepentingan air kita sampai ke tahun 2020. Jadi, inilah rancangan-rancangan, dengan izin, *is a forward planning strategy* untuk membekalkan air kepada rakyat. Kita sudah menghadapi banyak masalah dua tahun dahulu. Kita tidak mahu melihat perkara ini lagi.

Puan Teresa Kok Suh Sim: Terima kasih, penjelasan Yang Berhormat Menteri. Tetapi sekarang saya ingin pertikaikan tentang sikap mereka yang menjalankan tugas pembinaan itu, mereka enggan mengadakan dialog atau

perbincangan dengan golongan Orang Asli di kawasan itu dan juga kumpulan yang prihatin terhadap alam sekitar. Jadi, saya berharap mereka boleh mempunyai sikap seperti Yang Berhormat Menteri yang selalu sudi berbincang dan memberi maklumat kepada mereka yang ingin tahu dan saya juga diberitahu bahawa projek pembinaan empangan itu bermula sebelum kelulusan kerajaan tempatan diberi kepada mereka.

Jadi, ini adalah satu perkara yang patut dielakkan. Di samping itu, kenapakah EIA berkenaan dengan projek itu tidak diberikan kepada pakar-pakar yang ingin mengkaji projek tersebut? Adakah ini satu rahsia yang begitu besar yang tidak boleh diberikan kepada public? Saya rasa ini adalah langkah yang harus dipertimbangkan oleh kementerian.

Dato' Seri S. Samy Vellu: Tuan Pengerusi, saya percaya ada sedikit salah faham, Jemaah Menteri sudah bersetuju untuk mengeluarkan laporan EIA kepada orang yang suka juga mendapat keterangan daripada laporan EIA itu. Bukannya kita tidak memberi peluang. Selain daripada itu, satu perkara saya boleh bersetuju dengan Yang Berhormat – kekurangan *public relations* atas pelaksanaan projek itu. Saya telah bincang dengan Yang Amat Berhormat Menteri Besar, minta Kerajaan Selangor memberi maklumat yang lebih lanjut untuk rakyat dan penduduk berhampiran kawasan itu sebelum projek ini dimulakan.

Saya boleh juga memberitahu kepada Kerajaan Negeri Selangor untuk mengikuti dengan aturan-aturan itu. Tuan Pengerusi, saya ucap terima kasih kepada semua ahli yang telah mengambil bahagian dalam

Tuan Chang See Ten: Nampaknya masalah yang saya bawa tidak dijawab oleh Yang Berhormat Dato' Menteri. Terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Gelang Patah.

Dato' Seri S. Samy Vellu: Tebrau bukan? [*Mencari sesuatu di atas meja*]

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Gelang Patah, yang sebut tol Senai juga.

Dato' Seri S. Samy Vellu: Saya minta maaf, Yang Berhormat. Ada banyak kertas sini. Macam mana saya sudah hilang itu. Saya boleh bagi jawapan dengan bertulislah. [*Ketawa*] Terima kasihlah. Terima kasih. Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa wang sejumlah RM1,195,537,300 untuk Kepala B.33 di

bawah Kementerian Kerja Raya jadi sebahagian daripada Jadual hendaklah disetujui.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak RM1,195,537,300 untuk Maksud B.33 diperintahkan jadi sebahagian daripada Jadual.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Masalahnya ialah bahawa perbelanjaan sebanyak RM3,384,273,100 untuk Maksud P.33 yang disebutkan dalam Anggaran Pembangunan 2000 hendaklah diluluskan.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak RM3,384,273,100 untuk Maksud P.33 diluluskan jadi sebahagian daripada Anggaran Pembangunan 2000.

Maksud B.34 [Jadual] –

Maksud P.34 [Anggaran Pembangunan 2000] –

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Kepala Bekalan B.34 dan Kepala Pembangunan P.34 di bawah Kementerian Kesihatan terbuka untuk dibahas. Mambong.

Tuan Philip Benedict Lasimbang: Terima kasih, Tuan Pengerusi.

Tuan James Dawos Mamit: Siapa, Tuan Pengerusi?

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Mambong, Mambong.

Tuan Philip Benedict Lasimbang: Mambong?

Tuan James Dawos Mamit: Ha, Mambong.

12.06 tgh.

Tuan James Dawos Mamit [Mambong]: Terima kasih Tuan Pengerusi, saya merujuk kepada Maksud B.34 dan ingin membangkitkan Butiran 020300 mengenai Kawalan Penyakit.

Daripada statistik yang dibentangkan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri Kesihatan semasa menjawab soalan pada 28 Mac, saya terkilan bahawa bilangan insiden penyakit berjangkit agak tinggi pada tahun 1998. Umpamanya, insiden HIV – 4,492 orang pada tahun 1997 bertambah kepada 5,499 orang pada tahun 1998 tetapi menurun kepada 4,821 orang pada tahun lalu. Begitu juga dengan demam Denggi. Insiden pada tahun 1997 ialah 18,642 orang, bertambah kepada 26,240 orang dalam tahun 1998 dan menurun kepada 8,281 orang pada tahun lalu.

Penyakit-penyakit lain yang menunjukkan trend yang sama ialah Denggi Berdarah dan Viral Hepatitis. Yang saya ingin tahu ialah apakah yang menyebabkan virus merebak lebih aktif lagi pada tahun 1998? Adakah faktor-faktor alam sekeliling yang menyumbang kepada penyebaran virus itu atau mungkin ada *bias in data collection*, dengan izin.

Tuan Pengerusi, saya ingin menyentuh kepada Program Kawalan Tibi Kebangsaan yang telah dilancarkan pada tahun 1961 dan diintegrasikan ke dalam Program Kesihatan Awam pada tahun 1995. Mengikut laporan Jabatan Kesihatan Awam, tidak terdapat banyak perubahan kepada kadar insiden penyakit Tibi pada tahun 1985 hingga tahun 1998. Pada tahun 1985, kadar insiden Tibi semua jenis adalah 68.6 orang bagi setiap 100,000 penduduk, berbanding dengan tahun 1998, terdapat kadar insiden Tibi ialah 63.6 orang bagi setiap 100,000 penduduk. Mengikut pendapat program Tibi di Centre For Disease Control (CDC) di Atlanta, Amerika Syarikat, trend sebegini menunjukkan strategi yang sedang digunakan perlu dikaji semula.

Apakah langkah-langkah kementerian bagi mengulang kaji strategi untuk membasmi penyakit Tibi di negara kita? Terdapat jumlah kes Tibi di kalangan warga asing pada tahun 1998 sebanyak 1,626 orang. Kebanyakan dari mereka terdiri dari warga Indonesia – 706 orang, warga Filipina – 679 orang, warga Bangladesh – 137 orang dan warga lain lebih 100 orang. Negeri Sabah mempunyai kes Tibi di kalangan warga asing paling ramai iaitu sebanyak 1,019 orang. Oleh sebab penyakit Tibi adalah penyakit berjangkit, apakah langkah-langkah yang diambil oleh kementerian bagi mencegah merebaknya penyakit Tibi daripada warga asing ke warga negara.

Tuan Pengerusi, saya ingin menyentuh juga tentang penyakit kuarantin atau *quarantinable diseases*, dengan izin. Penyakit-penyakit yang dimaksudkan ialah *yellow fever* dan *fleck*. Walaupun Malaysia hingga kini bebas daripada ialah *yellow fever* dan *fleck*, warganegara yang melawat ke negara-negara asing seperti melawat ke negara-negara di Afrika, haruslah berjaga-jaga agar tidak membawa balik penyakit-penyakit tersebut ke Malaysia. Begitu juga dengan warga asing dari negara-negara yang *high risk of yellow fever and fleck*, dengan izin, agar tidak membawa masuk penyakit-penyakit ini ke negara kita. Oleh itu, saya ingin tahu apakah bentuk kawalan

yang dilaksanakan oleh kementerian bagi memastikan bahawa penyakit kuarantin tidak merebak di negara kita.

Tuan Pengerusi, saya ingin menyentuh Butiran 020500 tentang Kawalan Mutu Makanan. Pada tahun 1994, jumlah kes penyakit typhoid 1,031 orang di mana sembilan orang mati akibat penyakit tersebut. Penyakit ini merebak melalui makanan dan air yang kotor. Penyakit-penyakit lain yang merebak melalui makanan dan air kotor ialah *dysentery* dan *viral hepatitis*. Insiden *viral hepatitis* pada tahun lalu ialah 3,291 orang. Saya ingin tahu apakah program dan strategi yang diambil oleh pihak kementerian bagi mengawal mutu makanan khususnya di gerai-gerai makan di tepi jalan.

Tuan Pengerusi, saya ingin membangkitkan Butiran 002001 berkenaan dengan Perkhidmatan Kesihatan Luar Bandar. Di kawasan saya, Mambong, ada dua kelompok kampung di mana penduduk-penduduk berjalan kaki dalam hutan lebih daripada dua jam untuk sampai ke Klinik Desa yang terdekat. Di satu-satu kelompok kampung tersebut, terdapat bilangan penduduk lebih daripada 1,500 orang. Saya ingin memohon dari pihak kementerian agar mendirikan Klinik Desa di Kampung Sait dan di Kampung Perang dalam kawasan Parlimen Mambong kerana kedua-dua kampung tersebut adalah di kelompok kampung berlainan. Saya mohon menyokong, terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Lumut.

12.13 tgh.

Tuan Kong Cho Ha [Lumut]: Terima kasih, Tuan Pengerusi. Di bawah Maksud B.34 Kementerian Kesihatan, perbelanjaan berjumlah RM4,931 juta, ianya adalah satu angka yang sungguh besar dan tanggungan yang amat berat untuk kerajaan. Walau bagaimanapun, kerajaan terus memberi perkhidmatan perubatan hampir percuma untuk semua rakyat negara kita. Oleh kerana kos rawatan perubatan semakin meningkat, kebanyakan negara di dunia ini tidak mampu lagi untuk membekal perkhidmatan perubatan percuma untuk rakyatnya.

Tuan Pengerusi, selain daripada rakyat negara kita, ramai rakyat negara jiran yang berada dalam negara kita menggunakan perkhidmatan perubatan dengan percuma juga. Terdapat hospital di Sabah di mana hampir 50% pesakitnya terdiri daripada rakyat asing. Kejadian itu menambahkan lagi kos perkhidmatan perubatan

negara kita. Saya bercadang bahawa kementerian mengenakan caj yang berlainan untuk pesakit rakyat asing di hospital kita.

Tuan Pengerusi, saya mengucapkan penghargaan kepada Kementerian Kesihatan kerana mendirikan hospital baru di bandar Sri Manjong di kawasan saya. Hospital itu mempunyai kakitangan dan pegawai perubatan yang mencukupi. Suasana perkhidmatan di hospital itu juga memuaskan. Malangnya, Tuan Pengerusi, di Pulau Pangkor, kawasan saya juga timbul masalah perkhidmatan perubatan. Pulau Pangkor adalah destinasi pelancongan utama negara kita. Penduduk tempatan seramai 25,000 orang dan pada musim perayaan bilangan pelancong sahaja boleh sampai angka 10,000 orang. Ramai antara mereka pelancong negara asing. Untuk kepentingan pelancong dan rakyat tempatan, perlulah kita mempunyai perkhidmatan perubatan yang sempurna di Pulau Pangkor.

Pulau Pangkor mempunyai satu pusat kesihatan kerajaan yang sepatutnya dihidmati oleh dua orang doktor, tetapi sekarang adalah seorang sahaja. Doktor itu duduk di Sitiawan. Jadi, pada waktu malam tidak ada doktor di Pulau Pangkor. Peralatan x-ray di pusat kesihatan tersebut tidak digunakan kerana tidak ada juruteknik x-ray yang bekerja di situ. Untuk kes-kes kecemasan dan serius, pesakit dari Pulau Pangkor terpaksa dihantar ke Hospital Sri Manjong untuk dirawat. Penghantaran pesakit itu melalui feri biasa dan berulang-alik dari Lumut ke Pulau Pangkor. Bayangkan dalam feri itu pesakit tidur atas stretcher dan stretcher itu diletak atas lantai dan pesakit itu dibawa ke Lumut dengan cara itu bersama penumpang-penumpang yang terdiri dari penduduk tempatan dan pelancong-pelancong.

Di masa yang lepas pernah berlaku kes di mana bayi dilahirkan dalam feri di pertengahan jalan dari Pangkor ke Lumut. Saya harap kementerian mengambil usaha untuk menyempurnakan perkhidmatan perubatan di Pulau Pangkor demi imej kawasan itu sebagai destinasi pelancongan dan untuk rakyat tempatan juga.

Tuan Pengerusi, di bawah Butiran 020000 – Kesihatan Awam. Masalah nyamuk amat serius di seluruh kawasan Sitiawan. Saya telah menerima banyak aduan berkenaan masalah nyamuk yang tidak dikawal. Kes-kes demam denggi sangat tinggi di kawasan itu. Saya harap Kementerian Kesihatan mengarah Pusat Kesihatan Awam di Sitiawan bahawa dijalankan fogging mengikut jadual yang ditentukan. Kalau boleh jadual fogging itu diumumkan untuk makluman rakyat tempatan. Sekian sahaja, saya mohon menyokong. Terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Baling.

12.20 tgh.

Tuan Taib Azamudden bin Md. Taib [Baling]: Terima kasih, Tuan Pengerusi. Saya ingin turut serta membahaskan Maksud B.34 di bawah Butiran 030200 – Pengurusan Hospital, Butiran 030000 – Rawatan Perubatan, Butiran 020100 – Pengurusan Kesihatan Awam dan Butiran 030700 – Obstetrik dan Ginekologi.

Tuan Pengerusi, Butiran 030200 – Pengurusan Hospital. Kalau kita lihat peruntukan yang telah digunakan pada tahun 1999 sebanyak RM424 juta, tetapi peruntukan tahun 2000 menurun kepada RM397 juta sahaja. Sedangkan kalau kita lihat dari segi keadaan pengurusan hospital-hospital terutama sekali di daerah-daerah seperti mana daerah saya di Baling dan juga di daerah-daerah yang lain maka kita dapati terdapat banyak kekurangan yang diperlukan tetapi tidak diperolehi ataupun tidak ada di hospital-hospital berkenaan. Termasuk jugalah dalam hal Butiran 030000 ini Rawatan Perubatan iaitu terdapat banyak kekurangan tenaga doktor, lebih-lebih lagi kalau tenaga-tenaga doktor pakar.

Di kebanyakan hospital daerah termasuklah di kawasan saya, kekurangan ini cukup ketara. Pernah beberapa ketika dalam satu daerah yang kalau kita mengatakan di daerah saya pengundinya lebih daripada 50,000 orang pengundi sahaja hanya mempunyai seorang doktor. Jadi, kerja-kerja rawatan kebanyakannya dijalankan oleh pembantu-pembantu hospital yang sudah pastinya dari segi kepakarannya, kemahirannya agak terbatas berbanding dengan tenaga atau perkhidmatan yang diberikan oleh seorang doktor. Kawasan-kawasan yang seumpama ini bagi saya harus kerajaan mempertingkatkan lagi kemudahan-kemudahan rawatan perubatan dan pengurusan hospital ini kerana macam kawasan-kawasan daerah yang macam ini sudahlah kita berhadapan dengan keadaan kemudahan klinik-klinik yang begitu terbatas dan begitu jugalah kemudahan-kemudahan rawatan lain yang cukup terbatas, maka orang-orang kampung, orang-orang yang umumnya yang berpendapat rendah semata-mata berpeluang kepada mereka lah untuk mendapat rawatan daripada doktor-doktor ataupun pakar-pakar perubatan yang ada di hospital-hospital.

Kita boleh lihat perkhidmatan-perkhidmatan yang diistilahkan sebagai perkhidmatan diagnostik, rawatan pemulihan, tidak dapat memenuhi pesakit, kehendak dan keperluan-keperluan pesakit yang ada di daerah-daerah yang seumpama ini. Kita berterima kasih dan menghargai kerana pihak kerajaan berjaya mengadakan

hospital yang agak terancang bertaraf dunia di Selayang, tetapi apakah kerajaan tidak bercadang untuk menambah hospital-hospital yang seumpama ini yang bertaraf dunia ini juga diluaskan perkhidmatannya ke kawasan-kawasan lain, peringkat demi peringkat dan masa demi masa yang sekurang-kurangnya bolehlah dibahagikan untuk peringkat zon utara, untuk peringkat zon selatan, zon timur dan juga zon Malaysia Timur kerana bagi kita sebagai sebuah kerajaan, maka kerajaan mesti bertanggungjawab terhadap kesihatan rakyatnya di seluruh negara. Bukanlah kerajaan hanya bertanggungjawab untuk kesihatan rakyat dalam kelompok-kelompok yang tertentu seperti mana di bandar-bandar besar sahaja.

Kemudian, Tuan Pengerusi, Butiran 020100 – Pengurusan Kesihatan Awam. Yang saya ingin menyentuh di sini ialah kemudahan-kemudahan seperti mana mesin pencuci buah pinggang atau hemodialisis, boleh dikatakan begitu ketara. Di Hospital Baling yang begitu ramai penduduk Baling itu sendiri hanya ada sebuah. Begitulah di Langkawi walaupun bandar, tempat yang dikatakan tempat bebas cukai, tempat pelancong berkunjung dan sebagainya juga menghadapi kemudahan yang begitu ketara. Ini pun saya dapati bahawa di Hospital Daerah Baling mesin hemodialisis ini dibekalkan oleh salah satu pihak swasta ataupun pihak kontraktor yang dermawan, tetapi bukan daripada peruntukan kementerian dan bukan daripada peruntukan kerajaan. Inilah keadaan di mana pada satu ketika apabila musim cuti sekolah dan sebagainya banyak pesakit buah pinggang yang duduk di merata tempat balik ke Baling, maka mereka tidak dapat untuk menggunakan rawatan ini kerana satu mesin buah pinggang untuk digunakan oleh seorang mengambil masa sekurang-kurangnya empat jam. Kalaulah kawasan itu ada lapan ataupun sepuluh orang pesakit buah pinggang, maka sudah tentulah mereka tidak dapat menggunakan kemudahan itu. Di Baling sendiri ada yang terpaksa pergi ke Sungai Petani dan ada yang terpaksa pergi ke Alor Setar semata-mata untuk hendak mendapat rawatan buah pinggang ini.

Akhir sekali.....

Tuan Lim Hock Seng: Berkenaan dengan mesin hemodialisis ini, adakah Yang Berhormat sedar bahawa mesin-mesin cuci buah pinggang ini di hospital kerajaan hanya dikhas kepada kakitangan kerajaan sahaja. Sekiranya ada masa lapang baru diberi kepada orang ramai. Jadi, orang ramai hendak pergi ke mana? Minta penjelasan.

Tuan Taib Azamuddin bin Md. Taib: Terima kasih Yang Berhormat bagi Bagan. Memang apa yang pernah kita difahamkan termasuklah di hospital-hospital yang seperti mana yang dikatakan tadi mesin hemodialisis ini, kemudahan utama atau keutamaannya (priority) diberikan kepada pegawai dan kakitangan kerajaan, maka selebihnya itu barulah diberi kepada orang ramai. Jadi, saya rasa dengan keadaan alaf baru, dengan k-ekonomi yang dilaungkan tak sewajarnya taraf hospital dalam negara kita dengan keperluan yang begini mendadak masih di tahap yang sebegini.

Butiran 030700 – dalam masalah Obstetrik dan Ginekologi, iaitu apa yang saya lihat di sini terutama sekali penekanan saya kepada kes-kes ibu mengandung, kemudahan-kemudahan yang ada di kebanyakan hospital-hospital daerah yang saya rasa untuk saya, saya fokuskan kepada kemudahan Hospital Daerah Baling ini sendiri walaupun bangunannya baru dibina sekarang tetapi kemudahan yang ada tak lebih daripada kemudahan yang seperti mana di bangunan yang lama itu juga. Cuma dari segi fizikalnya agak baru, bangunan baru, tetapi dari segi perkhidmatan kemudahan yang diberikan masih di takuk lama atau di tahap lama, sedangkan orang kata pertumbuhan masyarakat ataupun masyarakat makin ramai, jadi inilah masalahnya terutama sekali dalam masalah-masalah kes yang berisiko tinggi.

Kita akui ada klinik-klinik bidan dan ada pusat-pusat rawatan kecil di daerah-daerah atau di kampung-kampung, tetapi ini tidak dapat menampung mengatasi masalah kes-kes yang berisiko tinggi seperti mana yang kita katakan kalau seorang ibu yang terpaksa berhadapan untuk melahirkan anak di luar daripada yang normal yang dihadapi, maka tidak boleh dia tasi di hospital daerah seperti mana di Hospital Daerah Baling yang terpaksa mengambil masa untuk pergi ke Sungai Petani yang paling cepat memakan masa satu setengah jam atau dua jam, begitu juga ke Alor Setar. Jadi, kalau sudah hendak melahirkan anak mengambil masa atas kereta sampai dua jam, beranak atas kereta dahululah. Jadi, ini masalahnya.

Jadi, Tuan Pengerusi, saya menggesa atau mengharapkan pihak kerajaan mengambil tindakan yang sewajarnya supaya dalam kes-kes kesihatan dan kes-kes rawatan ini tidaklah menampakkan bahawa satu budaya kesihatan dalam negara kita hanya untuk orang-orang tertentu sahaja, manakala orang-orang lain yang susah, yang di pedalaman seolah-olahnya yang itu tidak layak untuk dapat sihat, yang sihat orang yang mempunyai taraf kedudukan ekonomi di bandar-bandar sahaja. Sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Nibong Tebal.

12.30 tgh.

Tuan Goh Kheng Huat [Nibong Tebal]: Tuan Pengerusi, terima kasih. Saya ingin menyentuh Maksud B.34 Butiran 031500 muka surat 358.

Tuan Pengerusi, pertama sekali saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada Kementerian Kesihatan yang telah meluluskan peruntukan di bawah Dasar Baru Kementerian Kesihatan untuk mewujudkan tiga unit hemodialisis di negeri Pulau Pinang dan salah satu di Hospital Sungai Bakap.

Tuan Pengerusi, di atas peruntukan yang dikeluarkan oleh Kementerian Kesihatan, saya berpendapat bahawa ianya tidak akan mencukupi dengan penambahan pesakit buah pinggang dari tahun ke tahun. Apakah Menteri Kesihatan sedar bahawa satu mesin dialisis hanya dapat digunakan oleh dua orang pesakit sahaja seumur hidup, kerana pesakit buah pinggang perlu mencuci buah pinggang mereka sekurang-kurangnya tiga kali seminggu yang mengambil masa lebih kurang lima jam sekali.

Tadi, Ahli Yang Berhormat bagi Baling mengatakan bahawa masalah hemodialisis di kawasan Baling, ini adalah memang betul, bukan sahaja di kawasan Baling sahaja, di seluruh negara juga menghadapi masalah seperti yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat bagi Baling dan di sini saya juga ingin berharap Kementerian Kesihatan dengan secepat mungkin untuk mengadakan hemodialisis di setiap hospital daerah di seluruh negara.

Tuan Pengerusi, saya mencadangkan agar dalam satu unit hemodialisis di hospital kerajaan, menempatkan sekurang-kurangnya 20 mesin dialisis bagi menyeimbangkan dengan pesakit-pesakit buah pinggang. Saya juga ingin mencadangkan agar setiap unit hemodialisis diadakan sesi rawatan supaya setiap mesin dialisis dapat digunakan lebih dari seorang pesakit buah pinggang dalam sehari.

Tuan Pengerusi, penyakit buah pinggang juga dapat diatasi dengan melakukan pemindahan organ. Apa yang difahamkan setiap pesakit yang hendak melakukan penukaran organ terpaksa ke negara China di mana proses penukaran organ menelan belanja kira-kira RM70,000 sehingga RM100,000 dan apa yang dikesalkan setiap pesakit yang hendak melakukan penukaran organ terpaksa menghadapi masalah terhadap prosedur yang ditetapkan oleh pihak kerajaan. Ini telah melengahkan masa pesakit itu untuk melakukan penukaran organ di luar negara.

Saya di sini mencadangkan agar pihak Kementerian Kesihatan dapat membantu pesakit-pesakit yang hendak melakukan pemindahan organ dari segi kewangan serta bantuan teknikal ataupun mengurangkan prosedur untuk berbuat demikian di luar negara.

Tuan Pengerusi, apa yang difahamkan, Hospital Universiti juga mempunyai satu jabatan di mana department ini, dengan izin, dapat melakukan penukaran buah pinggang tetapi apa yang difahamkan, tidak mencukupi organ buah pinggang di Hospital Universiti untuk melakukan penukaran buah pinggang. Apakah cadangan ataupun tindakan Kementerian Kesihatan terhadap perkara tersebut.

Tuan Pengerusi, saya mencadangkan supaya pihak Kementerian Kesihatan mengadakan kempen kesedaran di dalam media-media tempatan tentang kebaikan mengadakan menderma organ, bukannya hanya menggunakan media ketika menghentam parti pembangkang sahaja. Gunalah kemudahan di zaman multimedia untuk kebaikan umum. Tetapi haruslah diingatkan bahawa sebelum kita hendak berkempen, kita sepatutnya memulakan dahulu sama ada berapa ramai Ahli Parlimen yang menderma organ mereka untuk keperluan orang ramai termasuk Menteri Kesihatan dan Timbalan Menteri Kesihatan sendiri.

Tuan Pengerusi, kementerian juga menyatakan bahawa kementerian memberi penumpuan kepada badan kebajikan amal, tetapi hanya kepada NKF semata-mata apakah kementerian sedar bahawa bukan hanya NKF sahaja badan kebajikan amal yang menubuhkan pusat hemodialisis, bahkan masih banyak lagi badan amal yang perlu diberi tumpuan dari segi bentuk bantuan kewangan, mahupun dalam bantuan teknikal serta perubatan.

Saya juga mencadangkan kepada pihak kementerian agar mengawal pembayaran kos mencuci buah pinggang di hospital-hospital swasta agar ianya tidak membebankan pesakit-pesakit buah pinggang. Pihak kementerian juga diharapkan supaya dapat menyediakan dalam masa terdekat ini setiap hospital kerajaan di seluruh Malaysia dengan mesin hemodialisis bagi kegunaan pesakit-pesakit yang tinggal di hospital kerana penyakit lain, tetapi pesakit tersebut menghidap penyakit buah pinggang. Ianya berlaku pada Puan Salmiah binti Hamid yang berumur 48 tahun di mana beliau menghidap penyakit buah pinggang tetapi dalam masa yang sama mempunyai penyakit penat, darah tinggi dan jantung sehingga beliau ditahan di Hospital Seberang Jaya tetapi kerana tidak mempunyai dialisis di Hospital Seberang

Jaya tersebut, mengakibatkan 'creatinine' terlalu tinggi dan akhirnya beliau telah meninggal dunia pada 25 Mac lalu di Hospital Seberang Jaya kerana penyakit buah pinggang.

Oleh yang demikian, untuk kebaikan serta mengharapkan kepada pesakit buah pinggang dapatlah kiranya memenuhi cadangan yang telah disyorkan bagi kesenangan semua pihak. Sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Penampang.

12.35 tgh.

Tuan Philip Benedict Lasimbang [Penampang]: Tuan Pengerusi, saya ingin mengambil bahagian dalam peringkat Jawatankuasa ini dan akan mengetengahkan tiga perkara. Pertama, bagi Maksud P.34 – Butiran 00400 berkenaan dengan pembangunan hospital-hospital. Kenaikan peruntukan Kementerian Kesihatan dari RM4.5 bilion pada tahun 1999 ke RM4.9 bilion pada tahun ini dan dari RM203 juta ke RM349 juta untuk pembangunan hospital-hospital pada tahun ini amatlah dialu-alukan. Ini memandangkan keperluan kemudahan kesihatan yang kian bertambah dengan pertambahan penduduk dan masalah baru yang perlu ditangani seperti penyakit-penyakit baru yang tiba-tiba muncul.

Sudah tentu kita perlu ubat-ubatan, preskripsi-preskripsi dan tera pi-terapi baru dalam merawat dan mengubati penyakit-penyakit ini. Dalam kita memberi ubat-ubatan dan terapi-terapi ini, kita harus memberi perhatian kepada terapi yang melibatkan spiritual dan mental manusia itu sendiri dalam merawat dan mempercepatkan penyembuhan penyakit.

Dengan kepercayaan juga bahawa banyak penyakit yang datangnya dari tekanan hidup ataupun mental iaitu yang ada hubung kait dengan stress, dengan izin, maka perlulah kita satu hospital yang berunsurkan penyertaan masyarakat dalam terapi penyembuhan. Kita perlu hospital yang lebih hospitable, dengan izin, kepada si pesakit di mana keluarga, saudara-saudara dan rakan-rakan boleh bersama-sama menunjukkan keprihatinan mereka melalui doa, kaunseling dan sebagainya. Di sini saya cadangkan supaya Kementerian Kesihatan dapat membangun hospital komuniti yang berkonsepkan penyertaan masyarakat iaitu mengambil kira sumbangan dan sokongan masyarakat kepada pesakit yang sedang dirawat itu.

Dalam kesempatan ini, saya ingin bertanya dengan Kementerian Kesihatan, bilakah hospital di daerah Penampang akan dibina kerana daerah-daerah lain di Sabah

sudah ada ataupun sedang dalam pembinaan hospital-hospital daerah. Daerah Penampang memang berdekatan dengan Bandaraya Kota Kinabalu, namun demikian kawasan luas dan penduduk terpaksa berjalan berjam-jam untuk sampai ke Hospital Queen Elizabeth.

Saya mohon supaya hospital dibina di kawasan ini dan saya cadangkan satu komuniti hospital dengan bilangan bed 150 ataupun sampai 200 di kawasan Penampang.

Tuan Pengerusi, kedua, saya ingin merujuk kepada Butiran 00201 di dalam Maksud Pembangunan 34 mengenai dengan Perkhidmatan Kesihatan di Luar Bandar.

Secara spesifiknya, saya ingin merujuk kepada perkhidmatan doktor udara. Saya telah difahamkan bahawa perkhidmatan ini kian dikurangkan dan banyak kali tidak mengikut jadual. Saya ingin bertanya kepada kementerian kenapa perkhidmatan ini kurang diberi perhatian. Masyarakat luar bandar kita yang tidak menikmati keselesaan hidup seperti kita harus diberi penumpuan oleh kementerian-kementerian yang boleh membantu mereka. Terutama sekali Kementerian Kesihatan yang mempunyai kemampuan untuk membantu mereka. Masyarakat terpencil ini yang terpinggir ini tidak mempunyai prasarana dan peruntukan kewangan seperti yang dinikmati oleh kita semua, maka sekurang-kurangnya mereka diberi perkhidmatan kesihatan yang lebih kerana mereka lebih memerlukannya. Mereka memerlukan sokongan dan bantuan untuk meneruskan generasi mereka.

Oleh itu, saya syorkan supaya pihak kementerian mengambil langkah-langkah berikut:-

- (i) Perkhidmatan doktor udara sekurang-kurangnya melawat kawasan-kawasan ini dalam dua minggu sekali.
- (ii) Melatih dua orang dalam satu kampung itu sekurang-kurangnya basic medical treatment ataupun first aid, dengan izin, pada kes-kes emergency atau yang mendesak. Saya cadangkan mereka di kalangan guru-guru atau ahli JKK mengikuti kursus ini.
- (iii) Mereka diberi alat komunikasi seperti ATUR di mana alat itu boleh digunakan untuk kes-kes mendesak.

Tuan Pengerusi, yang ketiga, saya ingin merujuk kepada Butiran B.34 yang secara menyeluruh berkait dengan emolument dan kekurangan doktor serta pegawai-

pegawai kesihatan. Secara spesifik saya menyentuh mengenai masalah kekurangan doktor terutamanya doktor pakar. Ada beberapa orang pesakit berjumpa dengan saya memohon bantuan kewangan untuk menjalankan pembedahan di sini, di KL. Mereka datang dari kampung dan tidak faham dengan keadaan ibu kota. Maka mereka terpaksa membawa isteri ataupun seorang ahli keluarga bersama. Maksudnya kita kekurangan kemudahan dan doktor pakar di Sabah untuk beberapa jenis penyakit.

Saya akui kita sudah berjaya untuk memberikan kemudahan seperti radio, radioterapi, kemoterapi dan untuk kini saya merekod penghargaan kepada kementerian. Saya fikir ada dua sebab utama kekurangan doktor pakar ini. Mereka adalah, dengan izin, under remunerated atau gaji mereka tidak sepadan dengan tanggungjawab dan tenaga tugas mereka.

Yang kedua, ialah penumpuan dalam sistem pendidikan kita. Pada masa kini, kita tertumpu kepada kursus-kursus seperti information technology (IT) dan teknologi-teknologi yang lain, yang kita fikir perlu atau berhubung kait dengan pembangunan ekonomi. Kita perlu penumpuan kepada sumber tenaga atau produktiviti manusia itu sendiri, yang saya fikir lebih penting dalam pembangunan ekonomi.

Oleh itu, saya cadangkan supaya kita ada satu universiti ataupun institusi yang hanya memberi kursus dan penyelidikan hanya berhubung kait dengan kesihatan dan pembangunan insan.

Saya cadangkan juga supaya kerajaan membeli Sabah Medical Centre (SMC) dan melengkapkan dengan segala kemudahan pakar dan akhir sekali saya cadangkan supaya skim dan skel doktor-doktor kakitangan kesihatan dikaji semula. Terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Batang Lupar.

12.42 tgh.

Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar [Batang Lupar]: Tuan Pengerusi, terima kasih, 12 kali saya berdiri daripada pukul 10.00 pagi tadi.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Berapa kali?

Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: 12 kali.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: 12 kali, betulkah?

Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: Daripada soalan sampai sekarang. Sepatutnya ada sistem reward duduk, yang rajin duduk dalam Parlimen, Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Teruskan, jangan buang masa Yang Berhormat.

Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: Tuan Pengerusi, terima kasih. Sepanjang saya kata terima kasih itu juga saya bercakap tadi. Kita mengucapkan syabas dan tahniah kepada Jabatan Kesihatan kerana mewujudkan sistem kesihatan yang terbaik, salah satu yang terbaik di dunia terutama sekali untuk child care, dengan izin.

Tetapi di bawah Butiran 01000 ini ingin saya menyarankan kepada kementerian supaya jangan melihat kebaikan perkhidmatan kesihatan ini daripada segi child care sahaja, mestilah dipandang juga daripada dd peoples care ataupun old peoples care juga mestilah diberi penumpuan kerana pada peringkat tualah banyak orang yang telah sakit, sakit tulang, sakit sendi, sakit otak, bermacam-macam sakit.

Jadi, sepatutnya bukan berseloroh, saya cakap ini sepatutnya diwujudkan satu sistem di mana orang tua apabila sampai umurnya 55 tahun itu diwajibkan ataupun dikehendaki berjumpa doktor untuk dicek darah tinggi, check jantung, dicek arthritis dan macam-macam lagi penyakit yang boleh dicekkan supaya orang tua itu mengetahui dia sendiri apa penyakit yang dihadapinya. Kerana kalau kepada orang yang mampu, kepada orang yang kaya, orang yang celek daripada segi kesihatannya, dia mungkin pergi berjumpa kepada doktor-doktor dan pakar-pakar dan kadang-kadang pakar-pakar ini adalah mahal dan susah hendak dijumpai. Kalau sistem ini diwujudkan, kemungkinan ini mendatangkan rahmat kepada yang tua-tua, pencen, pensioners daripada jabatan-jabatan kerajaan, orang daripada luar bandar mendapat rahmat daripadanya.

Yang kedua juga di bawah ini, Tuan Pengerusi, saya ingin menyebut persoalan berhubung dengan gaji dan syarat perkhidmatan doktor. Pada masa sekarang kita menghadapi masalah kekurangan doktor seluruh negara. Kita belum lagi mencapai tahap negara yang berpatutan iaitu pada masa sekarang kita mempunyai seorang doktor kepada 2,700 orang. Sepatutnya kita boleh mencapai kepada tahap sekurang-kurangnya 1,000 untuk satu orang doktor, baru kita boleh mengatakan kita sudah dapat mencapai tahap yang memuaskan. Sebab-sebabnya ini ialah oleh kerana

kekurangan pengeluaran doktor daripada universiti-universiti yang tertentu di negara kita ini dan kekurangan doktor yang masuk ke negara ini untuk berkhidmat dan kekurangan pihak doktor yang dilatih di luar negara untuk balik – rakyat Malaysia ini balik ke negara ini sendiri untuk berkhidmat dengan negara ini. Sebab-sebabnya ialah pokok pangkalnya ialah syarat perkhidmatan dan gaji yang tidak mencukupi dan tidak lumayan. Jadi, banyak orang yang pergi ke luar negara, apabila lulus dia enggan balik ke negara oleh kerana syarat-syarat yang tidak memuaskan.

Jadi, saya berharap pihak kerajaan melihat dengan secara serius perkara ini, perkara supaya doktor ini diberi gaji yang lebih lumayan lagi melihatkan tugas dan tanggungjawab mereka. Saya kenal dari segi peribadi doktor ini, kadang-kadang dia berkhidmat, satu hari dia berkhidmat 24 jam, lepas itu dikatakan rehat. Tuan Pengerusi, bukan rehat sebenarnya, dia berkhidmat terus kadang-kadang sampai pukul 11.00 pagi untuk penyerahan tugas untuk doktor yang mengambil alih tugasnya. Lepas itu dia on-call lagi dalam masa yang berehat ini. Lepas besok hari baru dia berkhidmat secara office hours. Jadi, circle pekerjaan dia itu memang berterusan.

Jadi, saya berharap pihak kerajaan melihat perkara ini dengan khusus dan sebelum kita mencapai tahap mana kita boleh mengeluarkan doktor kita sendiri di negara ini, saya menyarankan agar doktor-doktor daripada negeri-negeri jiran, umpamanya di Indonesia, kita nilaikan mereka ini. Kalau mereka boleh memenuhi syarat-syarat kepiawaian yang kita tetapkan untuk berkhidmat di negara ini, kita ambilkan mereka dari Indonesia terutamanya supaya tidak ada masalah perhubungan, percakapan dan sebagainya. Kalau kita ambil dari India, Bangladesh dan negara Pakistan umpamanya, masalah perhubungan dengan orang kampung, masalah sedikit. Dari Indonesia, kalau mereka boleh menjaga kesihatan mereka di Indonesia, saya percaya mereka juga boleh melihat kesihatan kita di negara ini. Jadi, kita bolehlah seberapa cepat supaya doktor-doktor ini boleh ditingkatkan tahap kebanyakan doktor berkhidmat dalam kerajaan di negara ini.

Di samping itu juga saya ingin menyebut dalam bidang yang sama Tuan Pengerusi, iaitu berhubung dengan pakar. Banyak pakar sekarang apabila doktor ini sudah berkhidmat beberapa tahun iaitu compulsory intensive, ataupun ‘housemanship’ telah tamat, doktor akan bertanya sama ada ia berkhidmat dengan kerajaan atau akan keluar daripada kerajaan. Kebanyakan daripada mereka ini

memilih jalan senang iaitu keluar daripada kerajaan dan membuat business mereka sendiri, oleh kerana gaji yang diberi tidak lumayan.

Status pakar juga, Tuan Pengerusi, ada kadang-kadang status pakar ini kita ini susah sangat hendak menyebut orang ini sebagai pakar. Sebenarnya walaupun sudah pakar orang ini daripada luar negara, dari Singapura, England, Australia, New Zealand tetapi apabila sampai ke sini penilaian mereka kadang-kadang makan masa setahun hendak menilai, sama ada menerima dia ini sebagai pakar ataupun tidak. Jadi, dalam masa yang sama kalau negara yang lain lebih cepat lagi menerima, cepat lagi menilai, dia akan mendapat perkhidmatan pakar ini. Jadi, pakar ini juga bila sudah diterima dalam perkhidmatan, syarat gaji, syarat perkhidmatan juga tidak mencukupi dan tidak memenuhi sebagaimana syarat-syarat negara lain. Kita berbangga dengan negara kita maju, kaya dan sebagainya tetapi ini mesti dilihat daripada segi dan sudut ini supaya kita tidak kehilangan.

Tuan Pengerusi, dengan seberapa cepat yang boleh dalam kawalan penyakit – 020300. Saya ingin bertanya dengan pihak kerajaan, pusat perkhidmatan ataupun Centre of Disease Control yang ingin kita tubuhkan di negara ini. Sejauh manakah sudah ditubuhkan, berapakah pakar telah kita ambilkan, adakah pakar daripada luar negara, daripada negara macam CDC Centre di Atlanta ataupun pakar dari Jepun ataupun Australia yang mahir dalam penyelidikan penyakit-penyakit ini supaya sudah menjadi anggota sini, kalau kita belum mencukupi orang-orang kita sendiri secara kontrak. Tuan Pengerusi, kalau kita lihat pada pagi semalam, saya terbaca surat khabar dari Sarawak mengatakan ada satu penyakit misteri yang berlaku di Sarawak yang melibatkan anak-anak kecil di bawah umur 5 tahun. Jadi, sekarang kata ini penyakit misteri. Jadi, sejauh manakah pihak kementerian sudah react dengan laporan-laporan sedemikian, sebelum masyarakat kita menjadi panik kerana takut berjangkit macam mana yang dikatakan dahulu penyakit coxsackie. Lepas itu sampai sekarang pun belum tahu sama ada ataupun ‘cox’ apa-apa pun.

Jadi, bila surat khabar telah membuat satu pendedahan ataupun sesiapa sahaja membuat satu laporan, pihak kementerian sepatutnya mengambil tindakan yang cepat dan membuat penyelidikan yang cepat dan memberi maklumat-maklumat tertentu kepada masyarakat supaya masyarakat tidak tertanya-tanya dan akhirnya akan panik melihat perkara-perkara ini berlaku di dalam masyarakat kita.

Tuan Pengerusi, saya ingin juga menyentuh perkara yang disebut oleh rakan-rakan tadi. Dalam persoalan kesihatan di luar bandar. Kita sekarang mengatakan prestasi kesihatan di negara kita ini adalah yang terbaik di dunia. Saya bersetuju, saya melihat data dan prestasi ini daripada segi dan pandangan di Amerika, Jepun, England, Canada dan Australia yang pernah saya bacakan literature berhubung dengan kesihatan ini. Saya mendapati memang kesihatan kita baik, murah dan berprestasi tinggi tetapi kalau kita lihat di luar bandar masih banyak perkara yang menyedihkan. Umpamanya tadi kawan-kawan menyebut daripada luar bandar ada orang yang mati atas stretcher, ada orang yang sakit terduduk macam itu sahaja atas meja tidak ada rawatan. Memang benar di kawasan saya banyak orang yang turun dari kampung hendak beranak, sampai beranak dalam bot, anak ini dilahirkan di dalam perahu kerana menunggu air pasang dan air surut. Jadi, diwujudkan kita doktor udara. Memang doktor udara juga membuat lawatan – sebulan sekali tetapi bolehkah kita berkata ‘ular jangan mematak, parang jangan mengetuk’ pada sebulan itu? – Tunggu doktor datang! Tidak boleh, perkara masih berlaku tiap-tiap masa dan bila-bila masa tanpa diketahui kita. Jadi, saya berharap cadangan saya dahulu kepada pihak kementerian ialah supaya mengenal pasti di dalam tempat di pedalaman, satu kelompok-kelompok perkampungan. Tidak payah lihat sangat garis panduan mengikut 800 orang baru ada satu klinik. Kita lihat dalam satu kelompok rumah panjang umpamanya, satu tempat yang saya sarankan iaitu di kawasan Lunying. Rumah lunying 300, rumah belimbing besi ada 400, ada ketimbang 200, rumah kesinduk 400, rumah kelait 450, kalau satu-satu memang tidak boleh...

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, masa untuk Yang Berhormat sudah cukup.

Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: Jadi, Tuan Pengerusi sentence saya sudah dekat habis, minta izin. Jadi, saya haraplah kita lihat satu grouping ini kita wujudkan satu klinik di tempat yang mana orang kawasan itu boleh berjalan kaki sejauh setengah jam, 20 minit ataupun 40 minit tetapi sekarang di tempat-tempat yang saya sebutkan tadi, sekurang-kurangnya satu air pasang ataupun dua jam berjalan kaki dan lepas itu naik bot besar setengah jam baru sampai ke klinik yang terdekat sekali.

Dengan saranan yang sedemikian, Tuan Pengerusi, saya meminta maaf kerana terlambat lebih satu minit dan terima kasih kerana memberi peluang saya bercakap

dan terima kasih kepada kementerian kerana mendengar dan harapan jawapan diberi selepas ini. Terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:Gelang Patah.

12.54 ptg.

Tuan Chang See Ten [Gelang Patah]: Terima kasih, Tuan Pengerusi. Saya ingin membahas Maksud Bekalan 34 Kementerian Kesihatan dalam Butiran 020000 Kesihatan Awam, 030000 Rawatan Perubatan.

Tuan Pengerusi, selain daripada usaha dalam mempertingkatkan perkhidmatan perubatan rawatan dengan mengadakan poliklinik dan hospital-hospital yang baru di negara kita ini, usaha yang lebih gigih perlu diadakan dalam perkhidmatan perubatan pencegahan kerana pencegahan adalah lebih baik daripada rawatan. Perbuatan pencegahan merangkumi program disease, control, immunization, dengan izin, peningkatan sanitasi alam sekeliling dan kesihatan, pendidikan kesihatan dan lain-lain.

Tuan Pengerusi, jika program perubatan pencegahan diabaikan, ia akan melibatkan lebih perbelanjaan untuk rawatan dan menyebabkan tambahan kes-kes penyakit berjangkit dan bukan penyakit berjangkit. Oleh yang demikian, strategi-strategi untuk mencegah penyakit dan mempertingkatkan tahap kesihatan rakyat jelata adalah sangat penting. Misalnya, dalam usaha mengurangkan kes-kes demam denggi berdarah, Kempen Antidenggi perlu dipertingkatkan melalui usaha Kempen Kebersihan dan Keindahan, Program Pendidikan Kesihatan, peningkatan penguatkuasaan undang-undang.

Tuan Pengerusi, untuk mengurangkan kes-kes penyakit yang bukan berjangkit seperti penyakit jantung, diabetes, penyakit AIDS, rakyat jelata perlu dididik melalui peningkatan Kempen Cara Hidup Sihat supaya dapat mengurangkan keperluan perbelanjaan yang besar dalam perubatan rawatan.

Tuan Pengerusi, saya ingin beralih kepada butiran kecil 020500 Kawalan Mutu Makanan. Tentang isu keselamatan makanan dan minuman. Pemeriksaan yang rapi atas makanan dan minuman adalah sangat penting untuk menjaga kesihatan rakyat. Laporan daripada Persatuan Pengguna Pulau Pinang (CAP) tentang kebanyakan buah-buahan dan sayuran import yang mengandungi bahan kimia berbahaya yang boleh memudaratkan kesihatan pengguna pada bulan Januari tahun ini telah mendapat perhatian dan tindakan Kementerian Kesihatan terutama Menteri

Kesihatan sendiri. Daripada 32,000 samples makanan yang diambil untuk tujuan analisa kimia pada tahun lalu, terdapat 1,529 samples buah-buahan dan sayur segar import yang dianalisis melanggar Peraturan Makanan 1985. Saya ingin tahu jenis kimia yang digunakan di buah-buahan dan sayur segar ini dan berapa kes pendakwaan telah dijalankan terhadap mereka yang bertanggungjawab. Kementerian Kesihatan, Kementerian Pertanian dan Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna perlu bekerjasama rapat untuk memastikan bahan-bahan makanan dalam negara kita ini selamat dimakan.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, boleh habis dalam satu minitkah?

Tuan Chang See Ten: Saya cuba. Satu jawatankuasa antara tiga kementerian perlu ditubuhkan dan pembahagian tugas mengikut kepakaran antara pegawai-pegawai daripada tiga kementerian itu akan dapat membantu menyelesaikan masalah ini secara lebih berkesan. Tuan Pengerusi, saya pun harap pihak kementerian mempertingkatkan kawalan mutu premis makanan di dalam negara kita ini supaya kita dapat mengelakkan orang ramai memakan makanan atau minuman yang diracuni oleh kuman-kuman seperti staphylococcus, oreus kerana yang terdapat dalam tempat luka, tangan foot handles, dengan izin, atau dicemari oleh 'ecolai' yang terdapat dalam najis oleh kerana pengendali makanan yang tidak sempurna oleh penyelenggara makanan. Saya harap premis-premis makanan seperti di restoran, kedai makan, perlu sentiasa diperiksa dengan pemeriksaan yang berjadual supaya dapat memastikan ruang tempat makan, premis makanan bersih dan premis di bahagian dapur, bahagian tandas pun dalam keadaan bersih dan sempurna supaya kita dapat mempertingkatkan mutu kesihatan dan kebersihan premis-premis makanan dalam negara kita ini untuk menjaga kesihatan orang ramai. Jika boleh....

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat banyak lagikah?

Tuan Chang See Ten: Sedikit. Jika boleh...

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Laju sedikit.

Tuan Chang See Ten:....mendidik orang ramai jangan kunjung premis makanan yang kotor dan jika dapati premis makanan yang kotor, pihak pegawai dari Kementerian Kesihatan dengan kerjasama daripada pihak berkuasa tempatan adalah, jika boleh, ambil tindakan tegas, berikan arahan menutup premis makanan dalam tempoh satu minggu atau dua minggu, memastikan peniaga premis makanan itu tutup

premis itu dan selepas itu periksa semula, jika didapati adalah mengikut tahap kebersihan dan kesihatan yang diakui oleh pihak Kementerian Kesihatan dan pihak berkuasa tempatan baru benarkan mereka buka balik semula dan ini adalah seruan saya kepada pihak Kementerian Kesihatan.

Sekian, terima kasih Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Selangau, Yang Berhormat boleh sambung petang ini, petang ini ya.

[Majlis Mesyuarat bersidang semula]

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Ahli-ahli Yang Berhormat Dewan ditangguhkan sekarang sehingga jam 2.30 petang ini.

Mesyuarat ditempohkan pada pukul 1.00 tengah hari.

Mesyuarat disambung semula pada pukul 2.30 petang.

[Majlis bersidang dalam Jawatankuasa]

[Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng] *mempengerusikan Jawatankuasa*]

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:Yang Berhormat Selangau, sila ambil bahagian.

2.31 ptg.

Tuan Joseph Mauh anak Ikeh: Terima kasih kepada Tuan Pengerusi kerana memberi saya peluang untuk membahaskan Maksud P.34 – Kementerian Kesihatan di bawah Butiran 00201 – Perkhidmatan Kesihatan Luar Bandar dan Butiran 00400 – Hospital-hospital, luar bandar. Saya ingin menyentuh dua perkara dengan sekali gus berkenaan dengan butiran tersebut.

Untuk makluman Dewan yang mulia ini, kawasan Parlimen saya, Selangau dekat sebesar dengan negeri Pahang dan keadaan kemudahan awam seperti pusat perubatan memang berkurangan sekali. Inilah sebab yang menyukarkan penduduk di tempat itu terutamanya penduduk di luar bandar di Sarawak untuk mendapat rawatan atau perubatan lebih-lebih lagi musim masa kecemasan. Walaupun demikian, dengan kesempatan ini saya mengucapkan banyak terima kasih kepada kerajaan kerana telah membina dua buah klinik baru di kawasan saya iaitu Klinik Desa Sungai Tipus, Ulu Belingian di daerah Mukah dan Klinik Desa Ulu Data Kakus di daerah Tatau. Walau bagaimanapun, masih banyak lagi tempat-tempat di kawasan saya di mana saya fikirkan patut dibina pusat perubatan seperti tempat di Ulu Data Kakus iaitu di Badang dalam daerah Tatau.

Tempat ini ialah tempat terjauh sekali dalam kawasan saya. Jika saya menggunakan bot kecil untuk melawat ke kawasan itu, ia akan mengambil lebih kurang 3 atau 4 hari. Jika saya menggunakan perkhidmatan helikopter – itu cuma masa pilihan raya saja, tidak kurang daripada 1 jam 20 minit, sampai ke tempat itu. Di situ ada sebuah sekolah rendah dan penduduknya dari berbilang kaum, Orang Ulu, yang dikatakan orang Badang, lebih kurang 1500 orang. Di tempat itu tidak ada pusat perubatan, mereka hanya ada perkhidmatan doktor udara tetapi saya difahamkan '*flying service doctor*, dengan izin, hanya datang ke tempat itu satu kali dalam satu bulan. Memanglah ini tidak cukup. Tetapi kita tidak dapat buat lebih dari itu kerana kos menggunakan perkhidmatan doktor udara ini sangat mahal. Jadi, mereka telah membuat permohonan kepada Pengarah Perubatan Negeri Sarawak untuk membina sebuah klinik di tempat itu. Soalan saya, adakah permohonan mereka ini telah diluluskan oleh kerajaan kerana mereka telah sanggup membuat rumah klinik itu secara gotong-royong dengan kewangan mereka sendiri. Hanya mereka memohon agar kerajaan meluluskan pegawai-pegawai perubatan atau bidan-bidan kampung ditempatkan atau ditugaskan di tempat itu.

Saya juga ingin menyentuh berkenaan dengan sebuah klinik iaitu Nanga Sangan, di kawasan saya Ulu Anap, daerah Tatau, tempoh hari pun saya ada ucapkan berkenaan dengan klinik itu masa di peringkat dasar tetapi tidak ada jawapan dari kementerian yang spesifik, di mana pegawai-pegawai hanya dua orang yang ditugas di klinik itu. Seorang pegawai perubatan dan seorang bidan. Memanglah tidak cukup jikalau pegawai itu mengambil cuti tidak ada penggantinya dan saya memohon kerajaan atau pihak kementerian sekurang-kurangnya memberi seorang pegawai, seorang penolong, dan begitu juga hendak ada satu bidan di sana sekurang-kurang dua orang supaya mengelakkan masalah tersebut.

Yang kedua, Tuan Pengerusi, saya hendak tanya, apakah kriteria atau syarat-syarat untuk menubuhkan sebuah klinik desa atau *mini clinic*, sama ada yang bergantung atau mengambil kira bilangan penduduk setempat atau mengambil kira lokasi atau tempat yang begitu jauh dari pusat perubatan. Oleh kerana negeri Sarawak, negeri yang terbesar, lebih kurang sebesar dengan Semenanjung Malaysia, saya rasa sudah tiba masanya pihak kementerian untuk mengambil kira iaitu lokasi tempat itu. Berapa jauhkah tempat itu dari pusat perubatan untuk kita membina

sebuah klinik sama ada klinik desa atau mini clinic. Sekurang-kurangnya seorang pegawai, sekurang-kurangnya seorang bidan ditugaskan di situ.

Walau tidak dapat dinafikan di Sarawak, banyak rumah panjang, lebih kurang 5000 buah rumah panjang dan kampung-kampung, mereka yang terpencil di pedalaman menggunakan perkhidmatan doktor udara tetapi saya bersetuju dengan Ahli Yang Berhormat bagi Batang Lupar, baru datang itu – yang kita tidak dapat mengirakan bilangan penduduk walaupun penduduk itu kecil, tidak ramai orang, saya rasa kerajaan untuk mengambil kira lokasi tempat itu untuk membina klinik.

Yang ketiga, Tuan Pengerusi, berkenaan dengan sebuah klinik di kawasan saya Selangau iaitu Klinik Desa Selangau. Oleh sebab memandangkan, penduduk telah bertambah dan ramai di kawasan saya, alat-alat tempat untuk mereka berubat di tempat itu misalnya katil untuk pesakit, ambulans dan *land-cruiser* tidak mencukupi. Tambah pula pegawai yang bertugas iaitu doktor di tempat itu yang *parti time*. Jadi, saya meminta atau memohon dari pihak kementerian, sekurang-kurangnya seorang doktor yang *permanent* atau *stationary* bekerja di tempat itu. Dan saya minta kalau dapat, Klinik Selangau itu dinaiktarafkan kepada hospital kerana saya telah dapati bahawa peruntukan untuk membina hospital-hospital luar bandar lebih kurang RM349,585 juta. Dengan peruntukan yang sebanyak demikian saya harap bukan sahaja klinik di Selangau dapat di naikkan, klinik-klinik desa di tempat-tempat, pekan-pekan kecil di seluruh negeri Sarawak.

Yang keempat, Tuan Pengerusi, banyak lagi tempat-tempat di kawasan saya di mana pusat perubatan, klinik desa patut dibina seperti Klinik Desa Nanga Arau Ulu Mukah, daerah Mukah. Yang kedua, Klinik Desa Nanga Pakuh, daerah Oyak, tempat ini memang jauh sekali. Klinik Desa Nanga Muput, Ulu Anap daerah Tatau, Klinik Desa Pengkalan Lubang, Sungai Bawan, Balingan, Mukah dan banyak tempat yang lain patut diambil perhatian oleh kerajaan.

Selain daripada itu, saya juga ingin bertanya juga kepada kementerian berkenaan dengan

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat sila gulung.

Tuan Joseph Mauh anak Ikeh: Saya gulung. Berkenaan dengan penguat kuasa untuk memeriksa ubat-ubatan yang dijual di kedai-kedai di luar bandar kerana saya dapati orang-orang kampung tidak tahu sama ada ubat ini '*out of death already*' atau tarikhnya sudah tidak sesuai lagi, mereka memang tidak tahu.

Kalau dapat pihak Kementerian Kesihatan untuk membuat seminar bagi orang kampung-kampung di rumah panjang untuk menerangkan apa ubat, yang ada *steroid* dalamnya kah , atau bahan sampingan dan sebagainya yang tidak dapat dimakan oleh orang-orang kampung tetapi mereka ini tidak tahu.

Jadi, oleh sebab masa tidak mengizinkan memang saya banyak kalau bercakap tentang kesihatan luar bandar memang banyak 2, 3 jam pun tidak cukup. Tetapi sebab

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Masa akan datang, Yang Berhormat boleh berucap lagi.

Tuan Joseph Mauh anak Ikeh: Tuan Pengerusi, saya ucapkan. Sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Serdang.

14.40

Dato' Yap Pian Hon [Serdang]: Terima kasih, Tuan Pengerusi. Maksud 34, Butiran 030000 – Rawatan Perubatan. Tuan Pengerusi, orang ramai rasa bimbang terhadap kedatangan pendatang asing membawa risiko tinggi kepada kesihatan negara. Walaupun pihak kementerian telah wujud satu mekanisma, pengawasan dan penyeliaan, pemeriksaan perubatan pekerja-pekerja asing tetapi oleh kerana laporan daripada Kementerian Dalam Negeri di mana seramai 700,000 yang sah, pekerja asing yang sedang bekerja di negara kita ini dan juga beribu-ribu pekerja asing tanpa izin di merata tempat di negara kita, maka masalah ini telah menimbulkan risiko penyakit merbahaya akan menjangkit kepada masyarakat tempatan.

Dengan demikian, yang begitu ramai pekerja asing secara sah atau tidak sah maka dari mana pihak kementerian untuk memeriksa perubatan, kalau sekali sudah, berapa lama lagi akan memeriksa semula terhadap pekerja-pekerja asing itu supaya untuk mengesahkan pekerja-pekerja asing tidak ada sebarang penyakit berlaku dalam tempoh di negara kita ini. Saya minta penjelasan dari pihak kementerian, sama ada hanya sekali sahaja pemeriksaan perubatan, lepas itu terus sampai permit tempoh habis, atau apa caranya untuk menjalankan pemeriksaan semula perubatan kepada pekerja-pekerja asing. Dan juga cara mana untuk mencegah pekerja asing tanpa izin yang di merata tempat di negara kita ini. Mereka mungkin tidak ada pemeriksaan perubatan, jadi jangkitan mungkin merebak ke kawasan-kawasan tempatan tersebut, maka apa langkah yang diambil oleh kementerian untuk mencegah keadaan yang

tidak dapat dikawal dan juga apa langkah terhadap majikan-majikan yang enggan menghantar pekerja-pekerja asing untuk pemeriksaan perubatan. Apa langkah atau apa tindakan terhadap majikan yang demikian itu supaya untuk menjamin kesihatan negara tidak terancam.

Tuan Pengerusi, satu perkara yang penting ialah laporan yang saya dapati bahawa di dalam tahun 1999, pendatang asing yang bersalin di dalam hospital kerajaan itu dengan adanya 56.88%, ertinya pendatang asing yang melahir anaknya lebih tinggi daripada orang tempatan di hospital kerajaan. Memang tidak diambil kira dalam hospital-hospital swasta di mana warganegara kita yang bersalin di hospital swasta tetapi kerana ikut angka yang terdapat begitu ramai pendatang asing yang bersalin di hospital kerajaan, 56.88%, lebih tinggi daripada orang tempatan. Memang tidak mengambil kira dalam hospital swasta di mana warganegara kita yang mungkin bersalin di hospital swasta tetapi oleh kerana ikut angka yang didapati begitu ramai pendatang asing yang bersalin di hospital kerajaan, 56.88% lebih tinggi daripada orang tempatan.

Satu lagi pekerja-pekerja asing yang masuk hospital, 32.76% dan pesakit luar (out patient) 18.45%. Dengan angka-angka yang begitu serius yang dihadapi oleh kerajaan saya mintalah oleh kerana kerajaan telah membuat satu keputusan bahawa menetapkan caj kelas pertama bagi warga asing yang menggunakan perkhidmatan perubatan kerajaan tetapi saya difahamkan bahawa kebanyakan caj tidak dibayar dan terus membebankan kerajaan.

Jadi, apa langkah akan diambil oleh pihak kementerian untuk tuntutan balik wang yang telah dikenakan bayaran itu? Mungkin melalui majikan atau melalui apa saluran yang penting kerana kalau tidak dapat satu langkah untuk menuntut balik wang yang perlu dicajkan, maka akan membebankan kepada kerajaan dan juga akan terjejaslah hasil yang ditentukan oleh kerajaan kepada pendatang-pendatang asing.

Tuan Pengerusi, Butiran 040000 – Urusan Khidmat Sokongan Teknikal dan Profesional. Saya akan mengambil berat terhadap kejadian kes pihak pengamal doktor perubatan tanpa pengiktirafan dari Majlis Perubatan Malaysia atau menyamar sebagai doktor. Kes telah berlaku walaupun bukan serius, laporan diberi kepada saya katakan satu kes pada tahun 1998, tiga kes tahun lalu, walaupun kejadian yang dikatakan bilangan kecil tetapi akan jadikan masalah kepada negara kita kalau tindakan tidak diambil.

Tuan Pengerusi, saya bantangkan perkara ini kerana saya mendapati beberapa kes telah dicaj kepada mahkamah terhadap doktor yang tidak disahkan oleh Majlis Perubatan Malaysia atau menyamar sebagai doktor dan juga ada setengahnya menggunakan mesin tekanan darah atau *stethoscope* sebagai doktor untuk mengesahkan apa pe nyakit, sama ada ini adalah langkah dan syarat-syarat yang telah ditetapkan oleh kerajaan atau pihak Kementerian Kesihatan. Kalau doktor ini tidak disyak, mungkin yang menyamar sebagai doktor itu melanggar syarat ini apa tindakan akan diambil terhadap doktor-doktor yang disyak itu atau mungkin orang awam yang menyamar sebagai doktor kerana ini akan menjejaskan kepercayaan, kesihatan orang ramai kerana akan jejaskan kesihatan orang ramai kalau beri ubat yang tidak tepat, maka akan jadikan rosak atau ada satu kes telah dijadikan mangsa kepada itu.

Jadi, adakah pihak kerajaan atau pihak kementerian akan meminda Akta Perubatan 1971 untuk mengetatkan lagi terhadap tindakan atau tingkah laku yang dimainkan oleh sebahagian orang yang tidak disahkan daripada Majlis Perubatan Malaysia ini dan juga untuk mencegah orang awam menyamar sebagai doktor untuk menjejaskan imej profesional ini.

Akhirnya, Tuan Pengerusi, saya bagi pihak lapisan rakyat di kawasan Serdang ucapkan terima kasih kepada pihak kerajaan dan juga pihak Kementerian Kesihatan telah meluluskan dan membina sebuah hospital di Serdang dan akan memberi perkhidmatan perubatan, teknologi tinggi sebagai hospital elektronik untuk kawasan Serdang termasuklah Puchong, Balakong dan Sungai Chua. Inilah satu langkah yang wajar dan akan memberi satu perkhidmatan akan lebih baik lagi. *[Disampuk]* Selayang belum lagi, Serdang dahulu.

Tuan Pengerusi, maka itu saya sekali lagi ucapkan terima kasih kepada pihak kementerian dan juga walau apa pun wujudnya Hospital Serdang

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, masa sudah cukup.

Dato' Yap Pian Hon:akan datang tetapi saya harap juga pihak kementerian bertanggungjawab untuk memberi layanan perubatan lebih lagi kepada kawasan kampung-kampung seperti di kawasan Serdang. Sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Seputeh.

2.50 ptg.

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: Terima kasih, Tuan Pengerusi. Saya ingin membincangkan isu penswastan dan pengkorporatan hospital. Walaupun adalah agak susah bagi saya untuk membincangkan isu ini kerana hospital kerajaan dibahagikan kepada hospital di bawah Kementerian Pendidikan dan Kementerian Kesihatan, tetapi saya ingin membincangkan masalah hospital di kedua-dua kementerian sekali gus.

Saya ingin merujuk kepada B.34 Butiran 00301 – Kemudahan Kesihatan. 00302 – Pelan Induk dan Membangun Semula Hospital dan 00400 – Hospital-hospital. Sebelum Pilihan Raya Umum tahun lepas Yang Berhormat Menteri Kesihatan mengumumkan bahawa kerajaan akan membatalkan projek penswastan hospital-hospital kerajaan. Pengumuman ini mendapat sambutan yang baik kerana rakyat memang menolak Dasar Penswastan yang amat membebankan mereka terutamanya golongan yang berpendapatan rendah.

Walaupun bagaimanapun, walaupun hospital kita tidak diswastakan secara keseluruhan tetapi penswastan dari segi lima perkhidmatan sokongan iaitu pembersihan, laundry, buangan bahan klinikal, pengendalian peralatan biochemical, biomedical dan pembekalan kuasa kecemasan pun menunjukkan keinginan kerajaan untuk menswastakan hospital secara bahagian demi bahagian dengan menggunakan nama yang lebih sedap iaitu pengkorporatan.

Saya diberitahu bahawa penswastan perkhidmatan di Hospital Universiti telah pun mengakibatkan peningkatan kos pengurusan sebanyak 3.5 kali ganda iaitu 250% yang mana akan ditanggung oleh pesakit selepasnya. Selain itu kontrak penswastan perkhidmatan tersebut diberi kepada beberapa syarikat kroni pemerintah tanpa melalui proses penawaran tender yang sewajar.

Di antara syarikat-syarikat ini termasuklah Faber Berhad, sebuah anak syarikat kumpulan Renong dan Tongkah Holdings yang dikawal oleh Mokhzani Mahathir. Saya diberitahu dalam satu seminar awam yang dihadiri oleh ahli-ahli EPU, Pengarah Hospital Universiti menyenaraikan tender penswastan perkhidmatan yang diberi kepada syarikat-syarikat kepunyaan kroni pemerintah.

Saya ingin bertanya Yang Berhormat Timbalan Menteri Kesihatan adakah benar bahawa Kementerian Kesihatan memberi satu kontrak perkhidmatan sokongan yang bernilai RM100 juta kepada Faber Berhad, di mana syarikat itu kemudian subkontrak kepada Propel Johnson yang juga subsidiary Renong dengan harga RM65

juta. Ini bererti bahawa Faber telah mengaut keuntungan bersih sebanyak RM35 juta dengan senang sahaja.

Selain itu satu lagi kontrak perkhidmatan sokongan yang bernilai sebanyak RM60 juta yang diberi kepada Kementerian Kesihatan kepada Faber juga adalah disubkontrak kepada Propel Johnson dengan harga sebanyak RM40 juta. Propel Johnson seterusnya mensubkontrakkan kontrak yang sama kepada satu syarikat yang lain dengan RM25 juta, dengan itu RM35 juta pun disalur keluar dan dikebas oleh syarikat kroni tersebut.

Polisi pengkorporatan yang diamalkan di Hospital Universiti sebenarnya tidak kos efektif. Saya difahamkan bahawa terdapatnya peningkatan sebanyak 250% dalam kos perkhidmatan pembersihan berikutnya. Dalam bulan Mac tahun ini, Hospital Universiti telah meningkatkan hampir 100% bayaran bagi prosedur-prosedur klinikal penting bagi penyelamatan nyawa berbanding dengan bayaran asal. Misalnya:

- ECG dahulunya RM20; sekarang ialah RM40;
- Exercise ECG dahulunya ialah RM120; sekarang ialah RM240;
- Endoeogram dahulunya ialah RM600 dan sekarang ialah RM1,300; dan
- Emergency Heart Pacing Wire dahulunya adalah percuma tetapi sekarang dikenakan bayaran RM700.

Bayaran yang begitu tinggi ini pun menafikan peluang pesakit untuk menikmati kemudahan perubatan kerana mereka tidak mampu menanggung bayarannya. Ini merupakan satu tindakan dan polisi yang tidak beretika.

Sekarang pesakit yang dikenal pasti menghadapi masalah kewangan dirujuk kepada Bahagian Kebajikan tetapi ramai pesakit merasa malu untuk melalui proses ini. Penafian perkhidmatan perubatan kepada golongan yang berpendapatan rendah yang tidak mampu menikmati perkhidmatan ini merupakan satu masalah yang kian meruncing. Ini adalah tidak sehaluan dengan objektif mewujudkan masyarakat penyayang yang digariskan dalam Wawasan 2020.

Selain itu saya juga diberitahu tentang masalah yang dihadapi oleh penswastan buangan bahan klinikal di mana setengah pekerja syarikat swasta membuang bahan klinikal di tempat yang tidak sesuai sehingga penagih dadah berpeluang untuk menggunakan jarum suntikan yang dbuang oleh hospital untuk menyuntikkan dadah ke dalam badan mereka. Perbuatan ini adalah bahaya kerana ia

akan meninggikan peluang penyebaran penyakit AIDS di kalangan penagih dadah tersebut.

Pada masa kini hanya sebanyak 3.5% daripada Keluaran Negara Kasar negara diperuntukkan untuk perkhidmatan kesihatan. Negeri Britain yang digelar sebagai *Stingy Man of Europe* memperuntukkan 75 daripada KNKnya untuk tujuan ini dan negara yang miskin seperti India malah mampu memperuntukkan 6% daripada KNK untuk perkhidmatan kesihatan. Kenapakah kerajaan kita begitu kedekut dari segi peruntukan untuk bidang kesihatan. Bukankah nyawa dan kesihatan manusia lebih penting daripada pembangunan yang lain seperti membina bangunan yang mewah di Putrajaya dan juga Menara Berkembar.

Bukankah lebih baik sekiranya perbelanjaan yang dibayar untuk perkhidmatan sokongan hospital tersebut disalurkan kepada peningkatan gaji kakitangan perkhidmatan kesihatan dan perubatan supaya mengurangkan *brain drain* profesional perubatan daripada sektor kerajaan ke sektor swasta. Dari segi gaji adalah diketahui umum bahawa para doktor dan staf sokongan perubatan dalam hospital kerajaan menerima gaji yang tidak setimpal dengan tanggungjawab berat yang dipikul oleh mereka.

Sebenarnya peningkatan sebanyak 20% hingga 30% dalam sistem gaji mereka adalah kenaikan yang munasabah dan pertambahan gaji ini tidak akan membebankan kerajaan. Amerika Syarikat kini membelanjakan 15% daripada KNK untuk perkhidmatan kesihatan. Peruntukan yang begitu tinggi ini adalah akibat daripada komersialisasi perkhidmatan kesihatannya. Ini adalah apa yang perlu diperhatikan oleh kerajaan supaya tidak mengulangi silap langkah kerajaan Amerika Syarikat.

Dalam contoh Hospital Universiti, pakej pengkorporatan yang diumumkan pada tahun 1997 menjanjikan peningkatan hampir 100% dalam gaji para kakitangan akademik perubatan di Hospital Universiti melalui peningkatan yang mendadak dalam elaun klinikal. Tambahan pula mereka dibenarkan mengadakan tiga sesi untuk mengadakan kerja rawatan persendirian ataupun private works, dengan izin, sebagai tambahan kepada pendapatan yang sudah meningkat berlipat ganda.

Walau bagaimanapun, pengkajian semula struktur gaji di Hospital Universiti ini mewujudkan perbezaan di antara gaji mereka dengan doktor yang berkhidmat di bawah Kementerian Kesihatan yang hanya mendapat peningkatan sebanyak 17% daripada gaji asal. Dengan itu doktor di bawah naungan Kementerian Kesihatan pun

merasa mereka dilayan sebagai warganegara kelas kedua oleh kerajaan. Ini akan menimbulkan cemburu dan suasana tidak puas hati di antara doktor dan staf sokongan di antara kedua-dua kementerian tersebut.

Kementerian Kesihatan dan Kementerian Pendidikan seharusnya mengadakan rundingan mengenai pengajian.....

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat Seputeh, banyak lagi?

Puan Teresa Kok Suh Sim: Dua minit lagi.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Satu minit dibenarkan.

Puan Teresa Kok Suh Sim: Satu setengah minit. *[Ketawa]* Mengadakan rundingan mengenai pengkajian semula struktur gaji kakitangan perubatan supaya suatu sistem gaji yang adil dan seragam dapat dikeluarkan.

Pada masa kini kerja-kerja pembaikan wad-wad Hospital Universiti sedang dijalankan tetapi pembinaan di wad-wad awam seperti Intensive Care Unit dan Cardiac Unit dilambatkan, manakala kerja pembinaan wad swasta dibina secara tergesa-gesa supaya doktor di Hospital Universiti dapat memulakan kerja-kerja private secepat mungkin. Keadaan ini menggambarkan pihak Hospital Universiti terpesong dari segi penentuan prioritinya.

Selepas klinik dan wad persendirian ini dibina di Hospital Universiti ia pun akan meruncingkan masalah kekurangan jururawat di hospital tersebut. Akhirnya, pesakit-pesakit di wad bukan persendirian terpaksa menanggung akibat daripada kekurangan jururawat. Adalah dijangka bahawa lebih banyak tumpuan akan diberi kepada pesakit-pesakit wad persendirian kerana lebih banyak insentif kewangan dijanjikan daripada wad ini.

Polisi perkhidmatan kesihatan ini menyebabkan pewujudan perkhidmatan kesihatan yang menyerupai serampang dua mata di mana pesakit yang berpendapatan sederhana ataupun tinggi mendapat layanan perkhidmatan yang lebih baik. Saya ingin tanya adakah Hospital Universiti dijadikan sebagai genetik bagi komersialisasi sektor perkhidmatan perubatan keseluruhannya. Adakah Hospital Universiti akan juga dijadikan sebagai contoh kepada hospital awam yang lain di mana penswastaan yang digunakan sebagai dengan nama pengkorporatan perkhidmatan kesihatan akan dilakukan secara beransur-ansur. Sekian, terima kasih.

Datuk Dr. Haji Yusof bin Haji Yacob: *[Bangun]*

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Timbalan Menteri akan menjawab selepas ucapan Ahli Yang Berhormat bagi Sipitang. Jadi, Ahli Yang Berhormat, sila.

3.00 ptg.

Datuk Dr. Haji Yusof bin Haji Yacob [Sipitang]: Terima kasih, Datuk Pengerusi. Saya ingin mengambil bahagian di bawah B.34 Kementerian Kesihatan Butiran 010000 Pengurusan iaitu di bawah 010400 Perancangan Tenaga Manusia dan Latihan.

Tuan Pengerusi, negara kita masih lagi kekurangan tenaga profesional. Sering mendapat rungutan daripada pengguna-pengguna di hospital bahawa masa untuk rawatan doktor pakar khususnya adalah begitu terhad dan mereka ini terpaksa menunggu dalam masa yang lama untuk mendapatkan rawatan doktor pakar. Begitu juga dengan hospital-hospital masih banyak jawatan-jawatan yang kosong yang tidak dapat diisi. Saya ingin minta penjelasan daripada kementerian Yang Berhormat Timbalan Menteri apakah kedudukan doktor pakar kita di negara ini. Setakat ini daripada jawatan hari inilah, berapakah jawatan ini yang masih belum diisi. Begitu juga dengan doktor-doktor perubatan, berapakah lagi jawatan yang masih kosong dan belum diisi. Untuk ini apakah rancangan kerajaan untuk menyelesaikan masalah ini.

Di negara kita sekarang sudah banyak sekolah perubatan swasta dan kalau kita lihat mereka telah pun mengeluarkan graduan-graduan perubatan ini. Apakah sumbangan IPTS ini apabila mereka ada graduan ataupun sudah ada mengeluarkan doktor, apakah sumbangan doktor-doktor daripada IPTS ini kepada negara. Apakah mereka ini juga dimestikan bekerja dengan kerajaan dalam tempoh-tempoh tertentu supaya mengurangkan beban kerajaan. Bagi warganegara Malaysia ataupun warga negara asing yang menuntut di negara ini jikalau mereka diberi syarat apa tidaknya kalau setelah graduate ataupun setelah tamat, mereka juga perlu menyumbang sekian, sekian tahun kepada negara kita. Jadi kekurangan doktor dan juga doktor pakar ini dapat diselesaikan.

Pada masa ini juga banyak hospital-hospital masih lagi kekurangan jururawat-jururawat iaitu kategori U6, U7 dan U8. Begitu juga dengan pembantu-pembantu perubatan U6, U7 dan U8. Jadi mereka inilah merupakan tenaga sokongan. Ya, apakah juga kedudukan tenaga sokongan ini dalam unjuran dalam masa lima tahun akan datang ini. Apakah kita sudah bersedia untuk menerima untuk cukup tenaga ini

untuk menyokong sistem perubatan kita yang semakin canggih dan semakin berkembang ini. Saya minta penjelasan daripada Timbalan Menteri.

Bagi kawasan saya ini, orang kampung minta sampaikan kepada Timbalan Menteri, di Sipitang kita ada sebuah hospital iaitu Hospital Nukleus yang agak besar dan kita tahu bahawa perlu ada ramai tenaga sokongan seperti jururawat, pembantu perubatan, dan juga penolong jururawat ataupun jururawat masyarakat ini. Saya mohon kepada kementerian supaya mengkaji kedudukan Hospital Nukleus di Sipitang ini di kawasan saya iaitu Sipitang ini unik, bersempadan dengan Sarawak, berjiran dengan Wilayah Persekutuan Labuan, bersempadan dengan Kalimantan dan di Selatan Pantai Barat Negeri Sabah. Saya ingin cadangkan kepada kementerian supaya mengkaji hospital ini dan apa tidak bolehkah hospital ini kita gunakan sebagai hospital mengajar ataupun teaching hospital untuk jururawat sekurang-kurangnya ataupun pembantu perubatan. Jadi bolehlah juga menggunakan sepenuhnya ruang di hospital itu. Jadi tidak payah membuat sekolah latihan yang baru, kita gunakan sebahagian daripada ruang hospital itu untuk tenaga perubatan.

Tuan Pengerusi, yang akhir lagi iaitu mengenai dengan sistem makmal iaitu di bawah Butiran 032100. Sekarang ini perkhidmatan makmal di hospital, pesakit-pesakit juga membayar charge ataupun pemeriksaan makmal ini dan saya sendiri bila ke hospital untuk memeriksa darah, profil jantung dan kolesterol terpaksa berbaris sebegitu lama untuk diperiksa. Jadi kalau boleh pemeriksaan-pemeriksaan tertentu kerajaan boleh mengiktiraf makmal-makmal tertentu supaya pesakit-pesakit ini yang diperlukan pemeriksaan makmal ini mereka pergi ke makmal swasta untuk mengambil pemeriksaan dan keputusan mereka bawa saja berjumpa dengan doktor di hospital, jadi mengurangkan kesesakan di hospital dan ini juga boleh mengurangkan beban yang ada di hospital. Jadi ertinya pesakit itu membayar sendiri di makmal-makmal swasta ini yang diiktiraf oleh kerajaan supaya memudahkan mereka tidak payah menunggu lama. Jadi dengan itu, Tuan Pengerusi, saya mohon menyokong. Terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Sila Yang Berhormat Timbalan Menteri.

3.07 ptg.

Timbalan Menteri Kesihatan [Datuk Seri Drs. Suleiman bin Mohamed]: Tuan Pengerusi, saya suka mengucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang

Berhormat bagi Mambong, Lumut, Baling, Nibong Tebal, Penampang, Batang Lupar, Gelang Patah, Selangau, Serdang, Seputeh dan Sipitang yang telah mengambil bahagian memberi pandangan, teguran dan semua pandangan dan teguran ini adalah baik belaka dan akan jadi perhatian bagi Kementerian Kesihatan.

Ahli Parlimen Mambong telah mendakwa terdapat adanya peningkatan kes-kes HIV, demam Denggi dan Hepatitis dan bertanya mengenai strategi kementerian, cara bagaimana mengawal virus tersebut merebak di alam sekitar.

Untuk pengetahuan Yang Berhormat, Kementerian Kesihatan mempunyai strategi dan pelan tindakan kawalan bagi setiap penyakit berjangkit di negara ini. Terdapat bantuan 'klogorasi' daripada pakar-pakar antarabangsa. Apabila dalam keadaan tertentu terdapat atau tampak penyakit ini meningkat.

Mengenai kawalan penyakit TB pula, memang ada tanda meningkat di seluruh dunia dan juga di negara ini. Kementerian telah pun melaksanakan strategi tertentu bagi menangani masalah ini dan berkaitan dengan penyaringan pendatang asing, satu program melalui Fomema telah pun dijalankan supaya dapat memantau penyakit tersebut.

Mengenai Yellow Fever dan Fleck yang disebut oleh Ahli Yang Berhormat Mambong, suka saya nyatakan bahawa kementerian memang dari masa ke semasa melaksanakan monitoring supaya penyakit Fleck dan Yellow Fever ini akan dapat di kawal malah semua pengembara daripada negara Amdemick bagi kedua-kedua pesakit ini iaitu negeri-negeri tertentu di Afrika dan Amerika Selatan, kita wajibkan mereka mengambil pelalian bagi kawalan Yellow Fever sebelum mereka masuk ke negara ini dan pernah satu ketika seorang menteri tidak dibenarkan masuk kerana tidak ada, tidak mengambil pelalian pengawalan terhadap Yellow Fever dan Fleck.

Tuan Pengerusi, suka saya nyatakan bahawa Kementerian Kesihatan sedang meneliti atas permintaan Yang Berhormat bagi Mambong agar dua klinik di Kampung Luit dan 'Pratni' dapat dipertimbangkan untuk Rancangan Malaysia Kelapan. Insha -Allah, apabila keadaan kewangan mengizinkan, tentulah permintaan ini dapat kita tunaikan.

Yang Berhormat bagi Mambong juga telah meminta bagaimana kita mengawal mutu makanan yang dikatakan menjadi hazard dalam segi kesihatan. Strategi kita adalah latihan kepada pengendali makanan di semua premises sama ada penjaja menjalankan secara konsisten. Pemeriksaan juga dilakukan terhadap premis

secara berkala tentulah premis yang kotor akan dikenakan tindakan oleh Inspektor Kesihatan dan akan diperintah supaya ditutup. Kita ada grading A,B,C,D yang dipamer dan dengan cara begitu kita dapat mengawal kesihatan dan mutu makanan.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat Timbalan Menteri, Pokok Sena bangun.

Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar: Terima kasih Tuan Pengerusi, sebab tadi disebut oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri tentang masalah untuk mengawal mutu makanan disebut akhir tadi. Saya ingin bertanya tentang permasalahan mutu makanan, apa tindakan dan langkah yang telah diambil oleh pihak Kementerian Kesihatan untuk menguatkuasa suatu Akta Pemakanan atau Permakanan 1983, kalau tidak silap ingatan saya terhadap satu kes kejadian pada tahun yang lalu lebih kurang dalam bulan Mei 1999, berlaku di Universiti Putra Malaysia di Kolej Tun Dr. Ismail sempena Minggu Suaikenal ataupun Minggu Orientasi sebelum itu dikenali. Bila berlaku kes keracunan makanan yang saya difahamkan ia membabitkan sejenis bahan kandungan dalam minuman yang mengandungi monosodium 'glucomide' yang menyebabkan antara 15-20 orang yang sebahagian besarnya pelajar-pelajar yang baru mula mendaftar masuk dan mereka dibawa ke minggu suaikenal yang telah mengalami muntah ataupun dalam konteks keracunan makanan. Ini yang berlaku, jadi. saya hendak tahu apa tindakan yang telah diambil terhadap pengusaha kantin tersebut di Kolej Tun Dr. Ismail di mana..., saya hendak sebut di sini, pengusaha kantin tersebut ialah di bawah Desasiswa Catering. Desasiswa Catering adalah anak syarikat kepada Dewina Food Sdn Bhd yang dipunyai oleh anak kepada Timbalan Perdana Menteri yang mendapat kontrak kantin di semua kolej siswa di UPM yang saya difahamkan konsesi yang diperolehi oleh Desasiswa Catering di bawah ini, sebanyak 15 tahun. Dan saya bimbang bahawa jika tidak ada pemantauan tindakan yang diambil oleh pihak Kementerian Kesihatan terhadap kecuaihan pihak kantin untuk memastikan dari sudut mutu makanan, saya bimbang dalam tempoh 15 tahun itu kes-kes ini akan berulang. Saya minta penjelasan.

Datuk Seri Drs. Suleiman bin Mohamed: Tuan Pengerusi, mutu kawalan makanan ini dibuat di seluruh negara termasuk sama ada penjaja ataupun di bawah kuasa-kuasa tempatan termasuk Dewan Bandaraya Kuala Lumpur dan Kementerian Kesihatan. Kita tidak pernah memilih kaku mana-mana syarikat atau operator melanggar peraturan ini, premis yang tidak bersih yang boleh membawa wabak

penyakit, tindakan akan diambil termasuk kes yang disebut oleh Yang Berhormat tadi, tindakan akan diambil jika berlaku desas-desus yang demikian. Sama ada anak pembesar atau tidak, itu tidak menjadi perhitungan. Kalau salah tetap salah.

Saya sambung Tuan Pengerusi. Ahli Yang Berhormat bagi Mambong juga telah menyebut tentang bilangan kes demam denggi yang nampak tinggi pada tahun 1998 yang menyebabkan dan hendak bertanya penyebab terhadap perkara tersebut. Saya suka nyatakan bahawa tapak pembinaan banyak wujud tapak-tapak pembinaan di kawasan Bandau dan pada tahun 1998 daripada 32,871 tapak binaan yang diperiksa didapati 2,647 atau 8% mempunyai pembiakan aedes.

Pada tahun 1998 terdapat 33,382 buah kilang yang telah diperiksakan oleh kementerian ini dan didapati 1,471 atau 4.4% mempunyai pembiakan aedes. Tempat pembiakan aedes yang lain termasuklah kawasan projek perumahan terbengkalai yang diperiksa, didapati 204 buah projek perumahan terbengkalai daripada 4,199 mempunyai pembiakan aedes dan pembuangan sampah pula, 672 daripada 6,854 dan tanah lapang juga, iaitu menjadi penyebab terhadap pembiakan aedes ini. Kementerian telah pun mengambil tindakan walaupun kita telah menjalankan pemeriksaan dan pengawalan dan tindakan-tindakan telah kita ambil terhadap mereka yang bertanggungjawab sama ada tuan punya tanah, tuan punya kilang ataupun pemaju tapak perumahan yang terbengkalai ini.

Ahli Yang Berhormat bagi Lumut telah menyatakan bahawa terdapat 10,000 pelancong dalam sesuatu masa di Pulau Pangkor dan penduduk di sana ada 25,000 dan sangat memerlukan sama ada doktor pakar ataupun pegawai perubatan, sentiasa apabila berlaku kecemasan, pesakit dibawa ke Hospital Sri Manjung. Suka saya nyatakan bahawa kementerian memang mengambil perhatian serius berkaitan dengan ini, apatah lagi dalam usaha kerajaan untuk mempromosi pelancongan. Dua jawatan pegawai perubatan telah diwujudkan, malangnya ke kementerian masih kekurangan untuk mengisi jawatan tersebut dan kita akan berusaha untuk menempatkan seorang pegawai perubatan di Pulau Pangkor dan sementara itu sebagai backup, pesakit masih dikehendaki untuk merujuk kepada Hospital Sri Manjung di Lumut.

Soal caj warga asing juga dibangkitkan oleh Yang Berhormat bagi Lumut dan juga Serdang dan Ahli-ahli Yang Berhormat yang lain. Kerajaan memerintahkan supaya adanya Perintah Fees Perubatan (Pindaan) 1994 yang dikuat kuasa mulai 13 Januari 1994, mengenakan caj perubatan kepada warga asing dua kali ganda daripada

warganegara bagi caj wad dan rawatan pesakit luar. Manakala caj rawatan atau siasatan adalah atas kadar kelas satu. Memang kadangkala berlaku seperti yang disebut oleh Yang Berhormat menteri mereka kadangkala tidak membayar dan hilang begitu sahaja.

Yang Berhormat bagi Lumut juga membangkitkan soal kekurangan juru x-ray kerajaan di klinik, sukalah saya sebut bahawa memang kita menghadapi kekurangan juru x-ray di seluruh negara. Ini kerana kita terpaksa merancang untuk mendapatkan juru x-ray di seluruh negara tetapi tahap kelulusan atau qualification adalah SPM dengan empat kredit dan oleh kerana itu mereka lebih suka melanjutkan pelajaran di institut pengajian tinggi daripada membuat permohonan sebagai juru x-ray. Saya mintalah Ahli-ahli Yang Berhormat dapat membantu menggalakkan anak-anak di kawasan Parlimen Yang Berhormat semuanya supaya kekosongan ini dapat kita penuhi untuk kita atasi masalah yang sedang kita hadapi berkaitan dengan juru x-ray yang sangat berkurangan di negara ini.

Yang Berhormat bagi Lumut juga telah membangkitkan soal denggi dan nyamuk seperti yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat bagi Mambong dan khusus untuk Lumut fogging atau semburan dijalankan dan kerajaan negeri saya rasa sudah dapat berkurangan.

Ahli Yang Berhormat bagi Baling pula menyentuh soal kekurangan mesin hemodialisis terutama sekali di Baling dan beberapa daerah. Saya ingin mengatakan bahawa di bawah projek-projek pembangunan Kementerian Kesihatan kita sedang membina dan menyediakan kemudahan fizikal bagi menempatkan mesin-mesin hemodialisis di enam buah hospital iaitu setiap hospital tujuh buah mesin hemodialisis dan daerah-daerahnya enam buah ini adalah Tanjong Malim, Perak; Hospital Tanah Merah, Kelantan; Hospital Dungun, Terengganu; Hospital Beaufort, Sabah; Hospital Sri Aman, Sarawak; dan Hospital Banting Selangor. Projek ini dijangka siap pada penghujung tahun ini.

Ahli Yang Berhormat bagi Baling juga menyentuh soal peruntukan tahun 1999 ada RM420 juta sedangkan pada tahun 2000 menurun RM390 juta sahaja. Saya suka menjawab bahawa sebenarnya amaun yang dibelanjakan dalam tahun 1999 untuk aktiviti 030200 Pengurusan Hospital adalah sebanyak RM324.5 juta. Dalam tahun 2000 peruntukan untuk meningkatkan aktiviti ini ditambah sebanyak RM73 juta

kepada RM397.3 juta. Maka pada keseluruhannya peruntukan untuk program perubatan 030000 bertambah RM300 juta dari RM1.6 bilion kepada RM1.9 bilion.

Yang Berhormat bagi Baling juga menegur soal kekurangan doktor pakar perubatan di hospital. Memang kita akui bahawa terdapat juga kekurangan doktor pakar di sana sini. Namun usaha menambah bilangan pakar perubatan dibuat secara terus menerus bagi seluruh atau bagi pelbagai disiplin perubatan. Bagi sesi pengajian 1999-2000 seramai 325 pegawai perubatan telah mengikuti kursus peringkat sarjana di universiti-universiti tempatan dan kita harap kursus ini akan bersambungan dan ini akan merupakan asas yang boleh menambah doktor pakar di negara ini.

Yang Berhormat bagi Baling juga telah meminta ditambahkan bilangan hospital yang lengkap dan moden seperti Selayang di daerah-daerah dan meminta supaya tidak ada satu perbuatan yang membeza-bezakan antara penduduk bandar dan luar bandar dan saya suka memberi jaminanlah bahawa kita tidak pernah hendak mengadakan satu perbezaan kemudahan perkhidmatan perubatan kepada mereka yang tinggal di bandar dan mereka yang tinggal di luar bandar. Kementerian telah merancang pembinaan 30 buah hospital di seluruh negara di dalam Rancangan Malaysia Ke-7 yang sebahagiannya akan siap dalam Rancangan Malaysia Ke-8, kerajaan telah mengenal pasti lapan buah hospital yang moden iaitu paperless, antaranya hospital yang terdapat sekarang di Selayang, Hospital Pandan, Hospital Sungai Petani, Hospital Alor Setar, Hospital Putrajaya, Hospital Serdang dan Hospital Temerloh.

Hospital Temerloh ini, Tuan Pengerusi, kerajaan telah membuat komitmen untuk melaksanakan pembangunan Hospital Temerloh ini dengan

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Sri Gading bangun.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Terima kasih Yang Berhormat Tuan Pengerusi, dan terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri Kesihatan. Memangnya tidak menjadi dasar kerajaan membezakan kemudahan kesihatan ini, luar bandar dan bandar. Saya ingin hendak mencadangkan supaya apa yang kita perkatakan itu dapat dirasakan oleh rakyat. Dalam Rancangan Malaysia Ke-8 yang akan dirancang pada tahun depan dan seterusnya, saya harap Kementerian Kesihatan membina hospital ini bukan sahaja lokasinya di dalam bandar, itu yang menyebabkan orang kampung kata kesihatan ini ditumpukan ke bandar kerana orang kampung yang

ada masalah tentang kesihatan dia kena turun ke bandar. Maknanya orang luar bandar ke bandar, itu yang orang nampak pandang orang luar bandar diketepikan tentang menikmati kesihatan walaupun bukan itu matlamat dan tujuan kerajaan.

Saya hendak mencadangkan supaya Kementerian Kesihatan melihat pula ke pekan-pekan yang berpotensi yang hari ini telah pun mempunyai Pusat Kesihatan Besar dinaikkan taraf terus ke hospital walaupun bertaraf hospital cawangan yang mempunyai kemudahan dari segi kepakaran doktor dan juga peralatan yang moden yang sesuai dengan peredaran dan kehendak semasa. Itu saya harap dapat dititikberatkan kerana apabila kita tengok hendak buat hospital, bandar sahaja. Jadi, orang bandar ini segala-galanya bandar.

Jadi, sedangkan kesihatan ini harus juga diberikan lebih luas kepada orang luar bandar yang kita tahu taraf ilmu kesihatannya dan taraf kesihatannya agak lebih rendah. Jadi, kalau itu sasarannya, sudah tentu hospital ini lebih sesuai di luar bandar. Dalam hal ini, saya suka hendak menarik perhatian Kementerian Kesihatan,.....
[Disampuk] Ini pertanyaan, bukan perucapan.

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Minta penjelasan ya.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Saya ringkaskan, Tuan Pengerusi, ya.

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya, ya.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Timbalan Menteri Kesihatan ini bagus, slow begitu, jadi saya biar sikit, jangan mengantuklah Dewan ini. Pusat bidan luar bandar, Klinik Desa, Pusat Kesihatan Kecil di bandar daripada tahun 1970, Allahyarham Tun Abdul Razak melancarkan Buku Merah sampai la ini. Itulah dia. Kadang-kadang bercat pun tidak. Sayu kita tengok, tidak ada semangat. Lepas itu, seorang jururawat daripada anak dara sampailah sudah bercucu, di situlah juga, Allah, hai! *[Ketawa]* Jadi, nampak sangatlah ketinggalan pusat-pusat bidan, klinik dan juga pusat-pusat kesihatan kecil di luar bandar yang tidak diberikan perhatian yang seimbang. Jadi, saya hendak mencadangkan kepada Yang Berhormat Dato' supaya dalam Rancangan Malaysia Kelapan, jadi ada tak rancangan-rancangan hendak mengubah cara lebih ketara dan berkesan tentang memberikan perkhidmatan kesihatan kepada penduduk luar bandar yang kebanyakannya, Dato', mengundi Barisan Nasional, tidak mengundi pembangkang. Terima kasih.

Datuk Seri Drs. Suleiman bin Mohamed: Tuan Pengerusi, saya ucapkan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat yang telah membuat cadangan tersebut.

Kita menerima hakikat bahawa perkembangan perbandaran sudah begitu merebak di negara ini dan oleh kerana itu, hampir semua luar bandar sudah hendak menjadi bandar dan oleh kerana itu menjadi tuntutan supaya kita mengubah konsep. Kementerian Kesihatan menerima cadangan Yang Berhormat dan sesungguhnya memang sudah ada pelaksanaan untuk menukar klinik-klinik termasuk klinik bidan di desa menjadi poliklinik.

Pelaksanaan ini akan dibuat pada Rancangan Malaysia Kelapan terutama peningkatan atau *upgrading* pusat-pusat kesihatan yang saya sebut tadi di seluruh negara. Mudah-mudahan kita akan dapat mencapai hasrat kementerian ini terutama dengan lebih banyak pakar ataupun lebih banyak pegawai perubatan yang nantinya akan kita bawa daripada luar negara khususnya dari Indonesia.

Yang Berhormat bagi Nibong Tebal menyebut supaya caj dialisis sama yang telah saya nyatakan tadi dapat dikawal di hospital-hospital swasta. Sukalah saya nyatakan bahawa di bawah Akta Kemudahan dan Perkhidmatan Jagaan Kesihatan Swasta 1998, satu mekanisme telah diwujudkan untuk mengawal bayaran hospital swasta melalui penyediaan Jadual F1 di mana ianya perlu dipatuhi oleh hospital swasta. Beberapa kajian sedang dijalankan yang berkemungkinan boleh membantu untuk menggubal Jadual F1 yang lebih berpatutan dan perkara ini memerlukan masa kerana kajian masih sedang dijalankan.

Yang Berhormat bagi Nibong Tebal juga meminta pemindahan organ buah pinggang. Satu kempen kesedaran perlu dilakukan, sukalah saya sebut bahawa program pemindahan buah pinggang dan lain-lain organ sedang giat dilaksanakan dengan pembentukan Jawatankuasa Penyelarasan Transplant semenjak tahun 1998 dan ini termasuk program pendidikan orang awam untuk meningkatkan kesedaran mereka terhadap pendermaan organ iaitu *Tissue and Organ Procurement Team* di 16 buah hospital untuk meningkatkan pendermaan organ di kalangan pesakit-pesakit *brain dead* dan menyelaras langkah-langkah bagi pengambilan organ-organ tersebut.

Yang Berhormat bagi Penampang mencadangkan dibina sebuah hospital komuniti dan Hospital Penampang di Sabah. Untuk makluman Yang Berhormat, hospital-hospital kerajaan sekarang adalah juga hospital komuniti seperti Yang Berhormat sebut "*hospitable*" dan cadangan diwujudkan hospital komuniti secara kursus adalah tidak perlu. Tiada cadangan dalam Rancangan Malaysia Ketujuh untuk Hospital Penampang kerana Pusat Kesihatan Penampang hari ini dianggap mampu

memberikan perkhidmatan di kawasan tersebut. Kes-kes sentiasa dirujuk di Hospital Elizabeth yang tidak berapa jauh daripada Penampang dan pertimbangan akan kita buat dalam Rancangan Malaysia Kelapan untuk permohonan ini.

Ahli Yang Berhormat bagi Penampang juga menyebut soal kekurangan pegawai perubatan terutama pakar di Sabah dan mencadangkan supaya adanya satu skim skala gaji dan skim bagi pegawai perubatan supaya dikaji semula. Kita hari ini mengalami kekurangan pegawai perubatan termasuk pakar-pakar terutama di hospital dan klinik kesihatan kerajaan. Jika dibandingkan pendapatan di antara pegawai perubatan dan pakar di sektor awam dan swasta, tentulah jauh bezanya. Kerajaan menyedari hakikat ini dan kita tidak mampu menyamakan pendapatan yang diperolehi oleh pegawai perubatan swasta kepada pegawai perubatan awam.

Walau bagaimanapun, Kementerian Kesihatan telah mengemukakan cadangan mengkaji semula skim dan skala gaji pegawai perubatan. Sekarang ini selain daripada gaji pokok, pegawai perubatan juga diberi beberapa elaun seperti elaun klinikal, perumahan, *on call allowances* dan elaun-elaun kepakaran. Insya -Allah, cadangan ini akan dibawa untuk dikaji oleh kerajaan.

Mengenai perkhidmatan doktor udara di Sabah, pada masa ini sebanyak 41 kampung di kawasan terpencil Sabah mendapat perkhidmatan doktor udara. Lawatan di kampung dilakukan sekali sebulan melalui 19 pusat pendaratan helikopter dan tahun 1998, 29 buah kampung tidak lagi mendapat perkhidmatan doktor udara atas sebab berikut:

- (i) dihentikan perkhidmatan doktor udara kerana 19 buah kampung boleh dilawati melalui klinik bergerak dari klinik kesihatan yang berdekatan;
- (ii) enam buah lagi pula sudah dihubungi dengan jalan raya; dan
- (iii) empat buah kampung dalam kawasan operasi klinik desa dan oleh kerana itu tidaklah memerlukan perkhidmatan kesihatan udara.

Yang Berhormat bagi Batang Lupar membangkitkan isu kekurangan pegawai perubatan secara keseluruhan. Ini telah saya jawab bahawa memang kita menghadapi kekurangan pegawai perubatan dan usaha sedang dibuat oleh kementerian ini supaya menambah dan recruitment akan kita buat daripada luar negara.

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya, ada yang minta penjelasan, Yang Berhormat.

Puan Fong Po Kuan: Yang Berhormat Timbalan Menteri, saya ingin mencadangkan bahawa langkah untuk recruitment doktor dari luar, sebelum langkah itu diambil haruslah dipertimbangkan kepada pelajar-pelajar yang mencapai keputusan yang baik dalam STPM bila permohonan mereka untuk masuk ke Fakulti Perubatan di universiti tempatan dipertimbangkan terlebih dahulu, kerana pada tahun 1999 keputusan STPM, ada pelajar yang mendapat 5A tetapi telah dinafikan tempat dalam bidang perubatan. Saya berharap kementerian boleh berbincang dengan Kementerian Pendidikan agar boleh menyelesaikan masalah kekurangan pegawai perubatan dalam segi ini. Sekarang ini permohonan untuk memasuki universiti tempatan selepas keputusan STPM dikeluarkan. Ini adalah peluang amat baik untuk jangka masa panjang agar kita tidak mengambil doktor dari luar.

Saya memang menerima aduan bahawa wujud doktor-doktor dari luar negeri diambil. Ada yang mengadu kepada saya bahawa mereka lebih gemar dirawat oleh doktor negara sendiri daripada doktor di luar. Mengapa kementerian tidak memberi keutamaan kepada doktor di dalam negeri terlebih dahulu dengan mempertimbangkan pelajar yang baik. Jadi, saya berharap boleh dibangkitkan masalah ini dengan Kementerian Pendidikan. Sekian, terima kasih.

Datuk Seri Drs. Suleiman bin Mohamed: Penyediaan untuk melahirkan pegawai perubatan kita memang ada. Kementerian Pendidikan menggalakkan beberapa kolej perubatan diwujudkan dan ini juga langkah supaya kita dapat menambah pegawai-pegawai perubatan atau doktor di negara ini. Dalam pada itu kita tidak mencukupi dalam saat ini dan kita tidak ada jalan lain sementara kita menunggu dari tahun ke tahun penambahan mahasiswa yang mengikuti perubatan, kita terpaksa mengambil doktor daripada luar.

Selain daripada itu, kita tahu bahawa local doctor s, dengan izin, dia tidak mahu bekerja di pedalaman atau di kampung-kampung. Ini pun jadi masalah besar. Kalau kita ambil doktor daripada luar dengan beberapa syarat yang kita kenakan sementara kita produce our own doctor, kita boleh tempatkan mereka di luar. Bukan tidak ada usaha sama sekali dan Kementerian Pendidikan pun tidak boleh menetapkan semua student boleh mengambil...student yang ada qualification yang sesuai untuk mendapat masuk Fakulti Perubatan juga tidak boleh sepenuhnya masuk ke sana. Dia

kena juga ambil bidang lain termasuk farmasi, biochemistry dan lain-lain supaya dapat kita mengimbangi benda itu.

Yang Berhormat bagi Batang Lupar menyebut soal pusat penyakit berjangkit. Sukalah saya menyatakan bahawa kementerian sedang giat untuk membentuk pembentukan pusat ini dengan bantuan kepakaran dan nasihat dari Pertubuhan Kesihatan Sedunia (World Health Association). Beberapa jawatan tertentu telah dapat diluluskan untuk pusat ini dan pakar-pakar tertentu telah pun dikenal pasti untuk melaksanakan aktiviti-aktiviti di bawah pusat ini termasuk pemantauan makmal, gerak cepat (intelligent), unit 'zonnosis' dan aktiviti-aktiviti lain yang bersesuaian.

Yang Berhormat bagi Selangau telah meminta klinik-klinik desa baru dalam kawasan Selangau dapat didirikan dan selain daripada itu menaikkan taraf Pusat Kesihatan Selangau kepada hospital daerah. Kerajaan, untuk makluman Yang Berhormat, memang prihatin terhadap kemudahan kesihatan di luar bandar khususnya di Sarawak, yang kita tahu bahawa ke luasan kemudahan-kemudahan infrastrukturnya menghambat pesakit dan ini menjadi penekanan supaya kita melihat terutama di kawasan Yang Berhormat yang hampir sebesar Pahang. Dalam Rancangan Malaysia Kelapan ciri pembinaan klinik desa termasuk bilangan penduduk tahun 2000 akan insya-Allah, kita pertimbangkan untuk dibina apabila penduduk....., kriteria kita bagi ciri pembinaan hospital - bilangan penduduk 50,000 orang, kita akan cuba untuk membina bagi setiap daerah, jumlah katil bagi sebuah hospital iaitu dua katil bagi 1,000 orang penduduk. Dalam kes ini kementerian sedia menimbang untuk menaikkan taraf klinik desa di Selangau kepada sebuah klinik kesihatan yang boleh menempatkan sekurang-kurangnya seorang doktor.

Yang Berhormat bagi Serdang juga telah membahaskan soal pekerja asing yang membawa penyakit berjangkit termasuk HIV dan pemeriksaan yang dibuat. Pada awalnya saya telah pun menjawab isu ini bahawa kerajaan memang memandang serius terhadap pekerja asing dan kita memantau menerusi Fomema untuk menentukan mereka terlepas atau zero daripada penyakit-penyakit yang boleh membiak.

Ahli Yang Berhormat juga menyebut soal caj hospital warga asing.....

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Serdang berdiri, Yang Berhormat.

Dato' Yap Pian Hon: Tuan Pengerusi, minta penjelasan dari Yang Berhormat. Walaupun ada wujudnya badan untuk pemeriksaan perubatan untuk pekerja asing, hanya sekali sahaja, dengan permit dua tahun atau tiga tahun, hanya sekali sahaja untuk pemeriksaan perubatan atau ada caranya untuk menentukan, lepas itu ada penyakit akan datang, sama ada bersedia lagi atau tidak pentingnya untuk mencegah penyakit itu.

Datuk Seri Drs. Suleiman bin Mohamed: Tidak begitu Yang Berhormat. Mereka diperiksa, kemudian apabila dia hendak panjangkan visa, dia perlu diperiksakan semula. ini bererti sama ada setahun sekali atau dua tahun sekali.

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Selangau berdiri.

Tuan Joseph Mauh anak Ikeh: Terima kasih, Tuan Pengerusi. Terima kasih kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri. Kepada jawapan soalan saya tadi berkenaan dengan klinik desa di Selangau akan dinaikkan taraf ke klinik daerah atau hospital daerah, jadi saya minta penjelasan dari Yang Berhormat Dato' berkenaan dengan permohonan yang saya kemukakan tadi iaitu berkenaan dengan permohonan di kawasan Badang, Ulu Kapus di mana jumlah penduduk mereka lebih kurang 1,500 orang dan mereka telah membuat permohonan kepada Pengarah Kesihatan Negeri Sarawak untuk menubuhkan klinik desa di tempat tersebut kerana tempat itu sangat jauh dari pusat kesihatan. Jadi, setakat ini belum ada jawapan. Jadi, saya minta penjelasan dari pihak kementerian jika boleh.

Datuk Seri Drs. Suleiman bin Mohamed: Saya sangat memahami hasrat Yang Berhormat. Saya bagi jaminan bahawa saya sendiri akan mengambil perhatian permohonan tersebut kerana telah lama diminta oleh penduduk. Yang Berhormat bagi Seputeh telah menyatakan soal tidak setimpalnya pegawai perubatan dengan tugas mereka. Saya telah menjawab tadi.

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Serdang berdiri lagi, Yang Berhormat.

Dato' Yap Pian Hon: Satu penjelasan. Yang Berhormat Timbalan Menteri, saya pernah...tentang tadi itu, adakah pihak kementerian akan meminta Akta Perubatan 1971 untuk memperkuat lagi untuk menghadapi jenayah orang awam yang menyamar sebagai doktor, ada yang berlaku demikian, walaupun kes kecil tetapi akan berlaku lagi kalau tidak ada satu undang-undang yang mencegah lagi. Adakah akan meminda akta itu untuk mencegah penyamaran doktor yang berlaku.

Datuk Seri Drs. Suleiman bin Mohamed: Di bawah Seksyen 33(2)(b) Akta Perubatan 1971 mereka kena daftar dengan Majlis Perubatan Malaysia. Menjadi kesalahan kalau mereka berdaftar dan kesalahan ini boleh membawa hukuman denda RM2,000 atau dua kali – RM5,000 dan boleh dipenjara dua tahun atau kedua-duanya. Oleh kerana itu, saya kira Akta Perubatan 1971 tidak payah dipinda kerana seksyen-seksyen berkenaan di dalam akta tersebut sangatlah kuat untuk menghukum mereka yang menyamar sebagai doktor.

Ahli Yang Berhormat bagi Seputeh telah soal saya setimpal atau tidak gaji pegawai perubatan. Kita telah bahas tadi, saya telah menyatakan bahawa perbandingan antara swasta dengan kerajaan tentulah ada perbezaannya. Satu, mereka yang ingin berkhidmat kepada kerajaan dan satu mereka yang mencari 'the grass is greener outside', barangkali ada yang lebih cenderung untuk melihat pendapatan. Jadi, oleh kerana itu kita cuba hendak buat pindaan soal gaji, insya-Allah mudah-mudahan mereka dapat perubahan.

Yang Berhormat juga menyentuh soal Universiti Hospital mengadakan wad persendirian, dengan adanya wad persendirian, pegawai perubatan dan pakar pembedahan mendapat pendapatan yang lebih. Sukalah saya menyatakan bahawa ini di luar bidang kuasa kementerian ini dan Kementerian Pendidikan boleh melayani jika Yang Berhormat menghantar apa yang disebut soal Hospital Universiti.

Berkaitan dengan pembuangan sisa-sisa klinikal di merata tempat dan penswastan lima perkhidmatan sokongan hospital. Saya suka menyatakan bahawa perkhidmatan sokongan hospital telah diswastakan secara very competitive. Kerajaan telah menawarkan tender pada 26 Julai 1993 dan sejumlah 31 tender telah diterima. Tender tersebut telah dinilai dan tiga syarikat telah dipilih iaitu Faber Mediserve Sdn. Bhd., Radicare (Malaysia) Sdn. Berhad dan Tongkah Medinvest Sdn. Berhad.

Dalam penswastan perkhidmatan sokongan hospital, pengurusan pembuangan sisa-sisa klinikal dilaksanakan mengikut peraturan-peraturan jabatan dan syarikat tersebut telah membina tiga loji incinerator untuk tujuan tersebut. Memang saya juga dapat laporan seperti Yang Berhormat nyatakan tadi, ada penagih dadah datang membongkar tong-tong sampah untuk mendapatkan jarum dan kita tidak nafikanlah Hospital Besar dalam kawasan saya, saya juga berkesempatan pergi berjalan melawat kawan-kawan, saya nampak juga benda ini.

Kita akan meneliti, saya berterima kasihlah kepada Ahli Yang Berhormat kerana prihatin terhadap perkara ini dan saya akui hari ini di Dewan yang mulia ini, betul apa Yang Berhormat katakan itu. Hospital Besar saya sebut dalam kawasan saya dan saya juga nampak, we will check on this, dengan izin. Terima kasih.

Berkaitan dengan kerajaan akan membatalkan penswastaan hospital kerajaan, tetapi penswastaan perkhidmatan sokongan dan kejuruteraan telah dibuat. Sukalah saya nyatakan bahawa kerajaan bertanggungjawab untuk memberi perkhidmatan yang murah dan berkualiti kepada penduduk yang berpendapatan rendah, menjadi tanggungjawab kitalah.

Soal tuduhan pemberian projek kepada kroni Perdana Menteri, itu tidak betullah, Yang Berhormat. Itu tidak benar kerana pemilihan kontraktor bagi perkhidmatan sokongan dan kejuruteraan dibuat oleh Unit Perancang Ekonomi dan Perbendaharaan Malaysia melalui proses pemilihan yang cukup teliti berdasarkan keupayaan syarikat-syarikat tersebut.

Puan Teresa Kok Suh Sim: Minta penjelasan.

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Seputeh berdiri, Yang Berhormat.

Puan Teresa Kok Suh Sim: Tuan Pengerusi, terima kasih. Mengenai pemberian kontrak kepada syarikat-syarikat kroni yang saya sebutkan tadi itu, sebenarnya ini adalah rungutan yang saya terima daripada kalangan doktor-doktor dan mereka juga tidak berpuas hati bahawa wang yang diperuntukkan oleh Kementerian Kesihatan kepada syarikat penswastaan ini di mana mereka menjual pula ataupun mensubkontrakkan perkhidmatan itu kepada syarikat lain, dengan proses itu mereka mendapat keuntungan Yang kes pertama saya bangkitkan itu mendapat keuntungan RM35 juta dan kedua-dua kes yang saya bangkitkan tadi itu, syarikat yang dihadiahkan dengan kerja penswastaan itu, mereka mengaut keuntungan dari segi mensubkontrakkan perkhidmatan itu. Itulah satu perkara yang mana membazirkan peruntukan daripada Kementerian Kesihatan yang juga wang cukai daripada rakyat. Ini adalah satu perkara yang saya ingat perlu diambil berat oleh Kementerian Kesihatan

Tadi mengenai gaji para doktor dan staf perkhidmatan perubatan itu, saya ingat ini memang telah menjadi satu rungutan di kalangan doktor dan jururawat di mana mereka rasa berkhidmat di hospital di bawah Kementerian Kesihatan adalah

rugi kepada mereka kerana mereka yang berkhidmat seperti Hospital Universiti, kalau selepas hospital itu dikorporatkan, jadi mereka akan mendapat kenaikan gaji sebanyak 100%, tambahan dengan wad persendirian yang saya sebutkan tadi itu.

Jadi, ini menjadi satu perasaan tidak puas hati dan cemburu di kalangan doktor yang berkhidmat di bawah Kementerian Kesihatan dan juga Pendidikan. Saya rasa ini adalah keadaan yang harus dibetulkan. Saya memang akui adalah agak sukar untuk membahaskan tentang peruntukan kepada hospital kerana terdapat hospital di bawah dua kementerian yang berlainan dan mungkin terdapat polisi yang berlainan.

Saya juga ingin tahu, macam manakah Kementerian Kesihatan menyeragamkan atau menyelaraskan polisi-polisi di hospital di bawah Kementerian Pendidikan dan juga polisi di bawah Kementerian Kesihatan supaya ia akan menuju ke arah yang sama, sama ada penswastaaan ataupun pengkorporatan ataupun daripada segi yang lain.

Datuk Seri Drs. Suleiman bin Mohamed: Tuan Pengerusi, Kementerian Pendidikan, Yang Berhormat pun maklumlah, ia ada Teaching Hospital dan ini tidak sepenuhnya ada sangkut dengan Kementerian Kesihatan, kita ada kita punya priority dan kita hanya jaga kepentingan kita dan Kementerian Pendidikan juga begitu terhadap sama ada Universiti Hospital Kebangsaan atau Universiti Hospital di Petaling Jaya.

Yang Berhormat bagi Sipitang meminta supaya Nukleas Hospital, Sipitang dijadikan Teaching Hospital bagi doktor dan jururawat dan kementerian akan mengambil perhatian terhadap cadangan ini dan mungkin boleh dilaksanakan dalam Rancangan Malaysia Kelapan. Kekurangan jururawat yang disebutkan oleh Ahli Yang Berhormat bagi Sipitang di klinik dan hospital kerajaan, buat masa terdapat 20,866 jururawat yang telah diwujudkan oleh kerajaan sehingga Oktober 1999 dalam tempoh lima tahun yang akan datang seramai 48,222 jawatan jururawat diperlukan oleh kerajaan dan kementerian akan mekatih bakal jururawat yang diperlukan.

Mengenai kedudukan pengisian Pegawai Perubatan yang disebutkan oleh Ahli Yang Berhormat bagi Sipitang, sukalah saya menyatakan bahawa grading iaitu jawatan Pegawai Perubatan sebanyak tujuh dan pengisian sebanyak 5,837 iaitu sebanyak 82.8% dan Pakar pula Gred 4.2 ke atas adalah sebanyak 924 dan pengisian adalah sebanyak 654 iaitu 70.8%. Jawatan Pgwai Pembantu Pentadbiran Gred 4.2 ke atas adalah sebanyak 405 dan pengisian adalah sebanyak 350 atau 86.4%.

Tuan Pengerusi, sekian sahaja.

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa wang sejumlah RM4,023,162,300 untuk Maksud B.34 di bawah Kementerian Kesihatan jadi sebahagian daripada Jadual hendaklah disetujui.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak RM4,023,162,300 untuk Maksud B.34 diperintahkan jadi sebahagian daripada Jadual.

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Masalahnya ialah bahawa perbelanjaan sebanyak RM908,153,000 untuk Maksud P.34 yang disebutkan dalam Anggaran Pembangunan 2000 hendaklah diluluskan.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak RM908,153,000 untuk Maksud P.34 diluluskan jadi sebahagian daripada Anggaran Pembangunan 2000.

**Maksud B.35 hingga B.41 [Jadual] –
Maksud P.35, P.36, P.37, P.39, P.40 [Anggaran Pembangunan 2000] –**

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Kepala Bekalan B.35 hingga B.41 dan Kepala Pembangunan P.35 hingga P.40 di bawah Kementerian Dalam Negeri terbuka untuk dibahas. Hulu Langat.

4.06 ptg.

Tuan Haji Badrul Hisham bin Abdul Aziz [Hulu Langat]: Tuan Pengerusi, terima kasih. Terlebih dahulu saya dalam menyertai perbincangan ini di bawah Kementerian Dalam Negeri, Maksud B.35 hingga B.41, saya ucapkan Selamat Hari Jadi dahulu kepada polis, hari yang ke-193 yang mereka sambut pada 25 Mac yang lalu.

Saya teruskan kepada bekalan untuk Jabatan Pertahanan Awam di bawah 030700 dan saya sekaligus dengan 030100 iaitu di bawah tajuk Pembelian Bahan Api yang mendapat peruntukan hanya RM110,000 untuk kesemua kenderaan JPA3 untuk senegara. Kalau kita bandingkan dengan 030100 di bawah tajuk Penyewaan Kereta Spanco/Minyak/Kelayakan Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam JPA3 – RM113,600, untuk dia seorang sebanyak itu memang patutlah, kereta hendak sewa,

minyak banyak. Tetapi yang untuk senegara ini, Jabatan Pertahanan Awam, Tuan Pengerusi, sebagai full colonel di dalam JPA3 maklum sangatlah.

Jadi, saya lihat dalam buku prestasi ini kereta yang diselenggara ada 85 buah untuk senegara. Jadi, RM110,000 kalau dibagi dengan 85 buah kereta setahun, kereta ini boleh isi minyak RM1,295 sahaja, atau sebulan RM107.50 kalau kita Ahli-ahli Dewan ini dua hari habislah RM107. Jadi, saya memohon lenterian memberikan peruntukan yang lebih besar, walaupun anggaran tahun ini diberikan RM10.425 juta iaitu kenaikan RM3.4 juta daripada tahun lepas, tetapi banyak lagi perbelanjaan yang diperlukan oleh JPA3 ini.

Umpamanya, 030300 – Tambahan Anggota Pasukan. Tahun ini disasarkan 3,000 orang tetapi peruntukan yang disediakan hanya untuk 1,500 orang dengan perbelanjaan RM439,000 sedangkan matlamat JPA3 ialah untuk mempunyai 10% daripada penduduk negara iaitu kalau 10% - 2.2 juta sedangkan hari ini anggota baru ada 350,000 orang Kalau kita hendak mencapai 2.2 juta dengan kadar pengambilan tahun ini 3,000 orang sahaja, kita memerlukan 733 tahun untuk mencapai 2.2 juta sedangkan buku belanjawan ini mensasarkan supaya matlamat 2.2 juta ini tercapai pada tahun 2005. Saya tidak nampak macam mana hendak dapat kalau kita cuma menambah 3,000 orang.

Sejak sekian lama JPA3 ditubuhkan kerana peruntukannya terlalu sedikit, baru ada 350,000 orang hingga hari ini. Saya berharap sangatlah anggota-anggota ini diberikan perhatian seperti juga dengan anggota-anggota polis dan tentera.

Walaupun kerajaan telah banyak kali menjelaskan civil service tidak akan dilaksanakan, tetapi civil defence ini (JPA3) ini adalah satu pilihan yang baik. Mereka telah pun ada, apa yang perlu hanyalah memperbesar peruntukan dan keanggotaan. Kita kalau buat civil service besar pula perbelanjaan lagi, besarkan sahaja yang sudah ada ini dengan menambah anggota, menambah peruntukan. Saya tengok peruntukan untuk pakaian, umpamanya, ada RM402,000 sahaja untuk keseluruhan anggota tahun ini – RM402,000 sedangkan sepasang uniform beserta dengan accessories berharga lebih kurang RM115. Jadi, kalau dengan peruntukan ini 3,500 orang sahaja yang akan dapat uniform tahun ini. Apa jadi dengan 350,000? Maknanya dia orang tidak tukar bajulah tahun ini, Tuan Pengerusi.

Seperkara lagi ialah mengenai 040000 Pembelian Keperluan Ibu Pejabat dan Pejabat-pejabat Negeri-negeri serta Cawangan-cawangan. Peruntukannya RM80,000

sahaja. Saya rasa RM80,000 repair satu pejabat pun habis. Kerana itulah cawangan-cawangan JPA3, unit-unit dalam keadaan yang menyedihkan, sedangkan anggota-anggota sukarela berkhidmat penuh dedikasi. Pejabat mereka tidak berapa terurus, elaun-elaun tidak dibayar dengan kadar yang baik. Umpamanya, kalau berpangkat Prebet hingga Kopral RM1.60 sejam dan Sarjan mendapat RM2.80 sejam. Kalau mereka bekerja 8 jam berapalah dia dapat, Tuan Pengerusi. Memanglah ini sukarelawan tetapi ada ketikanya perkhidmatan mereka itu lebih penting, maklumlah JPA3 ini kerjanya ialah menyelamatkan nyawa dan harta-benda yang meliputi kerja-kerja polis, tentera dan juga bomba dan penyelamat. Pihak lain ada tiga jabatan, JPA3 ini dia seorang buat tiga kerja. Jadi, patut benarlah kita memberikan peruntukan yang besar termasuklah memberikan walkie-talkie atau alat penghubung kepada pegawai-pegawai atau ketua-ketua unit, ketua-ketua cawangan dan anggota-anggota bertugas sepenuh masa.

Begitu juga dengan perkhidmatan talian 991 atau Nine-Nine-One yang peruntukan diadakan untuk perkhidmatan 991 sahaja. Perkhidmatan talian telefon di pejabat-pejabat cawangan, pejabat-pejabat unit bagaimana? Setahu saya unit tidak mendapat apa-apa seka rang ini. Umpamanya, kalau Unit Hulu Langat siapa menjadi ketua tanggunglah sendiri. Jadi, ini kalau ada orang mampu tanggung bolehlah, Tuan Pengerusi. Kalau tidak, kita amat berharap sangat kepada jabatan. Kita minta kepada JPA3 di ibu pejabat pun mereka kata tidak ada peruntukan, kita pun akur. Jadi, kerana itu kita minta kepada kementerian pada masa-masa hadapan atau tambahan Belanjawan nanti, tolonglah pandang-pandanglah JPA3 ini, khidmat mereka besar, jasa juga tidak kurang besarnya.

Dengan peruntukan yang terlalu kecil, kereta-kereta ronda, kereta-kereta penyelamat atau dalam JPA3 dipanggil Bravo dan Delta uzur juga. Umpamanya di Unit Hulu Langat itu satu kenderaan, nombornya WAL 65, kalau di kementerian kereta ini sudah dikira lupus kira, condemn, tidak boleh pakai lagi tetapi oleh kerana tidak ada kenderaan, tidak ada bravo, di Unit Hulu Langat itulah yang dipakai siang malam. Ada pernah satu ketika, hendak pergi menyelamatkan, kereta ini terpaksa panggil unit lain untuk menyelamatkan mereka kerana terlalu uzur tetapi anggota-anggota tetap bertugas dengan kereta yang lain termasuk kereta sendiri.

Seperkara mengenai peruntukan yang kecil juga, saya amat terperanjat melihat dalam Belanjawan ...

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Yang Berhormat dalam JPA3 sebagai apa?

Tuan Haji Badrul Hisham bin Abdul Aziz: Bawah sedikit daripada Tuan Pengerusi, Leftenan Kolonel sahaja.

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Leftenan Kolonel ya, bagus. Terima kasih. *[Ketawa]*

Tuan Haji Badrul Hisham bin Abdul Aziz: Dalam Belanjawan ini pada tahun 1998, bilangan hari bertugas gerakan setahun ialah 365 hari – bermakna JPA3 boleh membuat kerja-kerja menyelamatkan 365 hari, maknanya setahun itu penuh. 1999 dan tahun 2000 dicatatkan di sini 30 hari sahaja – kerana tidak ada duit. Begitu juga dengan hari-hari bertugas dan dari segi mangsa yang diselamatkan, pada 1998 JPA3 telah menyelamatkan 9,234 mangsa tetapi tahun lepas dan tahun ini disasarkan 30 orang sahaja. Ini benar sangatlah. Hendak berjalan kereta minyak pun tidak ada. Jadi, inilah, kalaulah kita mempunyai belia-belia, sukarelawan yang begitu tinggi komitmennya janganlah kita pudarkan semangat mereka dengan statistik-statistik begini. Bagaimanakah 30 hari diperuntukkan, lagi 335 hari dia orang hendak buat apa? Takkan hendak tengok langit sahaja dengan uniform yang cukup cantik, Tuan Kolonel. *[Merujuk kepada Tuan Pengerusi]*

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Setuju, setuju. *[Ketawa]*

Tuan Haji Badrul Hisham bin Abdul Aziz: Jadi, saya berharap sangatlah kementerian dapat mengambil pandangan untuk membaiki keadaan Jabatan Pertahanan Awam sebab mereka ini walaupun seperti juga dengan RELA dan Wataniah yang bersifat sukarela tetapi kalau mereka tidak digerakkan dengan peruntukan-peruntukan yang sewajarnya, tidak ada apa yang boleh dilakukan untuk mereka berkhidmat menyelamatkan nyawa dan juga harta benda. Sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Kota Melaka.

4.18 ptg.

Tuan Kerk Kim Hock [Kota Melaka]: Terima kasih, Tuan Pengerusi. Saya tidak bercadang untuk berucap panjang oleh kerana saya baru keluar daripada hospital. Tidak boleh berdiri lama juga.

Saya ingin merujuk kepada Bekalan B.35 Butiran 020000 Aktiviti 020300 Kawalan Penerbitan. Semasa menjawab soalan atau menjawab hujah perbahasan saya,

Yang Berhormat Timbalan Menteri ada berkata bahawa kerajaan masih berpegang kepada kepercayaan bahawa mereka memang tetap percaya terhadap kebijaksanaan rakyat untuk memilih apa itu kaca dan apa itu intan dan itulah sebabnya kerajaan telah menang dalam pilihan raya yang lalu. Dan alasan yang digunakan untuk membuat sekatan terhadap terbitan atau akhbar *Harakah* ialah oleh kerana ia telah melanggar peraturan-peraturan yang telah ditetapkan tetapi apa yang kerajaan tidak sebutkan ialah sebelum tahun 1992 *Rocket*, lidah rasmi terbitan DAP tidak pernah dikenakan syarat seperti sedemikian iaitu *Rocket* boleh dijual kepada umum dan saya percaya mungkin ini adalah juga keadaan yang sama, syarat yang sama tidak dikenakan kepada *Harakah*. Jadi, nampaknya walaupun kerajaan sentiasa mengatakan kerajaan mengamalkan demokrasi begitu percaya terhadap kebijaksanaan rakyat tetapi apa sebenarnya yang dibuat itu, 'bikin tidak serupa cakap'.

Kalau kerajaan betul-betul percayakan kebijaksanaan rakyat, saya kata kita hapuskan syarat yang telah dikenakan ke atas *Rocket* semenjak tahun 1992. Oleh kerana prasyarat dalam satu demokrasi sebelum rakyat dapat menilai apa itu intan dan apa itu kaca ialah mereka hendaklah diberikan maklumat yang cukup. Bukan seperti apa yang kita lihat di Sanggang, macam-macam fitnah, banyak tuduhan dibuat. Ini bukan satu demokrasi yang tulen.

Saya telah berucap panjang dalam perbahasan saya mengenai apakah limited democracy yang telah dikatakan oleh Dr. Mahathir pada tahun 1971 tetapi pada hari ini apa yang telah kita lihat berlaku dalam negara ini, termasuk sekatan-sekatan yang dibuat terhadap pembangkang, memang menunjukkan bahawa walaupun tahun 1971 negara kita ini disifatkan sebagai satu limited democracy, keadaan pada hari ini lagi teruk daripada apa yang kita lihat pada tahun 1971.

Saya berharap kalau Kerajaan Barisan Nasional betul-betul percaya terhadap kebijaksanaan rakyat dan juga memegang kuat kepada prinsip demokrasi, janganlah kita mengubah undang-undang atau peraturan-peraturan. Seperti orang katakan bila kerajaan hendak kalah itu dia gunakan undi pos. Kita lawan secara fair, siapa menang siapa perintah, siapa kalah siapa turun, itu sahaja. Itu adalah makna demokrasi. Saya juga harap ini akan dipandang berat oleh kerajaan oleh kerana saya selalu kata kalau kita lihat trend politik di negara Asia. Kuomintang di Taiwan pun jatuh walaupun ia adalah satu parti yang kuat, sebab ia tidak berubah dengan cepat, ia ada berubah te tapi

tidak berubah dengan cepat. Itulah kalau UMNO tidak berubah dan sikapnya, caranya, falsafahnya, saya kata satu hari UMNO akan jatuh dengan sendirinya. *[Tepuk]*

[Tiga orang Ahli Yang Berhormat di blok D bangun tetapi duduk kembali][Ketawa]

Saya ingin merujuk kepada B.37 ButiranHari ini tidak ada tenaga hendak lawan, tidak beri jalan. *[Ketawa]* Saya rujuk kepada B.37.....

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Cakap pendek saja, Yang Berhormat baru lepas operation.

Tuan Kerk Kim Hock: Betullah, saya masuk wad 11 hari. *[Ketawa]* Butiran 020000 Aktiviti 020400 mengenai Pasport. Sebagai seorang wakil rakyat saya mendapat begitu banyak aduan daripada rakyat yang mengatakan setelah mereka kehilangan pasport mereka adalah begitu sukar untuk mendapat pasport yang baru. Saya difahamkan bahawa alasan yang digunakan oleh Jabatan Imigresen adalah oleh kerana begitu ramai orang sengaja atau cuai sahaja dan menghilangkan pasport mereka dengan begitu senang, maka adalah perlu untuk Jabatan Imigresen untuk mengenakan penalti ke atas mereka iaitu ini adalah merupakan satu penalti terhadap mereka. Saya rasa ini bukanlah satu cara yang betul oleh kerana saya juga difahamkan bahawa pasport baru yang dikeluarkan oleh Jabatan Imigresen itu mempunyai security features, dengan izin, yang baik, yang sekiranya disalah gunakan oleh pemohon-pemohon baru ini, Jabatan Imigresen dapat mengesan dengan begitu senang. Jadi, saya harap kerajaan faham bahawa pasport itu adalah satu dokumen yang penting yang memang diperlukan oleh rakyat.

Saya tahu ada juga orang yang cuba memberi wang supaya 'makan suap' hendak dapatkan pasport tetapi gagal, itu saya beri pujian Jabatan Imigresen. Saya dengar sahaja tidak ada bukti tetapi memang ada orang cerita dengan saya. Dia diminta beri RM5,000 boleh dapat pas baru pun gagal. Tetapi itu bukan masalah yang saya hendak utarakan di sini, masalah yang saya utarakan di sini ialah jangan kita, oleh kerana kita hendak mengadakan penalti kepada mereka yang telah hilang, bagi kes yang genuine itu pun kita susahkan mereka. Jadi, saya harap kementerian akan kaji semula dasar ini dan kita siasat dengan betul-betul, kaji dengan betul-betul dan beri kepada pemohon-pemohon yang genuine dan jangan kita adakan syarat-syarat yang begitu menyusahkan mereka.

Kini saya ingin merujuk kepada B.39 iaitu Butiran 020000 Aktiviti 020200, kalau tidak silap iaitu mengenai Kad Pengenalan. Kalau saya tidak silap baru-baru ini, mungkin dua bulan yang lalu, Jabatan Pendaftaran Negara ada mengatakan bahawa puluhan ribu pemohon kad pengenalan baru hendaklah mengisi borang baru sekiranya mereka ingin mendapatkan kad pengenalan mereka dengan cepat. Kalau mereka sanggup menunggu maka tidak perlulah mereka mengisi borang baru tetapi apabila saya membaca akhbar itu saya tidak nampak apakah sebabnya yang diberikan, apa yang telah berlaku menyebabkan kementerian terpaksa meminta supaya mereka yang memerlukan kad pengenalan dengan cepat itu harus meminta semula. Apakah yang sebenarnya berlaku dan saya juga tidak nampak sesiapa Timbalan Menteri memberikan jawapan kepada rakyat, so where is this sense of responsibility and accountability. Kita tahu bukan semua orang perfect, boleh buat salah tetapi berikan sebab, saya tidak nampak apa-apa sebab diberikan.

Apabila satu kesilapan yang begitu besar telah berlaku, puluhan ribu orang telah disusahkan. Ini bukan satu perkara yang kecil, jadi saya hendak minta Yang Berhormat Timbalan Menteri boleh beri satu penjelasan kepada Dewan ini, apakah sebenarnya yang telah berlaku menyebabkan begitu ramai, puluhan ribu pemohon kad pengenalan baru kena isikan permohonan yang baru. Dan akhir sekali saya ingin merujuk kepada Butiran 020000 juga B.39 – Aktiviti 020300 – Kewarganegaraan.

Tuan Pengerusi, *citizenship* atau kewarganegaraan ini memang ada satu isu yang penting. Saya tahu begitu ramai orang yang telah bermastautin di Malaysia begitu lama dan ada mereka sudah umurnya mencapai 55 tahun, telah memegang kad pengenalan merah tetapi permohonan demi permohonan telah dibuat untuk mendapatkan kewarganegaraan tetapi kadang-kadang permohonan yang dikemuka itu seperti batu ditenggelami ke dalam laut, tidak mendapat jawapan. Saya sendiri pernah – apabila saya menjadi wakil rakyat Pasir Pinji, Perak memberi bantuan kepada seorang yang telah gagal dalam usahanya untuk mendapatkan bantuan seorang EXCO MCA. Dia cari saya, dan saya telah menelefon Yang Berhormat Timbalan Menteri MCA pada masa itu dan perjanjian telah dibuat akan menguruskannya tetapi selepas permohonan dibuat, mungkin tahun 1993 atau 1994 sehingga sekarang, satu jawapan pun saya belum terima.

Dan saya tahu banyak kes sedemikian, saya ingin tahu apakah polisi. Adakah satu polisi di kementerian mengenai permohonan kewarganegaraan. Mungkin,

kerajaan menganggap ini satu keistimewaan tetapi walaupun dia satu keistimewaan atau hak kerajaan kita hendaklah ada satu polisi di mana orang yang mengemukakan permohonan, mereka tahu apakah sebabnya mereka tidak layak. Jadi, ini ada satu perkara yang mustahak, dan saya tahu tiap-tiap tahun pun begitu ramai orang membuat sungutan, membuat aduan bahawa walaupun banyak usaha telah dibuat, permohonan mereka masih gagal.

Jadi, boleh saya tahu daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri yang sebenarnya seorang yang baik, yang dulu saya sudah kata dia makan gaji buta [*Ketawa*] Saya minta maaf, sebenarnya dia orang baik, jadi saya minta supaya bagi satu jawapan berapakah lagi permohonan yang tertunggak. Dan apakah sebabnya permohonan begitu lama, sampai bertahun-tahun tidak dapat jawapan atau tidak boleh diluluskan. Dan apakah syarat-syarat yang hendak dipenuhi oleh permohonan-permohon sebelum permohonan mereka boleh diluluskan. Terima kasih.

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Kluang.

4.30 petang.

Tuan Hoo Seong Chang [Kluang]: Terima kasih, Tuan Pengerusi. Saya bangun untuk merujuk perkara-perkara di bawah Kementerian Dalam Negeri bagi maksud Bekalan B.37 – Jabatan Imigresen dan bagi maksud Bekalan B.39 – Jabatan Pendaftaran Negara. Di bawah Jabatan Pendaftaran Negara, 020300 juga kewarganegaraan, saya tertarik dengan ucapan dari Ahli bagi Kota Melaka tetapi pandangan saya lebih kurang serupa tetapi ada sedikit berbezaan.

Pertama sekali saya ingin ucapkan terima kasih kepada Jabatan Pendaftaran Negara di bawah kewarganegaraan kerana telah pun memperkenalkan borang permohonan baru yang dianggap lebih mudah diisi ataupun nama lain *simplify form*, pada 3-4 tahun dahulu. Tetapi dalam konteks ini, walaupun jabatan ada buat perubahan, saya rasa tujuan jabatan buat demikian adalah untuk mengemaskinikan rekod-rekod yang ada. Dan saya di sini ingin tanya, sebelum borang baru ini diperkenalkan, berapa permohonan telah pun dikemukakan kepada jabatan. Dan setelah borang ataupun *simplify form* ini telah diperkenalkan, lepas mungkin beribu-ribu orang sebelum ini sudah memohon tetapi tidak dapat jawapan seperti yang dikatakan oleh ahli Kota Melaka.

Jadi, selepas *simplify frm* ini diperkenalkan, berapa permohonan telah di kemukakan, dengan kata lain sebelum permohonan baru berapa kes, lepas *simplify*

form ini berapa kes. Jadi, antara *simplify form* yang diperkenalkan ini, lepas permohonan, berapa antara 3-4 tahun ini telah diluluskan.

Ini sangat penting saya rasa sebab dahulunya saya setuju, sebab saya pun dua penggal dalam Parlimen, saya pernah dijumpai oleh ramai penduduk, di mana ada yang umurnya 50 lebih tahun, ada yang sampai 60 tahun lebih, mereka sudah ada anak-cucu dan sebahagian mereka ada menyumbangkan tenaga kepada pembangunan negara. Jadi saya simpati kepada orang-orang seperti ini. Dahulu sebelum dengan borang baru, telah mohon beberapa kali, betul juga, tidak ada jawapan. Lepas janji kerajaan supaya kita gunakan *simplify form*, supaya dalam masa tempoh 2 tahun ataupun 3 tahun kita akan beri jawapan. Jadi, setakat ini saya ingin tahu lepas kita gunakan borang baru, berapa kes telah dilulus dan berapa kes telah dimaklumkan kepada pemohon sama ada lulus ataupun gagal.

Dan saya ingin merayu kepada pihak kerajaan supaya dapat menimbangkan pemohon-pemohon yang sudah sampai 3, 4 kali ataupun 5 kali ke atas permohonan mereka tetapi belum dapat kelulusan lagi. Jadi, saya ada satu dua kes yang jumpa dengan saya, mereka sudah 60 tahun lebih, umurnya. Dia beritahu saya, '*Saya ada anak-cucu dan tinggal lama di negara ini, mana lagi saya hendak pergi?*' Jadi, kes-kes seumpama ini, saya merayu kepada pihak kerajaan supaya dapat meneliti, saya rasa kalau kita bagi *citizenship* kepada orang ini pasti dia sokong kerajaan, saya tidak nampak apa sebab, mungkin dari segi teknikal itu tidak dapat kita bagi mereka *citizenship* ini. Jadi, dalam perkara ini saya harap kerajaan dapat memandang serius pemohon-pemohon seumpama ini supaya dapat memberi pertimbangan yang sewajarnya.

Baru-baru ini saya dengar, saya ingat di kawasan Kluang, mereka harus memohon melalui Jabatan Pendaftaran Daerah di Kluang, selepas terima borang, isi borang, dia harus mengemukakan borang itu ke Johor Bahru, dahulunya boleh terus bagi di Jabatan Pendaftaran Negara di daerah tetapi kali ini harus pergi ke Johor Bahru. Saya mintalah kalau dapat mereka tolong sampaikan kepada pejabat di daerah tidak payah pergi ke Johor Bahru mungkin dapat meringankan kerja mereka. Jadi, kalau ada alasan yang lain mungkin dapat Yang Berhormat Timbalan Menteri maklumkan dalam Dewan yang mulia ini, apa sebab dia hendak bawa borang ini, dengan sendiri *by hand*, ke pejabat di Johor Bahru.

Satu lagi perkara di bawah Butiran 020200 – Kad Pengenalan itu. Saya difahamkan bahawa baru-baru ini, Jabatan Pendaftaran Negara telah mengadakan *on-line*, di mana segala permohonan kad pengenalan baru dapat diluluskan dengan masa yang singkat. Jadi, saya tidak tahu masa tempoh berapa lama kerana masih ada beberapa kes yang merujuk kepada saya mengatakan bahawa ambil masa lebih dari 6 bulan dan 7 bulan, jadi kalau perkara ini benar atau ini cuma merupakan *isolated* kes, saya harap Jabatan Pendaftaran Negara dapat meningkatkan lagi sistem yang ada supaya pemohon tidak payah menunggu begitu lama untuk mendapat kad pengenalan yang baru.

[Tuan Pengerusi *mempengerusikan Jawantankuasa*]

Tuan Pengerusi, di bawah maksud Bekalan B.37 – Jabatan Imigresen. Saya di sini sekali lagi ingin menarik perhatian Yang Berhormat Timbalan Menteri sebab dalam jawapan Yang Berhormat dalam perbahasan Titah Ucapan Diraja, yang masa itu saya tidak sempat untuk memberi maklumat tambahan tentang pejabat yang saya mohon di bandar Kluang ini tentang pejabat Imigresen di Kluang. Sebab kalau ikut jawapan yang diberikan, memang betul pada tahun 1993 pihak Imigresen ada mengadakan satu pejabat sementara ataupun perkhidmatan bergerak di bandar Kluang, dua kali seminggu. Tetapi saya rujuk kepada jawapan yang mengatakan bahawa buat sementara ini masih tidak ada cadangan untuk membuka satu pejabat kekal di Kluang dengan alasan sebab kekurangan kakitangan dan permohonan perkhidmatan Imigresen yang sedikit. Yang mengatakan bahawa permohonan perkhidmatan Imigresen yang sedikit, memang saya tidak setuju sekali.

Untuk makluman Yang Berhormat Timbalan Menteri pada masa tahun 1993 hingga 1995 apabila Jabatan Imigresen mengadakan pejabat sementara di mana perkhidmatan yang diberi cuma untuk mengadakan ataupun menerima permohonan Pasport Terhad sahaja, ertinya cuma menguruskan pasport ke Singapura sahaja, Pasport Internasional pun tidak ada. Setiap kali cuma terima 120 permohonan. Saya masa itu sebagai Ahli Dewan Undangan Negeri, pada tiap kali ada perkhidmatan Imigresen bergerak ini, saya pergi ke tempat – masa itu Imigresen menyewa atau meminjam pejabat salah satu bilik di Pejabat Daerah, di mana mereka harus menunggu dari pukul 600 pagi supaya dapat nombor, untuk jumlah 120 orang ini. Dan tiap-tiap kali pun tidak sempat, mesti ada yang tidak dapat nombor. Jadi selepas itu mereka meminta kepada saya, perkhidmatan ini harus dibayangkan kepada

kerajaan supaya selain daripada perkhidmatan untuk Pasport Terhad ini perlu juga permohonan untuk Pasport Antaraangsa. Tetapi pada tahun 1995, apabila Pejabat Daerah minta balik pejabat untuk bilik komputer, di mana buat masa itu Imigresen memberhentikan ataupun tutup pejabat sementara ini.

Dan saya ingin memaklumkan kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri kalau bolehlah, dapat bayangkan keadaan ini dalam mesyuarat yang wajar ataupun yang sesuai iaitu Kluang ini kira nasib baik sebab di seluruh negeri Johor, selain daripada Johor Bahru, Kluang dapat satu bangunan ataupun dikatakan Wisma Persekutuan di mana kita dapat ruang pejabat boleh mengisi lebih kurang 19 jabatan, sementara ini cuma 12 sahaja. Jadi, kerajaan membelanjakan RM15 juta untuk Wisma Persekutuan yang ada lima tingkat bangunan ini supaya dapat memberikan perkhidmatan yang lebih luas kepada rakyat.

Jadi, baru-baru ini, ada satu mesyuarat Barisan Nasional, di mana-mana ahli-ahli dalam mesyuarat itu memberitahu saya, dia kata tahun ini Wisma Persekutuan akan disiapkan. Jadi, adalah tanggungjawab Yang Berhormat pergi ke Parlimen supaya meminta kepada kerajaan, pejabat Imigresen yang sangat perlu ini, kalau tidak dapat menguruskan urusan perjalanan yang lain tetapi untuk Pasport Terhad dan untuk Pasport Internasional pun cukup, untuk perkhidmatan bagi orang-orang Kluang ini. Dan penduduk Kluang ini 300,000 Yang Berhormat. Jadi bukan setakat yang dikatakan permohonan bukan sedikit, saya tidak setuju, memang banyak sekali. Jadi, saya berharap perkara ini dapat disampaikan, mudah-mudahan saya percaya Yang Berhormat Timbalan Menteri akan memperjuangkan juga untuk mendapatkan satu pejabat di Kluang ini untuk kemudahan dan kebaikan penduduk-penduduk di daerah Kluang ini.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat, masa Yang Berhormat sudah cukup Yang Berhormat.

Tuan Hoo Seong Chang: Satu sahaja, satu sahaja. Secara ringkasnya saya mengucapkan terima kasih dan tahniah kepada jabatan yang mengatakan wawasan untuk pengaduan sifar ataupun zero complaint, saya mengucapkan terima kasih di atas ini, cuma saya ingin mengingatkan kepada mungkin segolongan kecil sahaja pegawai kita, mungkin kebanyakan pun baik-baik belaka. Sebilangan kecil ini mungkin bukan sengaja tetapi harus peka dengan satu peristiwa ini iaitu saya terima satu aduan di mana mungkin Yang Berhormat boleh katakan ini *isolated case* tetapi *isolated case*

pun harap dapat diperbaiki iaitu seorang wanita tua, dia jumpa dengan saya sebab dahulunya dia tinggal di Singapura, dia memang warganegara Singapura, dahulunya dia ada keluarga di Singapura tetapi pada masa sekarang memang tidak ada lagi. Harus dapat tanggungan saudara-saudara di Malaysia, di Kluang.

Jadi, dia jumpa dengan saya tentang visa untuk duduk di Malaysia, minta enam bulan. Jadi, saya tengok perkara ini saya simpati, wanita tua ini yang sudah umur 80 tahun lebih. Jadi, beberapa kali lagi dia boleh sambung. Jadi, saya bawa perkara ini kepada Timbalan Menteri dan juga Ketua Pengarah di mana dapat kelulusan di mana Timbalan Menteri dan Ketua Pengarah pun simpati keadaan ini dan memberi sambungan enam bulan ini tetapi apabila pemohon ini sampai ke ibu pejabat di Kuala Lumpur, pegawai cuma beri satu bulan sahaja. Jadi, dia rasa amat susah hati dan apabila dia jumpa balik dengan saya, nampaknya macam dia kata saya sebagai kerajaan pun bohong kepada beliau.

Jadi, saya rasa amat dukacitalah atas perkara ini walaupun akhirnya telah pun selesai. Saya cuma ingatkan perkara ini supaya pegawai-pegawai kita mungkin bukan sengaja tetapi harus peka dan sensitif dengan kehendak-kehendak rakyat ini supaya tidak berlaku lagi.

Jadi, Tuan Pengerusi, terima kasihlah atas peluang. Terima kasih.

Tuan Pengerusi: Kuala Kedah.

4.43 ptg.

Tuan Mohamad bin Sabu [Kuala Kedah]: Terima kasih, Tuan Pengerusi. Belanjawan dan Program P.35 – Pengurusan Keselamatan RM1,159,000.

Saya ingin minta penjelasan daripada pihak Kementerian Dalam Negeri yang saya sebut hari itu di Jabatan Perdana Menteri, hari ini menteri yang tepatlah tentang peristiwa yang berlaku di Masjid Kampung Nakhoda di mana seorang yang berjawatan Penyelaras Masjid Daerah Gombak yang telah mengeluarkan pistol selepas daripada sembahyang Jumaat yang namanya Haji Idris bin Rani dan penduduk telah buat report pada 3.3.2000 dan pistol itu dikeluarkan di luar daripada masjid, di perkarangan masjid dan didapati bahawa semasa beliau berada dalam masjid itu beliau membawa bersama pistol dalam masjid itu.

Jadi, ini kita minta pihak Kementerian Dalam Negeri siasat dan ambil tindakan sebab pihak polis sendiri pun walaupun mereka bawa pistol cukup susah mereka hendak tunjuk pistol itu kepada orang, kecuali dalam keadaan nyawa yang terancam

itupun pihak polis selalunya kena melepaskan dahulu tembakan ke udara. Kemudian, barulah boleh bertindak kalau nyawa mereka terancam.

Jadi, kita bimbang trend koboi ini melanda negara kita sebab maklumlah sekarang ini Menteri Besar Pahang pun seorang koboi. Jadi, trend ini kita harap tidak berlaku dan pihak polis dan pihak KDN menyiasat perkara ini dan mengambil tindakan kepada mereka, kalau ada keslah kepada Haji Idris Rani yang bertindak demikian.

Tuan Pengerusi, saya juga ingin menyentuh lagi masalah pelarian Aceh, mereka hendaklah dikategorikan sebagai dua golongan. Satu yang datang sebagai pekerja, satu lagi pelarian politik dan kita harap pihak polis, pihak keselamatan mereka yang terlibat dengan pelarian politik itu hendaklah dilayan berlainan sedikit daripada mereka yang datang sebagai pencari kerja. Janganlah kita bertindak seperti dahulunya dan yang berlaku di dalam penjara di mana imej Malaysia agak buruk di luar negara. Selagi pelarian politik ini tidak mengangkat senjata, tidak menghasut rakyat kita untuk memberontak dan mereka datang ke sini sebagai pelarian politik, kita harap pihak Kementerian Dalam Negeri dapat melindungi ataupun memberi peluang kepada mereka untuk bernafas hidup di sini sebelum mereka dapat pulang ke negara mereka. Perkara ini perkara yang makin serius berlaku sekarang ini.

Tuan Pengerusi, 020000 iaitu hal Kerakyatan. Saya juga hendak menimbulkan hal kerakyatan. Kalau kita dengar ucapan daripada wakil-wakil daripada Sabah, yang mana daripada Bandau, Keningau dan lain-lain sudah 10 tahun ditimbulkan dalam Parlimen ini bagaimana mudahnya mereka daripada Sabah mendapat kerakyatan terutama sekali menjelang pilihan raya. Mereka mudah dapat kerakyatan dan mudah untuk mengundi tetapi ada di Malaysia ini, misalnya yang duduk sudah 40 tahun, 50 tahun terutama sekali mamak-mamak, tujuh, lapan, enam ini, masih lagi kad pengenalan merah walaupun mereka telah duduk di sini 40, 50 tahun.

Sepatutnya zaman ini mamak ada keistimewaanlah sedikit tetapi kita nampak mereka ini tidak ada walaupun ada memohon sudah tiga, empat kali dan mereka minta tolong MIC dan sebagainya, mereka tidak juga berjaya walaupun mereka sudah buka restoran, berniaga di sini dan mengembangkan ekonomi di Malaysia ini, mereka masih lagi kad pengenalan merah. Sedangkan mereka membaca surat khabar dan

dengar debat di Parlimen, bukti yang ditulis oleh penganalisis politik bagaimana di Sabah begitu mudah untuk mendapat kerakyatan.

Jadi, kerakyatan diberi ini kadangkala untuk faedah politik sementara, bukan dalam bentuk keadaan jangka panjang, maka perkara ini kita harap mereka yang telah memohon kerakyatan, yang duduk di sini dan mereka ini memang tidak niat hendak balik dah, anak beranak semua sudah ada kad pengenalan biru, kita harap pihak kementerian segerakan untuk beri kad pengenalan kepada mereka yang telah memohon dua, tiga kali atau empat, lima kali setelah duduk di sini lebih 40, 50 tahun.

Tuan Pengerusi, 030000 – hal Penjara. Penjara bukan tempat penyiksaan, penjara adalah tempat pemulihan. Kami memanglah hendak bercakap penjara sebab barangkalilah pihak pembangkang ini tetamu KDN ini, selalu kami jadi tetamu KDN [*Ketawa*] biasanya di lokap-lokap itu duduk setakat dua minggu, 60 hari itu sudah selalulah.

Jadi, kita bercakap soal penjara sebab sekarang ini kerajaan tidak lagi ataupun kurang menggunakan ISA. Sebaliknya menggunakan akta-akta yang ada untuk mendakwa pembangkang. Barangkali lepas ini ramai lagilah akan masuk kalau didapati salah, ini serah kepada mahkamah. Oleh itu dalam penjara sebelum kami masuk hendaklah diperbaiki [*Ketawa*] terutama sekali berilah tilam kepada orang yang duduk dalam penjara lebih kurang tilam 'Totto' sebab sekarang ini dia beri blanket yang gatal badan. Daripada zaman British, zaman Tok Nadok dahulu sampai sekarang masih guna blanket itu juga. Timbalan Menteri tidak pernah masuk walaupun dahulu Ketua Penerangan S46 tetapi [*Disampuk*] tak 'dan', kalau lama lagi mungkin 'dan'. [*Ketawa*] Jadi, kita harap perkara ini diperbaikilah sebab penjara bukan tempat kita menyiksa tetapi untuk memulihkan seseorang.

Seterusnya hal Pengurusan Keselamatan ini juga, kita ingin penjelasan daripada pihak Kementerian Dalam Negeri, siapa yang berkuasa menentukan permit ceramah dan sebagainya sebab kita tahu bahawa kuasa menentukan hendak isu permit ceramah, dia terletak kepada pihak polis terutama sekali polis di peringkat daerah dan polis negeri. Merekalah yang menentukan suasana selamat, keselamatan terjamin atau tidak tetapi sekarang kenyataan untuk mengharamkan ceramah ataupun perkara-perkara yang bersangkutan paut dengan himpunan awam didahului oleh kenyataan orang-orang politik sebab itu kita lihat kadangkalanya pihak polis bertindak agak berlainan. Kalau di Melaka misalnya, susah hendak dapat permit bahkan dikatakan

bahawa hanya tiga orang boleh ceramah iaitu Menteri Besar Terengganu, Menteri Besar Kelantan dan Presiden PAS.

Ini adakah perkara itu ditentukan oleh pihak polis, sedangkan Ketua Polis Negara Tan Sri 'Noreen Nor' [*Disampuk*] 'Norian Mai' [*Ketawa*] kadangkala 'Noreen Nor' terlintas di kepala. [*Ketawa*] Tan Sri Norian Mai dalam pertemuan dengan pemimpin-pemimpin Barisan Alternatif, Tan Sri Norian Mai memberi jaminan bahawa polis akan mengisru permit berdasarkan keselamatan, bukan keselamatan UMNO dan Barisan Nasional tetapi keselamatan rakyat.

Kita lihat misalnya kami di Kedah mudah mendapatkan permit, mudah untuk kami mengadakan himpunan. Begitu juga di Kelantan, Terengganu, Perak dan sebagainya tetapi agak susah di Melaka dan di Wilayah Persekutuan sekarang ini.

Jadi, kita lihat pihak polis tidak bebas untuk menentukan seperti kenyataan yang dikeluarkan sendiri oleh Ketua Polis Negara yang kita hormati dan Ketua Polis Kuala Lumpur pula membuat kenyataan yang agak berlainan sekarang ini. Ini kita harap pihak polis yang menjaga keselamatan berilah kebebasan kepada mereka untuk menentukan isu permit atau tidak isu permit di atas keselamatan, bukan di atas kehendak Menteri-menteri Besar. Sudah tentu Menteri-menteri Besar ini ada kepentingan-kepentingan politik dan sebagainya, oleh itu kebebasan pihak polis itu tidak dipraktikkan dengan baik. [*Disampuk*] Ketua Menteri Melaka dahulu pun bagus tetapi sekarang sudah jadi Setiausaha Parlimen Kementerian Dalam Negeri lagi bagus.

Jadi [*Ketawa*] kita harap kebagusan Ketua Melaka itu berterusan tetapi nampak Ketua Menteri Melaka sekarang dia ikut juga seperti Menteri Besar Pahang. [*Disampuk*] [*Ketawa*]

Tuan Pengerusi,

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat minta gulung ya.

Tuan Mohamad bin Sabu: Minta gulung dah? [*Ketawa*] [*Disampuk*] Ya.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat, sila gulung.

Tuan Mohamad bin Sabu: Ya, ya saya gulung sekarang ini. Hendak cari yang mana banyak point.

Jadi, satu lagi saya minta Bahagian Keselamatan ini juga, lumba motor haram. Saya sendiri kalau jadi polis, saya tidak sekat puak-puak lumba motor haram ini, sekat mereka cari mati. Mereka 'blah' ikut suka. Jadi, bagaimana hendak menangani

masalah ini? Saya kasihan kepada polis yang bertugas bila dia lihat pasukan pelumba motor haram ini dan mereka cuba tahan, di 'blah' dan polis itu terlantar di hospital begitu lama. Apa pampasan yang diberi kepada pihak polis yang terlantar di hospital, yang di 'blah' oleh pelumba-pelumba motor haram ini. Tidakkah pihak polis boleh menyusup sama-sama terlibat dalam lumba haram itu dan selepas itu ambil tindakan secara yang berkesan sebab perkara ini sudah cukup merebak.

Saya sendiri walaupun memandu selalunya agak laju juga tetapi bila kita lihat pelumba motor haram, kita berhenti tepi jalan. Kamu lalulah, kamu jadi rajalah atas jalan ini sebab kita lihat perkara ini kalau tidak dapat dibendung, ia antara punca yang anak-anak muda mati begitu banyak di atas jalan raya sekarang.

Sekarang ini saya boleh kata polis gagal dalam menangani masalah lumba motor haram ini yang kita lihat begitu berleluasa dan kita naik bimbang bila kumpulan itu pukul 12.00 malam hingga 4.00 pagi Kuala Lumpur mereka punya dan kita tahu pihak polis hendak bertindak cukup sukar tetapi carilah jalan. Takkanlah pihak polis yang terkenal dengan kecekapannya di Malaysia ini, maka tidak boleh menyelesaikan perkara ini.

Jadi, ini kita harap pihak polis yang hadir banyak pada petang ini, janganlah tengok pembangkang buat himpunan di mana sahaja tetapi lihat sama benda-benda yang boleh mengancam keselamatan negara. Sekian, Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi: Lumut.

4.53 ptg.

Tuan Kong Cho Ha [Lumut]: Terima kasih, Tuan Pengerusi. Kementerian Dalam Negeri Maksud B.36 – Polis Diraja Malaysia, di bawah Butiran 060300 iaitu Polis Marin.

Dalam persekitaran perindustrian Kampung Acheh dan Pelabuhan Lumut ada satu pangkalan Polis Marin dan sejak lima atau enam tahun yang lepas mula didirikan satu Pusat Latihan Polis Marin tetapi selama beberapa tahun kebelakangan ini projek pembinaan pusat latihan itu telah terbengkalai dan lebih kurang tiga tahun yang lepas bekas Ketua Polis Negara sendiri pun telah melawat tapak pembinaan itu dengan tujuan hendak menyambung pembinaan tetapi hingga sekarang tidak ada apa-apa tindakan diambil. Ada juga khabar-khabar angin bahawa tempat itu hendak diswastakan untuk membina sebuah theme park dengan izin.

Jadi, apakah keadaan yang sebenarnya berkenaan dengan projek dan tapak itu. Adakah kerajaan hendak menyambung pembinaan itu atau tidak?

Tuan Pengerusi, di persekitaran Pulau Jarak adalah kawasan penangkapan ikan yang digemari oleh nelayan-nelayan kita khususnya nelayan dari Pulau Pangkor, Bagan Datoh, Hutan Melintang dan tempat-tempat yang lain. Seringkali berlaku di mana nelayan-nelayan kita diancam dan diserangi oleh lanun di kawasan itu dan bot-bot dan pukuk-pukuk ditahan dan hanya dilepaskan selepas bayaran wang ransom oleh tauke bot. Jadi bolehkah polis marin meningkatkan rondaan di kawasan itu dengan tujuan untuk melindungi nelayan-nelayan kita. Sekian sahaja. Terima kasih.

Tuan Pengerusi: Ya, Seputeh. *[Ketawa]*

4.56 ptg.

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: Terima kasih, Tuan Pengerusi. Saya ingin merujuk kepada B.38 Butiran 010000 di bawah program Pendaftaran Pertubuhan. Saya ingin membangkitkan isu mengenai penolakan permohonan terhadap Parti Sosialis Malaysia. Dalam jawapan yang diberi oleh Timbalan Menteri Dalam Negeri di Parlimen kepada soalan saya mengenai sebab Parti Sosialis Malaysia ditolak oleh Kementerian Dalam Negeri adalah kerana permohonan itu tidak memenuhi syarat dan jawatankuasa penaja enggan menjawab surat pertanyaan daripada Jabatan Pendaftaran atau ROS. Selepas saya menyemak jawapan Timbalan Menteri dengan Jawatankuasa Penaja PSM, mereka mendakwa bahawa PSM tidak diberi sebarang alasan oleh Jabatan Pendaftaran semasa permohonannya ditolak oleh Pendaftar Pertubuhan pada 27 Januari tahun 1999. Perkara ini dikemukakan dalam rayuan mereka kepada Kementerian Dalam Negeri tetapi pihak Kementerian Dalam Negeri juga menunjukkan sikap yang tidak peduli dan tidak memberi alasan. Tugas Pendaftar Pertubuhan sebenarnya ialah untuk menolong mereka yang ingin membuat permohonan untuk menubuhkan persatuan. Ini adalah sejajar dengan Perkara 10 Perlembagaan Persekutuan yang memberi hak kepada rakyat untuk menubuhkan persatuan. Dalam kes Parti Sosialis Malaysia (PSM) telah cuba beberapa kali menghantar surat kepada pihak berkenaan termasuk Pendaftar Pertubuhan tetapi Pendaftar Pertubuhan enggan membuat temujanji untuk berjumpa dengan AJK penaja PSM. PSM juga telah membuat rayuan pada 23 Februari tahun lepas dan selepas itu mereka telah menulis empat surat peringatan iaitu pada 7 April tahun lepas, 9 Jun tahun lepas, 14 Julai tahun lepas dan 21 Julai tahun

lepas. Tetapi tiada sebarang jawapan dari Kementerian Dalam Negeri. Kemudian PSM terpaksa membuat aduan di Biro Pengaduan Awam pada 5 Ogos tahun lepas mengenai ketidakberkesanan Kementerian Dalam Negeri, selepas itu barulah permohonan mereka ditolak tanpa sebarang alasan.

PSM menghantar permohonannya pada 30 April 1998 mengikut segala peraturan dan undang-undang yang sedia ada. Mereka juga telah memenuhi segala pindaan yang diminta oleh Pendaftar Pertubuhan. Jadi Yang Berhormat Timbalan Menteri harus menerangkan kepada kita tentang alasan sebenar permohonan PSM ditolak dan sama ada penolakan ini berunsur politik.

Walaupun saya adalah wakil rakyat daripada DAP dan bukan ahli PSM tetapi saya berpendapat mereka yang ingin menubuhkan parti politik ini haruslah diberi kebebasan dan ruang untuk berbuat demikian kerana ini adalah hak asasi manusia. Hak kebebasan berpersatuan juga adalah termaktub dalam Perlembagaan Persekutuan Negara kita dan juga dalam deklarasai sejagat hak asasi manusia. Saya berharap Kementerian Dalam Negeri akan menimbangakan semula permohonan mereka.

Saya juga ingin merujuk kepada B.36 Polis Draja Malaysia, 060000 di bawah tajuk Keselamatan Dalam Negeri dan Ketenteraman Awam. Saya faham tentang tanggungjawab yang dipikul oleh pegawai polis untuk menjaga keselamatan negara dan orang ramai tetapi saya ingin bertanya Yang Berhormat Timbalan Menteri apakah ini arahan daripada ketua pihak polis untuk menembak mati penjenayah supaya polis tidak perlu hadir di mahkamah pada hari kelak. Kita selalu baca dalam surat khabar di mana penjenayah yang terlibat dalam perompakan ataupun jenayah lain selalu ditembak mati semasa dikejar oleh polis. Selalunya tembakan ini juga terlibat dengan orang yang tidak bersalah. Kes salah tembak terhadap wanita India yang berhamil lapan bulan, Puan M. Sevamala dan Dr. Thye Eng Teck adalah contoh yang paling jelas. Saya juga berpendapat bahawa alasan yang diberi oleh kementerian mengenai kelewatan memberi laporan post-mortem kepada keluarga Puan Sevamala adalah susah diterima. Macam mana pihak polis boleh menyimpan laporan post-mortem lebih daripada satu tahun sehingga keluarganya terpaksa menggunakan saluran mahkamah untuk memerintah pihak polis untuk memberi laporan post-mortem kepadanya. Saya menyeru Kementerian Dalam Negeri untuk mengarah pihak polis supaya mengelakkan mengeluarkan tembakan terhadap penjenayah, menghormati

nyawa setiap insan sebagaimana yang boleh, supaya mereka boleh dihukum melalui undang-undang dan diberi peluang untuk hidup.

Saya juga ingin menyeru pihak polis supaya mengelakkan menggunakan kekerasan terhadap peserta dalam perhimpunan yang dianggap haram oleh polis. Saya sendiri pernah melihat macam mana polis menggunakan water cannon dan pelbagai cara kekerasan dalam perhimpunan di sekitar Dataran Merdeka selepas Dato' Seri Anwar Ibrahim dipecat. Polis sebenarnya tidak perlu berbuat demikian, selagi peserta perhimpunan Reformasi itu tidak melakukan apa-apa perbuatan yang mengancam ketenteraman, menyekat lalu-lintas ataupun melakukan apa-apa kesalahan, mereka haruslah dibiarkan berkumpul di mana-mana tempat. Hak berhimpun ini adalah hak asasi manusia yang haruslah dihormati oleh pihak polis. Pihak polis haruslah tidak bercampur tangan dan berpihak dalam politik. Mereka haruslah memberi ruang kepada orang ramai untuk melepaskan ketidakpuasan mereka melalui saluran dan cara yang aman. Sikap begini akan menyebabkan pihak polis lebih dihormati oleh orang ramai.

Selain itu, saya juga ingin menyeru supaya pihak polis lebih prihatin terhadap mangsa wanita yang menghadapi gangguan seksual dan juga keganasan rumah tangga. Saya diberitahu oleh para pekerja sosial bahawa tuduhan golongan ini selalunya diendahkan dan diabaikan oleh pihak polis. Selain itu, sebagaimana apa yang saya telah cadangkan di Dewan yang mulia ini, Kementerian Dalam Negeri harus meminda Penal Code 509 mengenai 'words and gestures intended to insult the modesty of a person' supaya polis boleh menjalankan siasatan tanpa mendapat order to investigate daripada DPP. Pindaan fasal ini akan membantu mangsa wanita supaya laporan mereka akan disiasat oleh polis.

Saya juga ingin merujuk kepada B.37 Jabatan Imigresen, 020000 di bawah tajuk Kawalan. Saya ingin menanya Yang Berhormat Timbalan Menteri, apakah dasar kerajaan terhadap isteri asing yang berkahwin dengan suami Malaysia? Ada kah itu dasar kerajaan di mana wanita di setengah negara tidak dialu-alukan untuk menjadi isteri kepada lelaki di Malaysia, khususnya wanita dari Negeri China dan Taiwan? Saya diberitahu oleh mangsa wanita tersebut bahawa si isteri yang mengahwini lelaki Malaysia bukan sahaja ditegah daripada bekerja di Malaysia tetapi mereka juga terpaksa untuk membarui visa mereka setiap tiga bulan. Selain itu, saya juga menerima laporan daripada seorang si suami bahawa isterinya yang berasal dari

Negeri China hanya dibenarkan datang ke Malaysia setahun satu kali. Bukankah ini suatu dasar yang kurang perikemanusiaan kerana kita tahu percintaan adalah tiada batasan negara.

Selain itu, suami asing kepada wanita Malaysia juga menghadapi masalah yang serius khususnya mereka yang mengahwini pekerja Bangladesh. Dasar seperti ini juga merupakan polisi yang diskriminasi terhadap wanita.

Telah banyak pemimpin kerajaan berucap mengenai globalisasi tetapi dasar di negara kita tidak membayangkan yang kerajaan kita mempunyai pandangan yang berunsur globalisasi. Dasar yang menegah dan tidak menggalakkan rakyat Malaysia daripada berkahwin dengan rakyat luar negeri adalah contoh yang paling baik. Dasar sebegini sebenarnya adalah amat merugikan negara kita kerana ramai di antara jodoh yang berlainan negara ini adalah profesional. Dasar kerajaan melarang si suami ataupun si isteri berkenaan daripada bekerja adalah amat tidak sesuai kerana ini akan merugikan negara kita dari segi sumber kakitangan profesional seperti profesional dari segi Information Technology (IT) yang mana amat diperlukan oleh Malaysia sekarang.

Dalam isu yang sama saya juga ingin menyeru supaya kerajaan meminda Akta Penjagaan Kanak-kanak yang mana hanya membenarkan si suami untuk menjadi penjaga anak dan menandatangani dokumen kerajaan khususnya permohonan untuk passport dan kad pengenalan. Ini telah pun mendatangkan banyak kerumitan kepada para ibu. Perkara yang berlaku pada Puan Marina Mahathir, anak perempuan kepada Perdana Menteri adalah contoh yang paling baik. Dalam artikel beliau yang disiarkan dalam akhbar *The Star* pada 1 Mac tahun ini, beliau mengadu bahawa beliau tidak dibenarkan untuk menandatangani permohonan passport anaknya manakala suaminya yang berbangsa asing dibenarkan untuk menjadi penjaga anaknya dan menandatangani dokumen permohonan passport tersebut. Undang-undang seperti ini masih wujud di negara kita adalah amat menakjubkan kerana ia memang membayangkan mentaliti dominasi lelaki yang karut yang harus kita hapuskan. Saya menyeru Kementerian Dalam Negeri supaya meminda undang-undang berkenaan yang diskriminasi terhadap wanita. Sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi: Ya, di mana tu, kawasan apa tu? Ya.

5.05 ptg.

Tuan Haji Siam bin Haji Kasrin [Batu Pahat]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya ingin menyentuh Maksud B.35, Butiran 020400 - RELA, yang diperuntukkan Anggaran Belanjawan Bagi Tahun 2000 sebanyak RM12,333,100 dengan jawatan yang diwujudkan sebanyak 536 orang.

Tuan Pengerusi, anggota RELA yang diwujudkan di tiap-tiap kawasan atau daerah terdiri daripada beberapa platoon. Di kawasan saya sahaja terdapat empat platoon anggota RELA yang dianggarkan seramai 400 orang kesemuanya. Anggota-anggota RELA ini adalah menjadi 'mata' dan 'telinga' jentera kerajaan dalam usaha menjaga keselamatan negara khususnya dari aspek pencegahan jenayah, pencegahan maksiat dan yang terpenting sekali dapat membantu pihak-pihak polis dan imigresen dalam usaha mencegah pendatang tanpa izin dari memasuki perairan negara kita. Anggota-anggota RELA menjalankan tugas biasanya di waktu malam sehingga ke waktu pagi bersama dengan anggota-anggota polis yang meronda di kawasan-kawasan pantai yang dianggap kerap menjadi pusat pendatang asing dan kawasan yang kerap berlaku kejadian jenayah.

Baru-baru ini saya pernah ditahan oleh anggota-anggota RELA di satu kawasan perumahan di Pulau, Johor di mana seorang pegawai polis berpangkat penguasa yang mati dibunuh dalam satu rompakan di rumahnya di sebuah taman perumahan di Pulau, Johor. Apa yang saya mohon kepada Kementerian Dalam Negeri supaya anggota-anggota RELA ini diberi latihan khusus mengenai tanggungjawab pencegahan oleh Bahagian Latihan Polis Diraja Malaysia sebelum diberi tanggungjawab seperti yang saya sebutkan di atas tadi kerana selama ini RELA bertugas tanpa sebarang latihan khusus dan mereka hanya dilatih di bidang kawad sahaja.

Saya juga mohon supaya anggota RELA yang bertugas membuat rondaan bersama anggota polis dan badan-badan penguatkuasa yang lain supaya dapat diberi elaun yang berpatutan kerana tugas-tugas rondaan RELA selama ini hanya dibuat secara sukarela. Gaji hanya diberi kepada Pegawai RELA Daerah sahaja. Jadi, saya berharap supaya kerajaan dapat memberi peruntukan yang lebih kepada RELA supaya fungsinya tidak akan mati di suatu ketika nanti.

Yang kedua, saya ingin menyentuh Maksud B.36, Butiran 060000 - Keselamatan Dalam Negeri dan Ketenteraman Awam. Terlebih dahulu saya

mengucapkan Selamat Ulang Tahun Ke 193, penubuhan Polis Diraja Malaysia baru-baru ini.

Tuan Pengerusi, sejak akhir-akhir ini kepercayaan orang ramai terhadap Institusi Polis Diraja Malaysia yang dianggap oleh sesetengah pihak mula dipertikaikan. Bagi saya, Polis Diraja Malaysia tetap sebagai satu badan yang bertanggungjawab menjaga keamanan negara dari perkara-perkara yang merosakkan kestabilan masyarakat dan negara sendiri. Walaupun beberapa tindakan polis yang dilihat oleh sesetengah kumpulan khususnya dari parti-parti pembangkang sebagai satu tindakan yang melanggar hak asasi manusia tetapi saya yakin dan percaya bahawa beberapa tindakan Polis Diraja Malaysia adalah sesuatu di luar jangkaan kita. Sesuatu tindakan yang dibuat oleh pihak Polis Diraja Malaysia bukanlah untuk kepentingan individu tetapi saya tetap yakin ia dilakukan demi kepentingan negara. Pihak Polis Diraja Malaysia memang tidak dapat menjelaskan perkara sebenarnya secara terbuka terutama sekali apabila melibatkan kuasa-kuasa asing. Saya berharap Kementerian Dalam Negeri dalam keadaan bagaimanapun harus sentiasa berusaha memperbaiki reputasinya sendiri mengenai Polis Diraja Malaysia. Tindakan oleh golongan sub-budaya dalam anggota Polis Diraja Malaysia hendaklah dibentaras melalui beberapa program yang diatur.

Pada Sambutan Ulangtahun Yang Ke 193 baru-baru ini pihak Polis Diraja Malaysia telah mengumumkan bagi tahun 1999 seramai 14 orang pegawai kanan dan 100 anggota berpangkat rendah terlibat dalam kes jenayah dan rasuah. Dan dalam tahun 1999 juga, seramai 123 orang pegawai kanan dan 1,207 orang anggota berpangkat rendah diambil tindakan tatatertib. Tindakan tatatertib yang diambil menurun sebanyak 30% daripada tahun sebelumnya iaitu tahun 1998.

Saya berharap Kementerian Dalam Negeri dalam usaha meningkatkan mutu perkhidmatan anggota Polis Diraja Malaysia hendaklah memberi beberapa insentif berupa elaun-elaun yang difikirkan sesuai mengikut bidang tugas yang dilakukan termasuk memberi elaun sewa rumah kepada anggota yang bertugas di bandar-bandar besar yang kadar sewa rumah terlalu tinggi seperti Johor Bahru, Kuala Lumpur, Kuantan dan Pulau Pinang. Pada saya untuk menaikkan gaji sesuatu kumpulan adalah sukar kerana melalui beberapa birokrasi yang difikirkan terlalu rumit.

Akhir sekali, saya berharap Kementerian Dalam Negeri hendaklah sentiasa memantau beberapa orang yang dikhuatiri menjadi ejen kepada negara-negara asing.

Mereka ini pada suatu ketika kerap berjumpa dengan kedutaan berkenaan di Kuala Lumpur sebelum ke luar negara. Kekhuatiran kita hendaklah diasaskan kepada semua lapisan masyarakat iaitu termasuk ahli-ahli politik, pegawai-pegawai kanan kerajaan dan ahli-ahli perniagaan. Kebanyakan orang-orang seperti inilah yang mengasaskan konsep kebebasan bersuara dan hak asasi manusia mengikut definisi mereka sendiri seolah-olah seperti untuk mewujudkan sebuah negara yang tidak perlu ada sesuatu undang-undang yang boleh menjaga keselamatan masyarakat dalam negara kita sendiri.

Saya juga minta Kementerian Dalam Negeri mengkaji slogan-slogan yang wujud dalam iklan-iklan di kaca TV seperti iklan Rokok *Salem*, *CocaCola*, *Camel Trophy* dan sebagainya kerana inilah budaya yang mula menjadi inspirasi masyarakat Malaysia hari ini. Slogan-slogan ini merupakan salah satu daripada rancangan jahat Yahudi.

Akhir sekali, saya minta supaya Kementerian Dalam Negeri mengkaji semula taraf kerakyatan mereka yang berada di luar negara yang menyalahi peraturan imigresen kerana diragui mereka-mereka ini juga terlibat bersama dengan ejen-ejen negara asing untuk merosakkan kestabilan negara Malaysia yang kita kasihi. Sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi: Pokok Sena.

5.15 ptg.

Tuan Mahfuz bin Haji Omar: Terima kasih Tuan Pengerusi, saya merujuk kepada B.35 Butiran 020000 - Kawalan Penerbitan. Hari ini kita digemparkan dengan satu laporan seperti yang tersiar dalam akhbar yang dibuat oleh Bahagian Perancangan, hasil kajian selidik yang dibuat oleh Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Dasar Pendidikan Kementerian yang mendapati bahawa berlakunya gejala-gejala jenayah yang berlaku di kalangan pelajar-pelajar di sekolah menengah sampai kepada peringkat di kalangan mereka ini membunuh, merogol termasuk masalah dadah, kegiatan lucah dan sebagainya.

Saya menyebutkan perkara ini berkaitan dengan pihak kementerian ini ialah antara penyumbang kepada menyebabkan mereka jadi begitu ialah kerana berlambaknya di pasaran sekarang ini majalah-majalah, penerbitan-penerbitan yang tidak menyumbang kepada pembentukan keperibadian mereka sama ada dari sudut intelektualnya ataupun pembentukan sahsiah dan akhlak di kalangan muda-mudi

khususnya pelajar-pelajar dan kita melihat bahawa majalah-majalah ini lebih kepada majalah-majalah yang dilambakkan ini, satu, yang berunsurkan hiburan dan yang lebih mempamerkan contoh-contoh yang bakal nanti diikuti oleh pelajar-pelajar ataupun generasi muda yang ada pada hari ini dan majalah-majalah ini juga didapati melanggar syarat-syarat penerbitan yang dibenarkan oleh Kementerian Dalam Negeri dan melanggar kod etika yang telah pun ditentukan oleh Kementerian Dalam Negeri.

Saya ingin mengulangi apa yang pernah saya sebut di Dewan yang mulia ini bahawa satu ketika dahulu saya pernah mengunjungi Timbalan Menteri Dalam Negeri, Datuk Megat Junid pada waktu itu untuk mengemukakan satu bantahan kepada beliau tentang kegagalan Kementerian Dalam Negeri mengambil tindakan-tindakan terhadap penerbit-penerbit majalah-majalah yang saya maksudkan tadi yang ternyata telah melanggar syarat-syarat yang ditentukan oleh Kementerian Dalam Negeri.

Antara majalah-majalah yang banyak yang boleh saya sebut di sini ialah *Pesta*, *URTV*, *HAI*, *Mangga*, *Mikroskop*, *Femina*, *Remaja*, *Citra*, *Popular* banyak lagi majalah-majalah yang pernah saya lambakkan di Kementerian Dalam Negeri hendak memperlihatkan bukti pelanggaran terhadap syarat-syarat tersebut dan yang lebih membimbangkan saya ialah mereka tidak memberikan sumbangan kepada pembentukan keperibadian masyarakat kita dan akhirnya hasilnya yang kita dapat ialah antara penyumbang kepada permasalahan remaja khususnya masyarakat ataupun penuntut-penuntut sekolah yang disebut tadi ialah hasil sedikit sebanyak ada kaitan sumbangan daripada majalah tersebut.

Oleh sebab itu saya minta kementerian harus tegas dalam persoalan ini, jangan hanya setakat akhbar *Harakah* sahaja dia tegas sedangkan akhbar *Harakah* banyak memberikan sumbangan intelektual kepada masyarakat secara menyeluruh, bukan memberikan sumbangan ke arah untuk menjadikan masyarakat yang tidak baik. Begitu juga dengan majalah-majalah lain, majalah-majalah *Detik* umpamanya yang saya pun hairan atas alasan apa sehingga pihak kementerian menarik balik ataupun tidak menyambung permit kepada majalah *Detik* sedangkan saya melihat bahawa *Detik* tidak memberikan sumbangan yang buruk ke arah pembinaan masyarakat negara kita tetapi membentuk pemikiran masyarakat supaya mempunyai kematangan berpolitik dan sebagainya untuk kepentingan masa depan negara kita.

Tuan Pengerusi, saya ingin merujuk juga kepada B.36 Butiran 01000, 03000 yang berkaitan dengan soal imej polis dan juga tentang tugas dan tanggungjawab pihak Polis Diraja Malaysia. Saya mengucapkan Selamat Hari Ulang Tahun Polis yang disambut baru-baru ini. Akhir-akhir ini kita melihat bahawa imej polis sangat tercemar di khalayak pandangan masyarakat ramai, ekoran daripada kes-kes kejadian-kejadian yang mahu tidak mahu memaksa pihak polis untuk bertindak yang kadang-kadangnya tindakan pihak polis itu di luar daripada batasan kemanusiaan itu sendiri. Juga kita melihat bahawa imej polis ini tercemar apabila wujudnya unsur-unsur, gejala-gejala yang tidak baik yang berlaku di kalangan anggota polis apabila kegagalan mereka sendiri untuk membanteras jenayah dan penglibatan pihak polis sendiri kadang-kadang di dalam tempat kerja mereka dengan unsur-unsur di mana mereka sendiri yang terlibat dengan gejala-gejala rasuah dan sebagainya.

Saya tunjuk contoh pengalaman saya duduk dalam lokap. Pengalaman saya duduk dalam lokap di Dang Wangi, dalam lokap, kalau tidak silap saya, salah satu lagi saya tidak ingat, dua lokap di Kuala Lumpur ini. Di dalam lokap boleh berlaku pengedaran dadah. Ini satu perkara yang sangat memalukan dan saya melihat sendiri bagaimana orang yang, sama ada penagih dadah ataupun yang disyaki kerana memiliki dadah, dia boleh menghisap dadah, menggunakan cucuk waktu dia berada di dalam lokap dan saya melihat bahawa dari sudut keselamatan orang-orang ini tidak terjamin dan tidak ada satu kawalan yang serius daripada pihak polis sendiri.

Saya boleh melihat bagaimana di waktu seorang yang ditahan itu mengeluarkan dadah daripada duburnya, dengan izin, minta maaf Tuan Pengerusi, dan bagaimana dia memasukkan kembali dadah tersebut ke dalam duburnya, dengan izin. Ini yang berlaku dan juga saya diberitahu pula oleh seorang yang ditahan di situ kerana ada didapati dadah dimiliki oleh beliau. Saya tanya bagaimana tentang keadaan kamu, adakah ada chances, oh dia kata tidak ada apa-apa, seorang India dia kata dia akan selamat, sebab dia kata keluarganya telah bertemu dengan pihak atasan, pihak polis dan akan menguji air kencing beliau, khususnya dari sudut air kencing ini, beliau akan bebas daripada adanya didapati kesan dadah kerana dia kata akan berlaku pertukaran air kencing sebab dia kata ada pihak anggota polis yang akan menjual air kencing mereka kepadanya. Saya tanya berapa harga, dia kata botol kecil Nescafe yang kecil itu, harganya RM500 dan ini yang kadang-kadang kita lihat bahawa yang menyebabkan antara imej polis juga dipersoalkan oleh masyarakat dan rakyat apabila

polis sendiri didapati bahawa tidak berupaya untuk mengawal keadaan yang seperti ini dan keadaan ini juga berlaku ditempat mereka yang tidak sewajarnya, tidak sepatutnya berlaku dalam keadaan yang demikian.

Begitu juga kita melihat bahawa imej polis juga terjejas ekoran daripada kegagalan mereka untuk membanteras tempat-tempat judi ini, tempat-tempat judi yang tumbuh secara berkembang begitu besar. Saya tunjuk contoh dalam kawasan saya sendiri, minta maaf saya tidak bawa tadi tertinggal senarai tempat-tempat judi. Saya pernah bertemu dengan Ketua Polis Daerah Kota Setar dalam satu majlis jamuan hari raya yang dianjurkan oleh Polis Diraja Daerah Kota Setar. Saya memberitahu kepada beliau dan dia juga memberitahu kepada saya bahawa mereka telah pun mengambil tindakan tetapi baru dalam tempoh dua tiga minggu ini, saya check balik, tempat-tempat yang mereka ambil tindakan itu tumbuh pula dan malah bukan sahaja di tempat-tempat yang mereka ambil tindakan itu tetapi tumbuh di rumah-rumah persendirian, tempat-tempat judi, mesin slot dan sebagainya yang memberikan satu sumbangan yang tidak baik kepada pertumbuhan masyarakat sama ada belia ataupun masyarakat orang tua yang menyebabkan mereka terlibat dengan kegiatan perjudian dan sebagainya.

Oleh sebab itu saya minta pihak kementerian, pihak polis mengambil tindakan yang tegas dalam hendak membanteras judi ini. Saya bimbang bahawa nanti ada hubungan yang mesra antara tauke-tauke judi ini dengan pihak-pihak yang berkuasa dan saya harap perkara itu tidak seharusnya berlaku.

Begitu juga dalam kes yang ingin saya mendapatkan penjelasan, apakah tindakan polis dalam kadar yang segera terhadap satu report yang dibuat oleh seorang India yang bernama Gobala Krishnan iaitu Penolong Setiausaha Pemuda Parti Keadilan. Report yang dibuat dalam masa dua tiga hari ini di Balai Polis Mentakab berkenaan dengan satu kejadian dalam kaitan dengan pilihan raya di DUN Sanggang. Kejadian ini berlaku di Jalan Mok Hee Kiang di Taman Bukit Bendera, di mana Gobala Krishan telah dipukul oleh samseng-samseng Barisan Nasional daripada MIC dan saya ingin mendapat penjelasan apakah tindakan polis dengan kadar segera untuk memastikan perkara tersebut tidak berulang khususnya menjelang daripada pilihan raya di DUN Sanggang ini.

Begitu juga ingin saya mendapat penjelasan daripada pihak kementerian berkenaan dengan satu report polis yang dibuat oleh Dato' Seri Anwar Ibrahim....

Tuan S. Veerasingam: Tuan Pengerusi, saya memohon penjelasan, MIC tidak ada samseng seperti yang disebut oleh Pokok Sena tadi, barangkali Gobala Krishnan yang menjadi samseng di Sanggang.

Tuan Mahfuz bin Haji Omar: Saya telah dimaklumkan bahawa dia telah dipukul oleh samseng-samseng daripada India mengatakan bahawa mereka...

Tuan S. Veerasingam: Samseng-samseng India lain daripada samseng MIC, Tuan Pengerusi.

Tuan Mahfuz bin Haji Omar: Mereka itu memakai lambang dacing, lambang Barisan Nasional, sudah tentulah tidak ada India lain daripada Barisan Nasional, daripada MIC.

Satu report yang pernah dibuat oleh Dato' Seri Anwar Ibrahim iaitu Report Dang Wangi, Report No. 20255/99 iaitu report berkaitan dengan kegagalan pendakwaan yang dibuat ke atas Yang Berhormat bagi Kuala Kangsar, berkaitan dengan perakuan yang dibuat oleh Dato' Seri Anwar Ibrahim bekas Timbalan Perdana Menteri kita mengatakan bahawa beliau telah pun menerima satu dokumen pertuduhan yang telah dcadangkan oleh Ketua Jabatan Pendakwa iaitu Abdul Ghani Patail yang telah ditandatangani oleh Abdul Ghani Patail pada 14 Mac 1995 dan dokumen itu diserahkan kepada beliau oleh Peguam Negara Tan Sri Mohtar Abdullah berkenaan dengan cadangan lima pertuduhan ini. Tetapi beliau mengatakan bahawa pertuduhan itu tidak boleh dibuat oleh kerana ada campur tangan Perdana Menteri untuk menghalang tindakan pendakwaan tersebut dibuat. Oleh sebab itu beliau membuat report bahawa beliau meminta satu tindakan perlu dibuat terhadap Perdana Menteri dan juga terhadap Tan Sri Mohtar dan juga Abdul Ghani Patail.

Oleh sebab itu, saya ingin mendapat penjelasan apa kesudahan siasatan yang telah dibuat sejak sekian lama yang dibuat oleh Dato' Seri Anwar Ibrahim terhadap report beliau ini kerana kita ingin tahu perkembangan-perkembangan selanjutnya tentang report yang telah dibuat oleh beliau. Yang akhirnya...

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat, masa Yang Berhormat sudah cukup.

Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar: Yang akhir, satu lagi perkara yang sangat penting berkenaan dengan masalah kepentingan orang Islam, Tuan Pengerusi iaitu berkenaan dengan B.39 02000 iaitu berkaitan dengan Jabatan Pendaftaran Negara.

Saya telah bangkitkan sebelum ini dan saya ingin mendapatkan satu penjelasan yang tegas daripada pihak kementerian khususnya daripada Jabatan Pendaftaran Negara berkenaan dengan permasalahan berlakunya wujud terlalu mudah pertukaran nama daripada nama Islam kepada bukan Islam yang membawa kepada timbulnya gejala ridhah ataupun gejala murtad dalam negara kita. Oleh sebab itu, saya mengharapkan bahawa kalau boleh pihak kementerian tidak menggunakan peruntukan undang-undang yang ada ini ke atas orang Islam sebab ini adalah untuk menjaga kepentingan orang Islam kerana Islam telah pun diisytihar sebagai Agama Rasmi dalam negara kita mengikut Perkara 3(1) dalam Perlembagaan Persekutuan.

Dan saya mengharapkan bahawa satu kenyataan yang dibuat oleh Hakim Dato' Mohd. Noor bin Haji Abdullah dalam kes Meor Atiqurrahman bin Isha k lawan Fatimah See dan lain-lain – beliau mengatakan bahawa peruntukan Islam ialah sebagai agama bagi Persekutuan tetapi agama-agama lain boleh diamalkan dengan aman dan damai. Bermakna Islam adalah agama utama di antara agama-agama yang lain yang dianuti di negara ini. Islam bukanlah setaraf dengan agama lain, bukan duduk berganding bahu ataupun berdiri sama tegak – ia duduk di atas, ia berjalan dahulu, terletak di tempat medan dan suara lantang kedengaran.

Inilah yang sepatutnya diberikan perhatian oleh Jabatan Pendaftaran Negara untuk memastikan supaya gejala-gejala kemudahan yang terlalu mudah untuk masyarakat Islam, orang-orang menukar nama daripada Islam kepada bukan Islam . Oleh sebab itu, saya mohon penjelasan daripada Yang Berhormat. Sekian.

Tuan Pengerusi: Ya, sebelah sana ya. Yang Berhormat yang nombor tiga , Bintulu.

5.28 ptg.

Dato' Tiong King Sing [Bintulu]: Terima kasih, Tuan Pengerusi. Di bawah Kementerian Dalam Negeri, saya ingin menyentuh Jabatan Imigresen di bawah B.37 Butiran 020000 dan 020400 mengenai hal-hal passport.

Perkaranya ialah mengenai passport gantian. Apakah dasar pihak Imigresen mengenai passport gantian bagi pemegang passport antarabangsa yang telah menghilangkan passport. Begitu ramai rakyat dalam kawasan saya telah berjumpa saya mengenai passport gantian yang tidak dikeluarkan kepada pemegang walaupun segala prosedur seperti laporan polis dibuat agar suatu masa yang panjang diberikan kepada pihak Imigresen untuk menyiasat.

Ada pula kes-kes kehilangan pasport dalam kebakaran dan bencana alam pun harus tunggu tiga ke-lima tahun tanpa sebarang jawapan. Saya percaya wakil rakyat yang lain pun sentiasa menerima aduan-aduan daripada pengundi mereka.

Puan Fong Po Kuan: *[Bangun]*

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat, ada yang bangun.

Puan Fong Po Kuan: Yang Berhormat bagi Bintulu, saya setuju sebab saya sendiri di dalam masa 7 jam telah terima 14 aduan. Terima kasih.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat, nanti, nanti. Biar dia bagi jalan dulu. Yang Berhormat bagi Bintulu, minta sambung pada hari Isnin yang akan datang.

Dato' Tiong King Sing: Sekian, terima kasih.

[Majlis Mesyuarat bersidang semula]

*[Tuan Yang di-Pertua **mempengerusikan Mesyuarat**]*

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, mesyuarat ditangguhkan sehingga hari Isnin yang akan datang, jam 10.00 pagi.

Dewan ditangguhkan pada pukul 5.30 petang.

LAMPIRAN

Februari 2000

AHLI-AHLI DEWAN RAKYAT

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, Tun Mohamed Zahir bin Haji Ismail, S.S.M., P.M.N., S.P.M.K., D.S.D.K. J.M.N.

Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, Dato Seri Dr. Mahathir bin Mohamad, D.K.(Brunei), D.K.(Perlis), D.K.(Johor), D.U.K., S.S.D.K., S.S.A.P., S.P.M.S., S.P.M.J., D.P. (Sarawak), D.U.P.N., S.P.N.S., S.P.D.K., S.P.C.M., S.S.M.T., D.U.M.N., P.I.S. (Kubang Pasu)

“ Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Dalam Negeri, Dato' Seri Abdullah bin Haji Ahmad Badawi, D.G.P.N., D.S.S.A., D.M.P.N., D.J.N., K.M.N., A.M.N., S.P.M.S. (Kepala Batas)

Yang Berhormat Menteri Pengangkutan, Dato' Seri Ling Liong Sik, S.P.M.P., D.G.S.M., D.P.M.P. D.P.M.S. (Labis)

“ Menteri Kerja Raya, Dato' Seri S. Samy Vellu, S.P.M.J., S.P.M.P., D.P.M.S., P.C.M., A.M.N. (Sungai Siput)

“ Menteri Perusahaan Utama, Dato' Seri Dr. Lim Keng Yaik, S.P.M.P., D.G.P.N, D.P.C.M. (Beruas)

- “ Menteri Tugas-tugas Khas dan Menteri Kewangan, Tun Dato’ Daim Zainuddin, S.S.M., S.P.M.S., D.H.M.S., S.S.A.P. (Merbok)
- “ Menteri Tenaga, Komunikasi dan Multimedia, Datuk Amar Leo Moggie anak Irok, D.A., P.N.B.S. (Kanowit)
- “ Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Dato’ Seri Rafidah Aziz, S.P.M.P., S.P.M.T., D.P.M.S., A.M.N. (Kuala Kangsar)
- “ Menteri Pertahanan, Dato’ Sri Mohd. Najib bin Tun Haji Abdul Razak, S.S.A.P, S.I.M.P., D.S.A.P., D.P.M.S., P.N.B.S., D.U.B.C.(T). (Pekan)
- “ Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, Dato Law Hieng Ding, P.N.B.S., K.M.N., P.B.S., P.B.J. (Sarikei)
- “ Menteri Luar Negeri, Datuk Seri Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar, S.P.M.J., S.P.D.K., D.P.M.J., S.M.J., A.M.N. (Kota Tinggi)
- “ Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna , Tan Sri Dato’ Haji Muhyiddin bin Haji Mohd. Yassin, P.I.S., B.S.I., S.M.J., P.S.M., S.P.M.J. (Pagoh)
- “ Menteri Kesihatan, Datuk Chua Jui Meng, D.I.M.P., S.I.M.P, S.M.J, P.I.S (Bakri)

Yang Berhormat Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, Dato’ Dr. Siti Zaharah binti Sulaiman, D.S.A.P., D.I.M.P. (Paya Besar)

- “ Menteri Penerangan, Tan Sri Dato’ Seri Mohd. Khalil bin Yaakob, P.S.M., S.S.A.P., S.I.M.P., D.S.A.P., J.S.M., S.M.P. (Kuantan)
- “ Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, Dato’ Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir, P.G.D.K., D.S.D.K., A.M.K. (Kulim-Bandar Baharu)
- “ Menteri Sumber Manusia, Datuk Dr. Fong Chan Onn, D.M.S.M. (Selandar)
- “ Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Dato’ Ong Ka Ting, D.P.M.P. (Pontian)
- “ Menteri Pembangunan Usahawan, Datuk Mohamed Nazri bin Abdul Aziz, D.M.S.M., A.M.P., B.K.T. (Chenderoh)
- “ Menteri Pembangunan Luar Bandar, Dato’ Haji Azmi bin Khalid, D.P.M.P., S.M.P., P.J.K. (Padang Besar)
- “ Menteri Belia dan Sukan, Dato’ Hishammuddin bin Tun Hussein, D.S.A.P., D.P.M.J. (Tenggara)
- “ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Tan Sri Bernard Giluk Dompok (Kinabalu)
- “ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Dato’ Dr. Rais bin Yatim, D.S.N.S. (Jelebu)
- “ Menteri Pertanian, Datuk Effendi bin Norwawi (Kuala Rajang)
- “ Timbalan Yang di-Pertua, Dato’ Haji Muhamad bin Abdullah, D.I.M.P., S.M.P., P.J.K. (Maran)
- “ Timbalan Yang di-Pertua, Datuk Lim Si Cheng, P.I.S. (Senai)

- “ Timbalan Menteri Penerangan Dato’ Haji Mohd. Khalid bin Mohd. Yunus, D.S.N.S. (Jempol)
- “ Timbalan Menteri Luar Negeri, Datuk Dr. Leo Michael Toyad, P.G.D.K., J.B.S. (Mukah)
- “ Timbalan Menteri Kesihatan, Datuk Seri Drs. Suleiman bin Mohamed D.P.M.S., S.S.S.A(Titiwangsa)
- “ Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Datuk Peter Chin Fah Kui, P.G.B.K. (Miri)
- “ Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Dato’ Kerk Choo Ting, D.P.M.P. (Taiping)
- “ Timbalan Menteri Kewangan, Dato’ Chan Kong Choy, D.S.A.P., D.P.M.S. (Selayang)
- Yang Berhormat Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Dato’ S. Subramaniam D.P.M.J., D.S.N.S., S.M.J. (Segamat)
- “ Timbalan Menteri Pertahanan, Datuk Mohd. Shafie bin Haji Apdal, P.G.D.K. (Semporna)
- “ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri Datuk Douglas Uggah Embas, P.G.B..K., P.B.S., A.B.S., A.M.N. (Betong)
- “ Timbalan Menteri Kewangan, Dato’ Dr. Haji Shafie bin Haji Mohd. Salleh, D.S.S.A., S.M.S., S.S.A., K.M.N. (Kuala Langat)
- “ Timbalan Menteri Dalam Negeri, Dato’ Chor Chee Heung, D.S.D.K., A.M.N., J.P. (Alor Setar)
- “ Timbalan Menteri Tenaga, Komunikasi dan Multimedia, Datuk Tan Chai Ho, P.J.N., K.M.N., A.M.N. (Bandar Tun Razak)
- “ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Dato’ Hajah Shahrizat binti Abdul Jalil, D.I.M.P. (Lembah Pantai)
- “ Timbalan Menteri Pembangunan Luar Bandar, Dato’ G. Palanivel, D.S.S.A., S.S.A., P.J.K. (Hulu Selangor)
- “ Timbalan Menteri Belia dan Sukan, Datuk Ong Tee Keat, P.J.N., S.M.S. (Ampang Jaya)
- “ Timbalan Menteri Pengangkutan, Tan Sri Ramli bin Ngah Talib, P.C.M., S.P.C.M., A.M.N., J.P. (Pasir Salak)
- “ Timbalan Menteri Pertanian, Dato’ Seri Mohd. Shariff bin Haji Omar, D.G.P.N., D.M.P.N., P.P.T. (Tasek Gelugor)
- “ Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, Dato’ Zainal bin Dahalan, P.J.K., K.M.N., J.S.M., D.P.M.S. (Sabak Bernam)
- “ Timbalan Menteri Dalam Negeri, Dato’ Zainal Abidin bin Zin, D.P.M.P., P.M.P. (Bagan Serai)
- “ Mulia Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Tengku Dato’ Seri Azlan ibni Sultan Abu Bakar, S.P.T.J., D.S.A.S. (Jerantut)
- “ Timbalan Menteri Kerja Raya, Tuan Mohamed Khaled bin Haji Nordin P.I.S. (Johor Bahru)
- “ Timbalan Menteri Perusahaan Utama, Datuk Anifah Aman (Beaufort)
- “ Timbalan Menteri Tanah dan Pembangunan Koperasi, Dr. Tan Kee Kwong (Segambut)
- “ Timbalan Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, Dr. Tiki anak Lafe (Mas Gading)

- Yang Berhormat Timbalan Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, Dato' Dr. Ng Yen Yen (Raub)
- “ Timbalan Menteri Sumber Manusia, Dr. Abdul Latiff bin Ahmad (Mersing)
- “ Timbalan Menteri Pendidikan, Dato' Hon Choon Kim, D.S.N.S. (Seremban)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Pertanian, Dato' Abu Bakar bin Taib, D.S.D.K., S.D.K., B.C.K., K.M.N., P.J.K. (Langkawi)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Dalam Negeri, Datuk Seri Abu Zahar bin Isnin, D.G.S.M., D.M.S.M., A.M.N. (Jasin)
- “ Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri, Puan Hajah Khamsiyah binti Yeop, P.P.T., A.M.N., A.M.P., P.M.P. (Gerik)
- “ Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri, Tuan Haji Noh bin Haji Omar, K.M.N., A.S.A., P.J.K., J.P. (Tanjong Karang)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Pengangkutan, Tuan Ir. Donald Lim Siang Chai (Petaling Jaya Selatan)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Kerja Raya, Tuan Yong Khoon Seng, K.M.N. (Stampin)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Kewangan, Tuan Hashim bin Ismail, P.P.N., P.I.S. (Ledang)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Tenaga, Komunikasi dan Multimedia, Tuan Chia Kwang Chye (Bukit Bendera)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna Tuan Wong Kam Hoong, K.M.N. (Bayan Baru)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan, Tuan S.R. Anpalagan (Telok Kemang)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Tanah dan Pembangunan Koperasi, Dr. Robia binti Dato' Kosai (Muar)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, Tuan S. Veerasingam, P.M.P., A.M.P, A.M.N. (Tapah)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Pembangunan Usahawan, Tuan Rizalman bin Abdullah, J.P. (Tenom)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Pembangunan Luar Bandar, Puan Hajah Rohani binti Haji Abdul Karim, P.B.S., P.P.B., (Santubong)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Pendidikan, Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir (Sungai Petani)
- Yang Berhormat Tuan A. Bakar bin Haji Othman (Jerlun)
- “ Tuan Haji Abdul Fatah bin Haji Haron, S.M.K. (Rantau Panjang)
- “ Tun Abdul Ghafar bin Baba, S.S.M. (Batu Berendam)
- “ Tuan Haji Abdul Hadi bin Haji Awang (Marang)
- “ Tuan Haji Abdul Hamid bin Abdul Rahman (Sungai Benut)
- “ Tan Sri Dato Seri Dr. Abdul Hamid Pawanteh, P.S.M., S.P.M.P. (Kangar)
- “ Dato' Haji Abdul Kadir bin Annuar, S.P.M.J., K.M.N., P.I.S., B.S.I., A.M.N. (Pulai)
- “ Tuan Abd. Rahman bin Yusof (Kemaman)

- “ Tan Sri Datuk Patinggi Abdul Taib Mahmud, S.P.M.J., S.P.M.T., S.S.S.A, S.S.A.P., S.S.D.K., P.S.M., S.P.M.B., D.G.S.M., P.K.C, D.P. (Kota Samarahan)
- “ Dato’ Dr. Abdullah Fadzil bin Che Wan, D.P.C.M., P.C.M. (Bukit Gantang)
- “ Datuk Wira Abu Seman bin Haji Yusop, B.K.T., J.P., D.M.S.M., K.M.N., D.C.S.M. (Alor Gajah)
- “ Tuan Haji Ahmad Husni bin Mohd. Hanadzlah, P.P.T., A.M.P. (Tambun)
- “ Datuk Ahmad Zahid bin Hamidi, D.M.S.M., P.P.T., P.J.K. (Bagan Datoh)
- “ Raja Dato’ Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar (Larut)
- “ Tuan Alexander Nanta Linggi, A.B.S. (Kapit)
- “ Tuan Alwi bin Jusoh (Pasir Puteh)
- “ Tuan Haji Amihamzah bin Ahmad (Lipis)
- “ Datu Amirkahar bin Tun Datu Haji Mustapha (Marudu)
- “ Tuan Haji Badrul Hisham bin Abdul Aziz, A.S.A. (Hulu Langat)
- “ Tuan Billy Abit Joo, K.M.N. (Hulu Rajang)
- “ Tuan Chang See Ten, P.I.S. (Gelang Patah)
- “ Tuan Haji Che Ghani bin Che Ambak, P.J.K. (Setiu)
- “ Puan Chew Mei Fun (Petaling Jaya Utara)
- “ Puan Chong Eng (Bukit Mertajam)
- “ Tuan Ch ow Kon Yeow (Tanjong)
- “ Dato’ Haji Fadzil bin Md. Noor, D.S.D.K. (Pendang)
- Yang Berhormat Tuan Fong Kui Lun (Bukit Bintang)
- “ Puan Fong Po Kuan (Batu Gajah)
- “ Tuan Fu Ah Kiow (Mentakab)
- “ Tuan Goh Kheng Huat (Nibong Tebal)
- “ Dato Goh Siow Huat (Rasah)
- “ Dato’ Dr. Hasan bin Haji Mohamed Ali, D.I.M.P., S.M.S. (Parit Buntar)
- “ Tuan Hassan bin Mohamed (Besut)
- “ Tuan Henry Sum Agong, A.K. (Bukit Mas)
- “ Dato’ Hew See Tong, D.P.M.P., J.P. (Kampar)
- “ Tuan Ho Cheong Sing, P.M.P., A.M.N. (Ipoh Barat)
- “ Tuan Hoo Seong Chang (Kluang)
- “ Tuan Husam bin Haji Musa (Kubang Kerian)
- “ Tuan Haji Ismail bin Noh (Pasir Mas)
- “ Tuan Jacob Dungau Sagan, J.B.S., K.M.N., P.P.B. (Baram)
- “ Dato’ Dr. Haji Jamaludin bin Dato’ Mohd. Jarjis, D.I.M.P., (Rompin)
- “ Dr. James Dawos Mamit, P.P.B., P.P.S. (Mambong)
- “ Tuan Jawah anak Gerang (Lubok Antu)
- “ Tuan Jimmy Lim Donald (Sri Aman)

- “ Tuan Joseph Mauh anak Ikeh (Selangau)
- “ Datuk Seri Panglima Joseph Pairin Kitingan, P.G.D.K., P.N.B.S., S.S.A.P., S.P.D.K. (Keningau)
- “ Tuan Joseph Salang Anak Gandum (Julau)
- “ Tuan Juslie bin Ajirol (Libaran)
- “ Dato’ Kamarudin bin Jaffar, B.C.M, D.S.N.S. (Tumpat)
- “ Tuan Kerk Kim Hock (Kota Melaka)
- “ Tan Sri Dato Dr. K.S. Nijhar, P.S.M., S.P.M.J., J.M.N. (Subang)
- “ Tuan Kong Cho Ha (Lumut)
- “ Datuk Lau Ngan Siew, A.D.K., K.M.N., P.G.D.K. (Sandakan)
- “ Tuan Lee Kah Choon (Jelutong)
- “ Puan Lim Bee Kau, A.M.K., B.K.M., P.J.K. (Padang Serai)
- “ Tuan Lim Hock Seng (Bagan)
- Yang Berhormat Tuan Liow Tiong Lai, S.M.P. (Bentong)
- “ Dato’ Loke Yuen Yow, D.P.M.P., A.M.P. (Tanjong Malim)
- “ Tuan Mah Siew Keong (Teluk Intan)
- “ Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar (Pokok Sena)
- “ Puan Hajah Mastika Junaidah binti Husin (Arau)
- “ Tuan Haji Mat Basir bin Rahmat (Parit)
- “ Dr. Maximus Johnity Ongkili, A.S.D.K., J.P. (Bandau)
- “ Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz, P.N.J., S.M.J., K.M.N., P.I.S., B.S.I., A.M.N., P.P.N. (Sri Gading)
- “ Tuan Mohamad bin Sabu (Kuala Kedah)
- “ Tuan Mohamed Nasir bin Che Daud (Kuala Krai)
- “ Tuan Mohamed Sayuti bin Said, P.P.T., P.J.K., P.P.N. (Kuala Selangor)
- “ Datuk Haji Mohd. Ali bin Haji Hassan, P.J.N., S.M.J., K.M.N., P.I.S., A.M.N., P.P.N. (Tebrau)
- “ Tuan Mohd. Amar bin Abdullah (Pengkalan Chepa)
- “ Tuan Mohd. Apandi bin Haji Mohamad (Jeli)
- “ Datuk Seri Panglima Mohd. Salleh bin Tun Md. Said Keruak, P.G.D.K. (Kota Belud)
- “ Datuk Mohd. Sarit bin Haji Yusoh (Temerloh)
- “ Tuan Mohd. Yusoff bin Mohd. Nor, P.P.N., J.M.N. (Machang)
- “ Dato’ Mohd. Zain bin Omar, D.S.P.N., K.M.N., P.J.K, P.J.M., (Balik Pulau)
- “ Dato’ Ir. Mohd. Zin bin Mohamed, D.P.T.J., J.P. (Shah Alam)
- “ Tuan Moktar bin Radin, A.D.K., A.S.D.K. (Kinabatangan)
- “ Tuan M. Shukrimun bin Shamsudin (Kuala Nerus)
- “ Tuan Muhammad bin Mustafa (Peringat)
- “ Tuan Haji Muhyidin bin Haji Abd. Rashid (Hulu Terengganu)
- “ Tuan Mustafa bin Ali (Dungun)

- “ Datuk Napsiah binti Omar (Kuala Pilah)
- “ Tuan Nasharudin bin Mat Isa (Yan)
- “ Tuan Ng Lip Yong (Batu)
- “ Datuk Osu bin Sukam, S.P.D.K., P.G.D.K., D.A. (Papar)
- Yang Berhormat Datuk Peter Tinggom anak Kamarau, P.P.B., P.P.C., K.M.N., P.N.B.S., J.B.S., A.M.N., P.B.S. (Saratok)
- “ Tuan Philip Benedict Lasimbang, A.S.D.K. (Penampang)
- “ Puan P. Komala Devi, P.P.T. (Kapar)
- “ Datuk Railey bin Haji Jeffrey, P.G.D.K., J.M.N. (Silam)
- “ Tuan Ramli bin Ibrahim (Kota Bharu)
- “ Mulia Tengku Tan Sri Razaleigh Hamzah, D.K., P.S.M., S.P.M.K., S.S.A.P., S.P.M.S. (Gua Musang)
- “ Tuan Richard Riot anak Jaem (Serian)
- “ Tuan Robert Lau Hoi Chew, J.B.S., (Sibu)
- “ Tuan Ronald Kiandee, A.S.D.K. (Beluran)
- “ Datuk Ruhanie bin Haji Ahmad, D.M.S.M., P.I.S. (Parit Sulong)
- “ Tuan Saupi bin Daud (Tanah Merah)
- “ Datin Paduka Hajah Seripah Noli binti Syed Hussin, D.S.S.A (Sepang)
- “ Dato’ Shahnnon bin Ahmad, D.S.D.K., K.M.N. (Sik)
- “ Tuan Shaziman bin Abu Mansor, A.N.S. (Tampin)
- “ Tuan Shim Paw Fatt, J.P. (Tawau)
- “ Tuan Haji Siam bin Haji Kasrin, K.M.N., P.I.S. (Batu Pahat)
- “ Datuk Song Swee Guan, P.G.B.S. (Bandar Kuching)
- “ Dato’ Suhaili bin Abdul Rahman, D.I.M.P., A.S.D.K. (Labuan)
- “ Puan Sukinam Domo (Batang Sadong)
- “ Datuk Seri Amar Dr. Haji Sulaiman bin Haji Daud, S.I.M.P., D.A., D.S.S.A., P.N.B.S., J.B.S. (Petra Jaya)
- “ Dr. Syed Azman bin Syed Ahmad Nawawi (Kuala Terengganu)
- “ Tuan Taib Azamudden bin Md. Taib, J.B.S., A.M.N. (Baling)
- “ Tuan Tan Kok Wai (Cheras)
- “ Dr. Tan Seng Giaw (Kepong)
- “ Datin Paduka Dr. Tan Yee Kew, D.S.S.A (Kelang)
- “ Puan Teresa Kok Suh Sim (Seputeh)
- “ Tuan Thong Fah Chong (Ipoh Timur)
- “ Dato’ Dr. Ting Chew Peh, D.P.M.S., D.P.M.P. (Gopeng)
- “ Dato’ Tiong King Sing, D.S.S.A., J.P. (Bintulu)
- “ Dato’ Tiong Thai King, (Lanang)
- Yang Berhormat Datin Seri Dr. Wan Azizah Wan Ismail (Permatang Pauh)
- “ Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar, J.B.S., P.B.S. (Batang Lupar)

- “ Tuan Wan Nik bin Wan Yussof (Bachok)
- “ Tuan Wilfred Madius Tangau, J.P., A.D.K. (Tuaran)
- “ Dato’ Yap Pian Hon, D.P.M.S., A.M.N., P.J.K. (Serdang)
- “ Dr. Yee Moh Chai (Tanjong Aru)
- “ Datuk Yong Teck Lee, P.G.D.K., P.J.N. (Gaya)
- “ Datuk Dr. Haji Yusof bin Haji Yacob, P.G.D.K., A.D.K. (Sipitang)
- “ Datin Paduka Hajah Zaleha binti Ismail, D.P.M.S., S.M.S, K.M.N (Gombak)
- “ Tuan Zawawi bin Haji Ahmad (Padang Terap)
- “ Dato’ Zulhasnan bin Rafique, D.I.M.P., A.M.N. (Wangsa Maju)

MENTERI/TIMBALAN MENTERI (SENATOR)

- “ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Dato’ Paduka Dr. Haji Abdul Hamid bin Haji Othman, D.H.M.S., S.I.M.P., D.S.D.K., J.S.M., K.M.N., P.P.T
- “ Menteri Tanah dan Pembangunan Koperasi, Tan Sri Datuk Kasitah Gaddam, P.S.M., P.G.D.K., J.S.M.
- “ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Pandikar Amin Haji Mulia
- “ Menteri Pendidikan, Tan Sri Dato’ Musa bin Mohamad, P.S.M., D.P.M.N., D.P.C.M.
- “ Timbalan Menteri Pendidikan, Dato’ Abdul Aziz bin Shamsuddin, D.P.M.S.

DEWAN RAKYAT

PEGAWAI-PEGAWAI KANAN

Setiausaha Dewan Rakyat
Datuk Mohd. Salleh bin Haji Hassan

Ketua Penolong Setiausaha
Zamani bin Haji Sulaiman
Haji Mustakin bin Selamat
Shahrom bin Haji Hasan

Penolong Setiausaha
Haji Mustafa bin Abdul Rahman
Ruhana binti Abdullah
Riduan bin Rahmat

BENTARA MESYUARAT

Mejar (B) Abdul Halim bin Haji Ali
Mejar (B) Zakaria bin Salleh
Mejar (B) Kamaruddin bin Abdullah

PETUGAS-PETUGAS CAWANGAN DOKUMENTASI

Azhari bin Hamzah
Monarita binti Mohd. Hassan
Hajah Shamsiah binti Mohd. Yusop
Mohd Saleh bin Mohd. Yusop
Mohamed bin Osman
Hajah Norishah binti Mohd. Thani
Shamsina binti Janor
Ramlah binti Mohd. Yusuff
Jamilah Intan binti Haji Bohari
Khairul Azila binti Haji Khairuddin
Nurziana binti Ismail
Noor Effarizan binti Mat Satib
Taharah binti Mohamed
Nik Elyana binti Ahyat
Mashitah binti Kamaruddin
Abu Bakar bin Hasan
Alias bin Md. Nor

PETUGAS-PETUGAS CAWANGAN MESIN CETAK

Kamal bin Oyub
Haji Latif bin Ismail
Kamaroddin bin Mohd. Yusof

PARLIMEN KESEPULUH

PENGGAL KEDUA

MESYUARAT PERTAMA

Jilid II

Bil. 26

Khamis

30 Mac 2000

K A N D U N G A N

**JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI
PERTANYAAN-PERTANYAAN**

(Halaman 1)

RANG UNDANG-UNDANG:

Rang Undang-undang Perbekalan 2000

Jawatankuasa:

Jadual –

Maksud B. 33

(Halaman 22)

Maksud B. 35 hingga B.41

(Halaman 87)

USUL:

Anggaran Pembangunan 2000

Jawatankuasa:

Maksud P. 33

(Halaman 22)

Maksud P. 35, P.36, P.37, P.39 dan P.40

(Halaman 87)

Waktu Mesyuarat dan Urusan Dibebaskan Daripada Peraturan Mesyuarat
(Halaman 90)